


Jilid IV
Bil. 13



Hari Jumaat
29hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1933]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2007]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja [Ruangan 2008]

MALAYSIA

PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN, P.M.N., P.N.B.S., D.S.N.B. (Brunci), J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK HAJI HUSSEIN BIN AHMAD, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF, D.I.M.P., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, D.M.S.M., K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N., (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ PUAN HAJJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur)
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ TUAN P. BALARAM, A.M.N., A.M.K. (Kedah Darulaman).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ DR CHONG ENG LEONG (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis)
- „ TUAN DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ PUAN HAJJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN HARUN, A.M.N. (Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNLAN, B.S.K. (Sabah)
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG, P.P.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KUAN PENG SOON, A.M.N. (Perak).
- „ TUAN LAU KENG SIONG *alias* JOSEPH LAU KENG SEONG, K.M.N., A.M.N., P.I.S. (Johor).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ TUAN LIM CHIEN AUN (Pulau Pinang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Dilantik).
- „ DR NG KHEK KIUNG (Selangor Darul Ehsan).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka)
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN G. RAJOO (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN SIVALINGAM A/L ARUMUGAM KARUPPIAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID BIN SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHAI HO, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).

Yang Berhormat DR TAN CHONG KENG (Dilantik).

- „ DATO' TAN PENG KHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN VALLI MUTHUSAMY, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHAYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., P.J.K., P.P.N. (Selangor Darul Ehsan).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Jumaat, 29hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RISDA—PENYUSUNAN SEMULA

1. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan secara terperinci kemajuan yang telah dicapai semenjak pimpinan RISDA diambilalih oleh Ketua Pengarah barunya; dan apakah rancangan masa depan agensi itu.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah membuat kajian terhadap RISDA pada tahun 1989 dan apabila pimpinan RISDA diambilalih oleh Ketua Pengarah baru, beliau telah membuat beberapa perubahan utama sejajar dengan kajian tersebut bagi menyusun semula pengurusan, pentadbiran dan arah program pembangunan RISDA. Perubahan-perubahan tersebut dilakukan seperti berikut:

(i) *Mendekatkan Perkhidmatan RISDA Kepada Pekebun Kecil*

Mulai 1 Jun 1990 pengurusan RISDA telahpun selesai

mewujudkan 60 buah Pejabat RISDA Daerah. Tiap-tiap Pejabat RISDA Daerah diketuai oleh Pegawai dari Kumpulan "A", berbanding sebelum ini diketuai oleh Pegawai Kumpulan "B". Dengan adanya 60 buah Pejabat RISDA Daerah itu maka semua Pejabat-pejabat Wilayah yang berjumlah 22 buah semuanya telah dihapuskan.

(ii) *Mengubah Struktur Organisasi di Ibu Pejabat*

Di peringkat Ibu Pejabat pula, pengurusan RISDA telah memperkecilkan Bahagian daripada 11 kepada 6 Bahagian sahaja, iaitu:

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kewangan
3. Bahagian Perancangan dan Pembangunan
4. Bahagian Tanam Semula
5. Bahagian Bekalan dan Kejuruteraan
6. Bahagian Pengembangan

(iii) *Pengagihan Semula Kakitangan*

Mengenai dengan kakitangan di Ibu Pejabat, pada 31 Disember 1989 terdapat seramai 1,171 orang kakitangan tetapi telah disusun semula, seramai 344 orang dari semua kumpulan telah dipindahkan ke daerah-daerah. Kini, Ibu Pejabat hanya mempunyai 827 orang kakitangan sahaja.

(iv) *Tindakan Disiplin*

Berbagai tindakan disiplin juga telah diambil ke atas pegawai dan kakitangan yang melakukan berbagai kesalahan. Mereka terdiri dari 2 orang pegawai kanan yang telah ditamatkan perkhidmatan di atas kepentingan awam; 30 orang pegawai dan kakitangan lagi telah diambil berbagai tindakan disiplin termasuk 7 orang daripada mereka telah dibuang kerja.

(v) *Peningkatan Program Tanam Semula*

Mengenai perancangan di masa hadapan, RISDA akan memberikan keutamaan projek Tanam Semula kepada kawasan-kawasan dan daerah yang miskin selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Mulai tahun ini, matlamat program Tanam Semula dan Pemulihan Tanam Semula telah dinaikkan dari 34,875 hektar setahun kepada 45,500 hektar setahun. Di samping itu, RISDA juga akan memajukan tanah kosong tersepit dalam kawasan pembangunan tanaman semula getah.

(vi) *Zon Getah*

RISDA akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai ditanam untuk satu jenis tanaman iaitu getah dan kawasan ini dipanggil zon getah yang mana tanaman semula dapat dilakukan dengan pengurangan kos oleh kerana 'economies of scale', dengan izin.

(vii) *Penglibatan Pekebun Kecil*

RISDA akan menjalankan kegiatan tanam semula dengan melibatkan pekebun kecil secara optima, dan dengan cara ini akan melimpahkan sebahagian perbelanjaan pembangunan kepada pekebun-pekebun kecil.

(viii) *Koperasi Pekebun Kecil*

Koperasi Pekebun Kecil akan dibimbing, dibantu untuk mengambil sebahagian daripada tugas mentadbir dan menguruskan penyelenggaraan tanam semula yang dijalankan oleh RISDA sekarang.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihaknya berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh Pengarah baru RISDA sekarang ini; dan

Yang kedua, apakah pihak Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan langkah yang sama akan diambil kepada FELDA dalam menyusun semula dan mengemas-kinkan organisasi itu sudah ditegur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan organisasi itu sekarang tidak begitu cekap dari segi prestasinya berbandingkan dengan organisasi swasta.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengemaskini dan mempercekapkan lagi Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan sentiasa diberi penelitian dari satu masa ke satu masa, dan setakat ini sepanjang yang berhubungkait dengan RISDA, kita merasakan ada perkara-perkara lagi yang perlu kita ambil. Namun demikian, setakat yang sudah diambil itu saya boleh mengatakan di sini bahawa kita berpuas hati.

Soalan yang kedua, sama ada perkara yang serupa akan dibuat terhadap FELDA seperti yang saya katakan tadi, ini adalah merupakan urusan-urusan yang diambil dari satu masa ke satu masa.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penerangan lanjut berhubung dengan rancangan-rancangan RISDA yang gagal sebelum daripada Ketua Pengarah yang baru ini, kerana saya dapat tahu Ketua Pengarah yang baru ini begitu aktif sekali, begitu dapat perhatian sekali di segi untuk hendak memajukan RISDA dan apakah perancangan Ketua Pengarah yang baru ini terhadap RISDA yang gagal. Adakah RISDA yang gagal itu yang biasa dapat peruntukan akan mendapat tambahan lagi?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membetulkan gambaran ini iaitu kerja-kerja yang dibuat oleh Ketua Pengarah ini adalah perkara-perkara yang telahpun kita putuskan pada peringkat dasar di peringkat Kementerian kerana di peringkat Kementerian kita mempunyai sebuah Jawatankuasa Penggubal Dasar, namanya, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Jadi, bukan sahaja di RISDA malahan di agensi-agensinya yang lain, panduan senantiasanya diberikan oleh pihak Kementerian tentang perkara-perkara yang perlu diambil dan diperkemas dari satu masa ke satu masa. Itu yang pertama.

Bahagian yang kedua soalan tambahan tadi ialah mengenai dengan program-program RISDA yang dikatakan gagal. Saya tidak bersetuju untuk mengatakan program-program kita gagal kerana semua program yang telah kita taja, kita melaksanakan mengikut rancangan yang telah disusun. Tinggal lagi, saya mengakui bahawa dalam proses ataupun dalam masa kita mengimplementasikan ataupun melaksanakan program-program tersebut, timbul persoalan-persoalan dari satu masa ke satu masa, dan masalah-masalah yang timbul itu kita kaji, kita teliti dan kita ambil tindakan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan satu-satu program yang telah diatitkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa beliau puas hati dengan perubahan-perubahan yang telah dilakukan oleh Ketua Pengarah RISDA yang baru, ini bermakna satu kejayaan bagi RISDA. Apakah Kementerian bercadang ataupun mungkin telah melakukan satu kajian bagaimana style kepimpinan Ketua Pengarah RISDA yang baru, dan ini boleh dijadikan satu contoh (model) yang perlu diikuti oleh Ketua-ketua Pengarah yang lain, barangkali di Kementerian yang sama.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pada saya tidak ada luar biasanya Ketua Pengarah RISDA ini fasal seperti juga pegawai-pegawai ataupun pengarah-pengarah yang lain di Jabatan-jabatan Kerajaan kita, pegawai-pegawai ini, macam saya katakan tadi, melaksanakan sesuatu perkara itu dengan panduan-panduan yang diberikan oleh pihak Kementerian dan ini memang satu perkara biasalah dalam mana-mana agensi Kerajaan. Tinggal lagi, bagaimana penerimaan orang ramai ataupun orang lain terhadap sesuatu kejadian itu ataupun sesuatu perkara itu, itu banyak bergantung kepada perhitungan masing-masing.

BANK PUSAT KERJASAMA— PENGAMBILANALIH

2. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihak Kerajaan sanggup mengambilalih pentadbiran Bank Kerjasama Pusat (CCB) memandangkan bahawa ramai kakitangan Kerajaan menerima cek gaji mereka dari bank tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambilalih pengurusan Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) yang telah diletakkan di bawah tanggungjawab penanggung yang

telah dilantik oleh Mahkamah Tinggi pada 7hb Mac 1989 menurut Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit-pendeposit) 1986.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan Kerajaan yang menerima gaji mereka melalui CCB akan dibayar gaji mereka mulai bulan Jun 1990 menerusi cek ataupun dikreditkan ke dalam bank-bank pilihan mereka masing-masing.

KILANG MEMPROSES GETAH— PENCEMARAN

3. **Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah cadangan Jabatan Alam Sekitar mengkaji semula kedudukan kebanyakan kilang-kilang memproses getah supaya dipindahkan kepada tempat yang sesuai dan jauh daripada kediaman-kediaman.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, ya, Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan kajian tentang kedudukan kilang-kilang yang bermasalah berdasarkan status pematuhan kilang semasa lawatan-lawatan penguatkuasaan serta aduan-aduan pencemaran yang diterima mengenai kilang-kilang tersebut. Laporan tentang masalah pencemaran yang timbul akibat kedudukan kilang yang tidak sesuai kemudiannya dimajukan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya memandangkan soal tanah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat jika ada sebuah kilang memproses getah yang patut dipindahkan pada ketika ini ialah Kilang Lee Rubber yang berada di Jalan Gombak. Jadi, saya ingin tahu apakah kedudukan kilang itu sekarang kerana ia benar-benar di bandar besar.

Adakah ia masih menjalankan kerja-kerja memproses? Adakah kesan-kesan pencemaran yang berlaku daripada kilang ini dan apa rancangan masa depan kilang ini?

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, Lee Rubber di Gombak sekarang ini adalah salah satu di antara empat yang disyorkan untuk dipindahkan. Saya difahamkan Lee Rubber ini telahpun menjalankan usahanya mencari satu tapak untuk ditempatkan semula kilang itu. Tetapi sampai sekarang, saya difahamkan, dia belum dapat tempat yang sesuai untuk tujuan itu.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekadar yang saya tahu, Jabatan Alam Sekitar (D.O.E.) ini hanya menguatkuasakan undang-undang mengenai pencemaran selepas berlakunya pencemaran iaitu sama ada melalui laporan daripada orang-orang luar ataupun melalui Jabatan sendiri. Tetapi sebelum daripada pencemaran itu berlaku, makna kata di peringkat kilang dibina ataupun sebelum dibina, D.O.E. tidak buat mengambil bahagian supaya sistem-sistem untuk pembuangan sisa ini dirancang ataupun dicipta supaya apa yang dirancang ini dapat dijalankan oleh kilang-kilang yang akan dibina itu. Jadi, soalan saya mengapakah pihak D.O.E. tidak mengambil begitu berat di peringkat perancangan kilang? Sekian.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar atau rancangan untuk membuat lawatan-lawatan penguatkuasaan yang diadakan oleh Jabatan Alam Sekitar bergantung sama ada kilang menjadi punca masalah atau tidak dan bagi kilang-kilang yang merupakan punca masalah, lawatan penguatkuasaan diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Bagi punca yang tidak menimbulkan masalah pula, lawatan adalah sekurang-kurangnya sekali setahun. Peranan yang

dimainkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah dalam MIDA ini ada satu pegawai tinggi daripada Jabatan Alam Sekitar yang ditempatkan dalam Lembaga Kemajuan Industri Negara yang memberi nasihat bahawa sebelum sesuatu industri yang memohon dibenarkan mendirikan kilangnya, pandangan daripada Jabatan Alam Sekitar mesti didapati melalui surat bertulis. Selepas itu, kilang yang baru didirikan itu patutlah mematuhi kehendak-kehendak di bawah undang-undang. Jikalau tidak, tindakan boleh diambil di bawah undang-undang yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Sivalingam.

Tuan A. K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4. Saya ingin membuat pembetulan sedikit di dalam soalan ini. Sebenarnya sudah lebih "30" tahun kita merdeka, bukan "10" tahun.

INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS DI LADANG SWASTA

4. Tuan A. K. Sivalingam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sudah lebih 30 tahun kita merdeka, tetapi masih terdapat ladang-ladang swasta yang belum menikmati kemudahan jalanraya, air dan elektrik:

- (a) berapa banyak ladang yang belum mendapat kemudahan jalanraya, air dan elektrik; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Ini kerana kemudahan air yang disediakan oleh ladang swasta kadang-kadang langsung tidak boleh diminum dan ianya merbahaya bagi kesihatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Sumber Manusia sedar bahawa infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang kurang memuaskan:

- (a) Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian pada tahun 1989 didapati 1,570 ladang di Semenanjung Malaysia yang menyediakan rumah-rumah untuk pekerjaannya. Daripada jumlah tersebut 462 atau 29% ladang sahaja membekal air ke rumah-rumah tersebut dari sumber Kerajaan, manakala bekalan elektrik dari sumber LLN didapati di 797 buah estet atau 51% daripada jumlah ladang-ladang yang ditinjau itu. Di 543 buah ladang yang lain bekalan elektrik diperolehi dari sumber janakuasa ladang sendiri. Kementerian tidak ada rekod mengenai jalanraya di estet-estet.
- (b) Untuk meningkatkan taraf kemudahan asas di ladang-ladang Kerajaan telah mengambil langkah positif dengan menggubal undang-undang baru yang sedang dibahaskan di Sidang Parlimen hari ini juga. Cara-cara penguatkuasaan yang lebih berkesan juga sedang diatur.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

HAD UMUR MASUK SEKOLAH

5. Puan Mazidah binti Haji Zakaria (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan beri sebab-sebab mengapakah had umur masuk sekolah akan diturunkan dari 7 tahun kepada 6 tahun.

57. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kesan kebaikan dan keburukan cadangan Kerajaan untuk mempercepatkan umur kemasukan kanak-kanak ke sekolah rendah baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Terdapat dua soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu mempercepatkan umur masuk kanak-kanak ke sekolah rendah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan adalah seperti berikut: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim pada 29/6/90 dan Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho pada 29/6/90 juga. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut sekaligus.

Timbalan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mempercepatkan umur kemasukan kanak-kanak ke sekolah rendah adalah satu syor, bukan dasar. Kementerian Pendidikan belum memutuskan dasar sama untuk menurunkan peringkat umur persekolahan seperti yang ditimbulkan. Buat masa ini dasar untuk menurunkan umur persekolahan di negara ini hanya merupakan satu pandangan yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Tiap-tiap dasar yang digubal adalah dibuat setelah satu kajian yang terperinci dan menyeluruh dijalankan. Biasanya dalam sesuatu dasar yang diputuskan adalah untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

DADAH—JUMLAH MURID SEKOLAH MENENGAH TERLIBAT

6. Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah murid-murid sekolah menengah yang telah didapati terlibat dalam penggunaan dadah tahun lepas. Sila beritahu langkah-langkah yang telah diambil untuk memulih murid-murid ini dan keluasan pencapaiannya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sekali lagi, nampaknya ada sebelas soalan daripada Kementerian Pendidikan pada hari ini yang agaknya perlu saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut rekod Kementerian Pendidikan terdapat seramai 155 orang pelajar yang telah dikesan terlibat di dalam kes dadah pada tahun lalu. Sebilangan besar daripada mereka adalah di peringkat mencuba-cuba. Jumlah ini juga adalah terendah dalam tempoh empat tahun kebelakangan.

Kementerian Pendidikan sememangnya telahpun menyediakan program-program dan tatacara tindakan ke atas pelajar-pelajar yang didapati terlibat di dalam kes-kes dadah. Memandangkan tahap penglibatan pelajar masih di peringkat mencuba-cuba mereka diletakkan di bawah pengawasan pentadbiran sekolah dan guru-guru bimbingan kaunseling. Ibubapa juga dilibatkan di dalam sesi rundingcara bagi membantu pihak sekolah dalam tindakan susulan ke atas pelajar yang berkenaan.

Sesi bimbingan dan kaunseling serta program khas seperti Kem Jaya Diri telah berjaya menghasilkan kesan-kesan positif kepada pelajar yang terlibat. Di samping itu pendidikan pencegahan dadah telah dimasukkan ke dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah melalui matapelajaran-matapelajaran bahasa, sains, pendidikan moral, pendidikan Islam, pendidikan jasmani dan kesihatan.

Tuan G. Rajoo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Menteri adakah murid-murid sekolah rendah yang terlibat dalam penggunaan dadah. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan murid-murid daripada terlibatnya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai detail mengenai sama ada mereka yang terlibat dengan secara awal-awalan ini di kalangan murid-murid sekolah rendah ataupun tidak tetapi kebiasaannya dalam pengalaman saya sebagai Menteri Pelajaran dahulu, kebanyakannya terdiri daripada anak-anak kita yang di sekolah menengah.

KELUARGA BAHAGIA— DEFINISI

7. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan apakah definisi “keluarga bahagia” dan apakah kempen yang dilaksanakan sekarang.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, definisi keluarga bahagia ialah keluarga yang stabil dari segi ekonomi, mental, rohaniah dan jasmaniah serta peka terhadap tanggungjawab peringkat keluarga, masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, definisi-definisi keluarga bahagia adalah relatif.

Kempen tersebut merupakan satu usaha pendidikan awam yang memberikan tumpuan terhadap betapa pentingnya peranan institusi keluarga dalam usaha Kerajaan kita untuk membentuk satu masyarakat yang stabil dan dinamis. Objektif khusus kempen adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dalam menentukan perkembangan anak-anak serta menjamin kesejahteraan keluarga;
- (ii) menggalakkan perhubungan yang rapat di antara ahli keluarga serta meningkatkan kemahiran dalam caragaya keibubapaan; dan
- (iii) meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab anak-anak sebagai seorang ahli keluarga dan anggota masyarakat dalam usaha membangunkan sumber manusia.

Kempen-kempen ini berjalan selama enam bulan yang bermula dari bulan Mac dan berakhir pada bulan September 1990. Semua aktiviti-aktiviti dilaksanakan dari pelancaran di peringkat nasional, diikuti oleh pelancaran di peringkat negeri dan seterusnya aktiviti-aktiviti di peringkat daerah dan kampung.

Di antara aktiviti-aktiviti dalam kempen yang dilaksanakan di seluruh negara sekarang ialah pameran, larian keluarga, pertandingan melukis dan senifoto (terbuka), peraduan mengarang dan melukis (kanak-kanak sekolah), bengkel, kursus dan seminar, khidmat kemasyarakatan, anugerah keluarga jaya, acara-acara bercorak agama sama ada agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha; majlis-majlis penerangan dan ceramah yang berbentuk pendidikan non-formal ataupun tidak formal dan

mesej-mesej melalui media massa. Tema kempen bagi tahun ini ialah “Keluarga Bahagia Negara Sejahtera”.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri di atas kegiatan yang disebutkan iaitu Keluarga Bahagia. Saya ingin buat soalan iaitu yang pertama berapa banyakkah peruntukan yang diperuntukkan bagi kegiatan ini atau untuk perkara yang dimaksudkan tadi kerana mengenangkan ianya sangatlah berguna demi untuk kesejahteraan keluarga dan pembangunan kemasyarakatan negara kita.

Yang kedua, tidakkah ada diselitkan di dalam kempen-kempen ini penerangan yang berkaitan dengan pendidikan pencegahan awalan masalah dadah?

Dato’ Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, kita telah membuat satu estimate—estimate itu anggaranlah dan tidak pasti sama ada ianya mencukupi ataupun tidak. Walau bagaimanapun, peruntukan yang kita tetapkan, kita rasa adalah mencukupi dan juga ada harapan mendapat bantuan daripada pihak swasta dan pihak-pihak agensi lain dan juga badan-badan tertentu. Sepertimana kita sedia maklum, peruntukan ini bukan sahaja disediakan di peringkat Pusat, tetapi juga di peringkat Negeri masing-masing. Mengenai soalan kedua, jawapannya ada.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, siapakah sasaran untuk ‘keluarga bahagia’ ini? Adakah sasaran ini hanya penduduk dalam bandar atau orang-orang yang dipilih, sebab mungkin kita jalankan kempen, tetapi tidak menepati sasaran, kerana banyak keluarga yang tidak bahagia. Jika kita buat kempen yang tidak kena sasaran akan ia merugikan sahaja.

Dato’ Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sasarannya semua rakyat negara Malaysia ini termasuk Penan dalam hutan Sarawak [*Ketawa*], sebab merekapun ‘bahagia’ juga. Kita rasa perkara ini amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, bahkan Jemaah Menteri telah bersetuju bagi menentukan satu hari dalam satu tahun dinamakan “Hari Keluarga”. Tentang hari itu belum lagi kita tetapkan, kerana kita sedang menyediakan satu kertas Kabinet untuk mengesyurkan hari-hari yang tertentu dalam satu tahun, sepertimana kita ada Hari Bapa, Hari Emak, Hari Valentine dan lain-lain lagi.

Jadi, kita haraplah kalau ada “Hari Keluarga” itu, nanti, semua pihak terutamanya ibubapa dan anak-anak sekalian menganggapkan hari itu sebagai satu hari di mana kita boleh berkumpul sebagai satu keluarga. Saya rasa perkara ini amat penting sekali.

MAHKAMAH AWAM DAN MAHKAMAH SYARIAH— BIDANG KUASA

8. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) apakah perbezaan dari segi taraf dan bidangkuasa di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam. Apakah benar dakwaan bahawa keputusan Mahkamah Syariah tidak dapat diterima oleh Pejabat Tanah di dalam kes yang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian supaya perbezaan taraf dan bidang kuasa ini dapat dihapuskan atau dikurangkan.

Dato’ Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Awam adalah ditubuhkan di bawah

Perlembagaan Persekutuan dan bidangkuasanya adalah diperuntukan di bawah Artikel 121 dalam Perlembagaan negara kita. Mahkamah Syariah pula ditubuhkan di bawah Undang-undang Negeri dan mempunyai bidang kuasa ke atas semua rakyat yang beragama Islam mengikut undang-undang yang dipertikaikan dalam Mahkamah syariah di negeri-negeri tertentu. Oleh yang demikian, taraf dan bidang kuasa kedua-dua Mahkamah tersebut adalah berbeza mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang penubuhannya masing-masing.

Memang benar keputusan Mahkamah Syariah tidak diterima oleh Pejabat Tanah dalam kes yang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara oleh kerana Seksyen 5 Kanun Tanah Negara mentakrifkan "Mahkamah" sebagai "Mahkamah Tinggi Malaya" sahaja. Oleh itu, sebarang keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan Kanun Tanah Negara tidak dapat dilaksanakan oleh Pejabat Tanah. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberitahu oleh pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, bahawa perkara ini atau seksyen yang berkenaan dalam Kanun Tanah Negara sedang dikaji oleh pihak Penggubal Undang-undang dengan tujuan supaya ianya diperbetulkan. Jadi, belum ada suatu keputusan yang dibuat. Ini maklumat yang saya dapat daripada Jabatan Tanah Persekutuan.

Mengenai (b), Kerajaan pada masa ini berpuas hati dengan keadaan semasa dan belum ada cadangan untuk membuat apa-apa perubahan kepadanya kerana taraf dan bidangkuasa Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah telahpun ditentukan dengan terangnya dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang penubuhannya masing-masing.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat

penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah Mahkamah Syariah kita, di seluruh negara sekarang ini sudah mencukupi dengan Hakim-hakim dan pegawai-pegawainya? Kalau tidak, apakah persediaan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, Mahkamah Syariah adalah dibawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan saya difahamkan bahawa bilangan Mahkamah-mahkamah Syariah kita belum lagi mencukupi. Dalam soal ini tindakan-tindakan yang sesuai telah, sedang dan insya Allah, akan terus diambil oleh pihak-pihak berkenaan, umpamanya, dari segi menambah bilangan kakitangan dan juga melatih Hakim-hakim Mahkamah Syariah ini, dan dalam bidang ini kita mendapat kerjasama daripada pihak Universiti Islam Antarabangsa.

KWSP—CARUMAH MAJIKAN

9. Tuan C. Krishnan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa benar-benar undang-undang EPF 12(2A) tidak melaksanakan undang-undang ini dengan sempurna:

(a) adakah benar pihak pekerja-pekerja mengalami beberapa kerugian kerana pihak majikan mengabaikan dengan tidak menghantar wang caruman kepada EPF. Sekiranya benar dari tahun 1985 hingga sekarang, berapakah kes dan jumlah wang yang terlibat; dan

(b) adakah cadangan untuk meminda Akta EPF 12 (2A) ini untuk mengetatkan dan menjaga pekerja-pekerja daripada majikan yang menghilangkan diri setelah Syarikat ditutup tanpa menjejaskan wang caruman pekerja-pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggapan bahawa KWSP tidak melaksanakan Seksyen 12 (2A) Akta KWSP, 1951 dengan sepenuhnya adalah tidak benar. KWSP mematuhi sepenuhnya Seksyen 12 (2A) Akta KWSP 1951 dengan mengkreditkan jumlah carumah ahli serta dividennya selepas KWSP telah berpuashati bahawa potongan caruman KWSP telah dibuat daripada gaji pekerja dan majikan gagal membuat caruman kepada KWSP. Dalam hal ini, KWSP akan terlebih dahulu berusaha bersungguh-sungguh supaya mendapatkan tunggakan daripada majikan termasuk syer majikan dan syer pekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP akan menjalankan pemeriksaan ke atas majikan-majikan yang gagal membayar caruman untuk pekerja-pekerjanya. Secara ringkas, tindakan yang diambil oleh KWSP ialah untuk menaksirkan jumlah tunggakan dan menghantar notis pembayaran kepada majikan untuk menyelesaikan jumlah tunggakan dalam tempoh yang tertentu.

KWSP membenarkan majikan untuk menjelaskan caruman tunggakan secara ansuran, jika majikan tidak dapat membayarnya sekaligus. Sekiranya majikan-majikan gagal menjelaskan tunggakan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan itu, kes majikan-majikan berkenaan akan dikemukakan kepada Mahkamah untuk dibicarakan. Jika disabit kesalahan, majikan-majikan berkenaan akan didakwa di bawah Seksyen 16A (1), Akta KWSP, 1951, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum tidak melebihi \$10,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan ataupun kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seksyen 12 (2A) Akta KWSP, 1951 adalah satu peruntukan

yang bertujuan untuk memelihara dan menjaga kepentingan pekerja-pekerja yang mengalami keadaan di mana potongan untuk caruman KWSP yang telah dibuat daripada gaji mereka tetapi gagal dibayar oleh majikan kepada KWSP. Sekiranya semua usaha untuk mendapatkan bayaran yang tertunggak ini gagal, disebabkan majikan telah menutup perniagaan atau tidak dapat dikesan dan sebagainya, maka KWSP akan mengkreditkan caruman yang tertunggak mengikut jumlah potongan yang telah dibuat daripada gaji pekerja beserta dengan dividen ke dalam akaun ahli sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12 (2A). Dengan cara ini, Seksyen berkenaan adalah memadai untuk menjaga kepentingan pekerja.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu berapa kes yang telahpun dibawa ke mahkamah mengenai majikan-majikan yang telah melarikan diri apabila syarikatnya ditutup?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf daripada Ahli Yang Berhormat kerana saya tidak mempunyai angka-angka yang diminta. Saya minta notis sebelum angka itu dapat diberikan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini sudah pun jelas dan tidak perlu notis. Saya telah sebutkan soalan ini dengan jelasnya. Yang Berhormat Timbalan Menteri enggan memberi itu hari ini, macam mana?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak minta angka. Saya nampak soalan 9 (b) ini berbunyi "adakah cadangan untuk meminda Seksyen 12(2A)" dan ianya tidak minta angka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya mempunyai sedikit sebanyak angka di sini, tetapi angka ini tidak termasuk apa yang diminta. Kemungkinan Ahli Yang Berhormat hendak tahu berapa bayaran yang telah dibuat di bawah Seksyen 12(2A) Akta KWSP itu, saya boleh berikan, tetapi mengenai berapa kes majikan-majikan yang telah melarikan diri dengan tidak mencarum potongan-potongan yang telah dibuat daripada pekerja-pekerja mereka, saya tidak mempunyai angka. Tetapi mengenai bayaran, saya ada angka di sini

Timbalan Yang di-Pertua: Angka itu tidak payahlah.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan dengan EPF iaitu mengenai wang caruman di EPF yang dirampas oleh Pejabat Pemegang Harta dalam kes-kes pencarum menjadi muflis, adakah ini benar?

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak faham soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Pencarum menjadi muflis, bankrap—bukan majikan, ini pencarum. The contributor becomes a bankrupt, dengan izin. Jadi, wang simpanannya di dalam EPF itu dirampas oleh pihak Pejabat Pemegang Harta. Adakah ini benar?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jikalau pencarum itu dijadikan bankrap, ada beberapa langkah ataupun peraturan mengenai apa tindakan yang akan diambil ke atas mereka termasuk kemungkinan bahawa caruman yang mereka ada dalam akaun mereka itu akan ditahan buat sementara.

LATIHAN VOKASIONAL— KAJIAN SEMULA

10. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pendidikan mengkaji semula Latihan Vocational supaya dipertingkatkan lagi sesuai dengan keperluan teknikal yang dikehendaki oleh industri-industri sekarang, termasuk industri-industri kejuruteraan berat. Setakat ini, Latihan Vokasional cuma dapat memenuhi kehendak junior technician; sebaliknya sebahagian besar daripada industri-industri sekarang memerlukan kemahiran sebagai Chargehand dan Foreman.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama Sekolah-sekolah Menengah Vokasional adalah untuk memberi pendidikan vokasional selama dua tahun kepada pelajar-pelajar lulusan Sijil Rendah Pelajaran yang berminat mengikutinya. Pelajar-pelajar ini mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Di samping itu, Sekolah-sekolah Menengah Vokasional juga menawarkan kursus-kursus di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Bagi memenuhi permintaan industri termasuk industri-industri kejuruteraan berat, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan kursus-kursus pendek iaitu Kemahiran Vokasional bagi pelajar-pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia di tiga buah Sekolah Menengah Vokasional (SMK). Di samping itu, usaha-usaha sedang dibuat bagi menawarkan kursus-kursus pendek kemahiran bagi lepasan SPM dengan membina bengkel-bengkel tambahan di 12 buah Sekolah Menengah Kebangsaan.

Bengkel-bengkel berkenaan dijangka mula dibina mulai bulan November,

1990. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil maklum dan memastikan kursus-kursus yang ditawarkan tidak bertindih dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh agensi-agensi lain.

Kementerian Sumber Manusia melalui institusi-institusinya seperti Institiut Latihan Perindustrian menawarkan kursus-kursus berbentuk latihan contohnya sebagai Chargehand dan Foreman yang dapat memenuhi keperluan industri-industri berat.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, jika diambil keseluruhan keperluan guna tenaga teknikal yang diperlukan oleh negara ini secara keseluruhannya, saya ingin tahu berapa peratuskah guna tenaga ini yang telah dapat dipenuhi anggarannya, oleh Sekolah-sekolah Menengah Vokasional Kerajaan ataupun institusi-institusi vokasional yang diadakan oleh Kementerian-kementerian tertentu dan berapa peratus pulakah yang telah dapat dipenuhi oleh pihak sekolah-sekolah ataupun institusi-institusi swasta dan berapa lagi kekurangannya yang terdapat.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali itu memerlukan notis. Saya tidak mempunyai angka seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah prioritas (priority) menjalankan kursus vokasional ini? Adakah ianya mengikut supply and demand, dengan izin? Dan juga adakah follow-up ataupun mengikuti setelah berlatih di sekolah vokasional itu. Walaupun kita lepaskan sahaja budak-budak itu untuk mencari nafkah? Sekiranya tidak ada, boleh atau tidak Kerajaan menolong follow-up supaya dia berjaya menggunakan apa sahaja yang telah diajari di institusi vokasional itu?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, priority ataupun keutamaan yang kita beri ialah mengikut kehendak pasaran. Seperti-mana kita sedia maklum, dengan perkembangan industri-industri di negara kita, ada kepakaran tertentu diperlukan. Dalam soal ini pihak Kerajaan mengambil kira untuk mengutamakan latihan-latihan bagi memenuhi keperluan industri-industri kita.

Mengenai soal follow-up itu, memang ada kita mengikuti. Walau bagaimanapun, susah kita hendak mengesan dengan 100%, oleh kerana ada di kalangan mereka yang sudah lulus dari institusi-institusi seperti ini tidak memberi maklum-balas kepada pihak yang memonitor, dengan izin, perkara ini. Umpamanya saya tahu ada kes-kes mereka diberi latihan katakanlah dalam bidang mekanikal, dalam bidang memperbaiki alat penghawa dingin, tetapi mereka menjadi pekerja di pump station pula. Jadi, kita tahu apabila kita berjumpa mereka dan mereka tidak memberi maklum balas kepada kita. Dari perkara ini saya rasa ada baiknya kalau mereka yang telah menjalani latihan ini memberi maklum balas terutama sekali sama ada kepada Kementerian Pendidikan mahu pun kepada Kementerian Sumber Manusia supaya dapat kita mengesan langkah-langkah yang kita ambil dan juga menentukan sama ada ianya berjaya ataupun tidak. Dan juga dapat kita menentukan sama ada kita memerlukan lagi tenaga yang tertentu itu.

FELDA—JUMLAH KELUASAN DAN PENEROKA

11. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah luas kawasan FELDA dan jumlah penerokanya pada masa sekarang.

- (b) jumlah luas kawasan baru FELDA yang akan dibuka dan jumlah peneroka baru.
- (c) jenis tanaman yang ditanam sekarang.
- (d) apakah buah-buahan tempatan yang dieksport ke Negara Thai dari Malaysia.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga bulan Mei, 1990 FELDA telah memajukan sejumlah 853,063 hektar tanah. Jumlah peneroka pula adalah seramai 119,293 orang.
- (b) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah dijangkakan sejumlah 30,000 hektar tanah lagi akan dimajukan. Berikutan pengurusan rancangan yang baru mulai 1hb Januari, 1990 di mana ladang FELDA yang belum ditempatkan dengan peneroka diuruskan secara sistem komersial, peserta yang ditempatkan di rancangan adalah terdiri dari pekerja. Pada masa ini pengambilan pekerja masih belum dibuat.
- (c) Jenis tanaman yang ditanam sekarang adalah seperti berikut:

Kelapa sawit	856,347 hektar (73%)
Getah	87,555 hektar (23.4%)
Koko	21,024 hektar (2.60%)
Tebu	5,118 hektar (0.63%)
Kopi	806 hektar (0.10%)
Campuran	
Sawit/koko	1,378 hektar (0.17%)
- (d) Mengikut maklumat yang diberikan oleh Kementerian Pertanian, jenis buah-buahan yang dieksport ke Negeri Thai

adalah terdiri daripada buah mempelam, tembikai, manggis, betik, mangga, pisang sama ada segar dan kering dan belimbing. Nilai eksport buah-buahan ke negara tersebut dalam tahun 1983 adalah berjumlah \$130,592 dengan kuantiti sebanyak 142.58 tan metrik.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah jenis buah-buahan yang diimport oleh Malaysia dari Negara Thai dan berapa banyakkah jumlah yang dibawa masuk dan jumlah nilai pasaran.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana perkara ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan saya tidak mempunyai angka-angka yang dikehendaki oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi, saya harap bolehlah dikemukakan soalan kepada Kementerian yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajjah Habidah.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan ini, di sini saya ingin membuat sedikit pembedaan, iaitu di bahagian (b) sebelum perkataan "mereka", perkataan yang akhir "bagi Kerajaan" itu tidak ada. Maksudnya:

"(b) adakah Kerajaan bercadang mendaftarkan mereka di seluruh negara untuk dipertimbangkan cara bagi memberi tanah yang sesuai untuk mereka kerjakan."

Bukan "bagi Kerajaan mereka".

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke 12.

SAIZ TANAH OPTIMA KEPADA PETANI

12. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah Kerajaan kepada petani-petani yang memiliki tanah yang kecil dan juga mereka yang tidak mempunyai tanah sedangkan mereka adalah petani tulin di kampung-kampung; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mendaftarkan mereka di seluruh negara untuk dipertimbangkan cara bagi memberi tanah yang sesuai untuk mereka kerjakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pembedaan oleh kerana masa menyediakan jawapan kita pun tidak memahami secukupnya, tetapi itulah kita pun agak maksud Ahli Yang Berhormat.

- (a) Kementerian Pertanian memang menyedari hakikat bahawa sebilangan besar dari petani-petani di negara ini memiliki saiz tanah yang kecil. Oleh yang demikian, Kementerian melalui Jabatan-jabatan dan agensi-agensinya telah memperkenalkan strategi-strategi pengoptimuman saiz melalui rancangan-rancangan seperti estet mini, estet nuklius, peladangan kontrak (contract farming) dan ladang berkelompok. Projek-projek pembangunan 'in-situ' seperti Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu adalah di antara projek-projek yang mengamalkan strategi pengoptimuman saiz tanah di kalangan petani-petani. Rancangan tanah berkelompok umpamanya boleh menjimatkan tenaga kerja di kalangan petani dengan adanya unsur pengurusan ladang yang lebih cekap. Lebih tenaga kerja

membolehkan petani-petani bergiat dalam aktiviti-aktiviti bukan pertanian sebagai tambahan kepada pendapatan. Dalam masa yang sama, Kementerian Pertanian juga mengadakan pertumbuhan industri-industri kecil di luar bandar dalam bidang pemrosesan hasil-hasil pertanian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan sektor pertanian melalui pengwujudan saiz optima ini sentiasa disokong dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan seperti penyediaan benih-benih bermutu tinggi, tanaman-tanaman bernilai tinggi (high-value crops) dan teknologi-teknologi wajar, khidmat kejenteraan, khidmat nasihat dalam berbagai aspek infrastruktur, kredit dan sebagainya.

- (b) Pembukaan dan pembangunan tanah-tanah baru adalah salah satu lagi pendekatan yang digunakan dalam Dasar Pertanian Negara untuk mengatasi masalah saiz tanah yang kecil dan bagi mereka yang tidak bertanah. Usaha-usaha ini dikendalikan oleh agensi-agensi pelaksanaan di bawah Kementerian lain dan juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Penyediaan kredit kadar tanah oleh Bank Pertanian juga bertujuan memberi kemudahan modal bagi petani-petani berdaya maju membeli tanah.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian adakah rancangan Buku Hijau masih diamalkan kepada petani-petani sambil bekerja oleh Kementerian Yang Berhormat. Jika tidak, kenapa?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, menggalakkan petani-petani

yang mempunyai tanah yang terbiar adalah tujuan asas apabila Kerajaan melancarkan rancangan Buku Hijau supaya mereka mengorek tanah-tanah yang terbiar. Jadi bagi Kementerian Pertanian, kita seterusnya menggalakkan petani-petani yang mempunyai tanah yang terbiar untuk diusahakan dan selain dari memberi nasihat, kita juga memberi lain-lain kemudahan kepada mereka ini.

ISU NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA

13. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sikap dan tindakan Kementerian mengenai Isu Naib Canselor Universiti Malaya yang kian berlarutan itu.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan buat masa ini tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap isu Naib Canselor Universiti Malaya. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Badan Pencegah Rasuah telah dipertanggungjawabkan untuk meneliti perkara ini dan setakat ini laporan mengenainya belum lagi dikemukakan kepada Kerajaan.

BANTUAN BELIA NIAGA

14. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang kedudukan bantuan Belia Niaga. Apakah syarat-syarat untuk memperolehi bantuan Belia Niaga itu.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bantuan Belia Niaga di bawah skim Tabung Kumpulanwang Amanah Ekonomi Belia sejak tahun 1988 hingga 1 Jun, 1990 seperti berikut:

Rancangan Belia Berniaga
— 165 projek bernilai \$2,428,525

Rancangan Peniaga Kecil
— 87 projek bernilai \$345,180

Rancangan Belia Peladang
— 50 projek bernilai \$808,350

Jumlah Besar Projek yang telah diwujudkan
— 302 projek

Jumlah Pinjaman yang telah diluluskan
— \$3,582,055

Syarat-syarat untuk memperolehi bantuan dalam bentuk pinjaman Tabung Kumpulanwang Amanah Ekonomi Belia adalah seperti berikut:

- (i) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun;
- (ii) Menjadi Ahli Persatuan Belia yang berdaftar;
- (iii) Keutamaan akan diberikan kepada belia yang telah mendapat kemahiran melalui program latihan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan;
- (iv) Tiap pemohon dikehendaki mempunyai dua orang penjamin dan salah seorang dari penjamin mesti mempunyai pendapatan atau pekerjaan tetap;
- (v) Jumlah maksima pinjaman ialah \$5,000 bagi Rancangan Peniaga Kecil dan \$30,000 bagi Rancangan Belia Berniaga/Rancangan Belia Peladang.

PROFESSOR KANGKONG

15. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah itu "Professor Kangkong".

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak menggunakan istilah "Professor Kangkong" seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Momokan "Professor

Kangkong” itu telah ditimbul akibat dari suatu kenyataan akhbar oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Dr Syed Hussein Alatas pada 5 Mac, 1990. Naib Canselor Universiti Malaya itu telah menyebut bahawa, “untuk melahirkan seseorang professor atau mewujudkan seseorang ahli akademik sehingga kepada peringkat professor di sesuatu fakulti bukanlah semudah menanam kangkong”.

Tujuan menanam kenyataan Dr. Syed Hussein Alatas itu sebenarnya ialah untuk menggambarkan bahawa sebelum layak dianugerahkan pangkat professor, seseorang pensyarah itu mestilah membuktikan ketokohnya sebagai seorang ahli akademik. Kangkong digunakan sebagai ibarat sesuatu yang lekas jadi tanpa masa persiapan yang panjang dan asuhan menanam yang khusus. Maksud Dr. Syed Hussein Alatas bukanlah tujuan Universiti Malaya untuk melahirkan professor yang lekas jadi tanpa masa persiapan yang panjang serta asuhan tertentu. Sekiranya gelaran professor itu terlalu mudah diperolehi atau sewenang-wenangnya diberikan, dikhuatiri akan timbul pula dakwaan bahawa gelaran atau pangkat tersebut rendah mertabatnya.

RANCANGAN SUKAN NEGARA

16. Dr. Nordin Selat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan sukan masa depan negara memandangkan negara kita begitu giat dalam bidang sukan.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan sukan negara di masa depan bergantung kepada kriteria-kriteria semasa. Pada masa kini keutamaan diberi kepada sukan-sukan tertentu berasaskan kriteria-kriteria berikut:

- (a) Sukan-sukan yang telah menunjukkan kecemerlangan di peringkat Dunia, Asia dan Asia Tenggara.

- (b) Sukan-sukan tradisi negara seperti Sepak Takraw dan Badminton.
- (c) Sukan-sukan individu yang telah meraih jumlah pingat yang banyak dalam Sukan SEA ke XIV dan XV.’
- (d) Sukan-sukan yang dikenalpasti berpotensi untuk memenangi pingat.

Dari segi rancangan sukan masa depan, Kementerian Belia dan Sukan akan mengekalkan program latihan selama empat tahun bagi persediaan menghadapi Sukan Asia. Untuk Sukan SEA pula, program latihan jangkamasa selama 2 tahun akan dikekalkan.

Kementerian Belia dan Sukan juga akan mempergiatkan program Pelapis dan Program Bakat di peringkat negeri dengan memberi penekanan dari aspek semangat cintakan negara, disiplin serta tahap pemikiran yang tinggi di kalangan ahli-ahli sukan.

Selain daripada itu, perkembangan jurulatih dan kepegawaian juga akan diperhebatkan bagi mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang sains sukan.

Kompleks Sukan Negara yang dijangkakan siap pembinaannya pada tahun 1994 bukan sahaja akan berfungsi sebagai Pusat Sumber Sukan, malah akan menjadi pusat bagi pendidikan, kejurulatihan dan tempat latihan untuk atlit kebangsaan.

LEBUHRAYA CHANGKAT JERING KE BUTTERWORTH

17. Tuan Lim Chien Aun minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Lebuhraya Changkat Jering-Butterworth akan dilaksanakan memandangkan kini lebuhraya yang sedia ada tidak dapat menampung kenderaan-kenderaan yang kian menambah. Bolehkah Menteri Kerjaraya memberi jaminan supaya projek ini harus diberi keutamaan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kesesakan lalulintas di bahagian Jalan Changkat Jering ke Butterworth. Justeru itu, Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk mempercepatkan pelaksanaan pembinaan Lebuhraya tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya berkenaan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 1991 dan dijangka siap pada akhir tahun 1993.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 57 adalah diberi di bawah ini)

KERTAS OPSYEN KEPADA GURU-GURU

18. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada semua Guru Besar dan Penolong Kanan yang berkhidmat di Sekolah Rendah sekarang telah diberi kertas opsyen dan dimasukkan ke dalam skim baru Pendidikan Perkhidmatan;
- (b) jika ya, apakah kategori dan tingkatan gaji yang ditawarkan kepada mereka dan jika tidak, kenapa; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan menawarkan tingkatan gaji khas dan tertinggi secara penyandang kepada Guru-guru Besar yang memegang jawatan sekarang.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Semua guru yang memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan telah diberi borang pilihan sendiri pada 15hb Februari, 1990 untuk memilih sama ada bersetuju atau menolak pertukaran skim perkhidmatan yang baru. Guru Besar dan Penolong Kanan yang layak berpindah ke skim baru adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori C1 (yang berkelulusan STPM) atau setaraf dan Kategori C2 (yang berkelulusan SPM atau setaraf).

- (b) Kategori dan skel gaji yang ditawarkan kepada mereka adalah seperti berikut:

<i>Skim sekarang</i>	<i>Kod Gaji</i>	<i>Skim Baru</i>	<i>Kod Gaji</i>
(i) PPP Kat. C2 Tingkatan Biasa A	C5-1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Tingkatan Biasa	B10
(ii) PPP Kat. C2 Tingkatan Khas	C2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Tingkatan Biasa	B8
(iii) PPP Kat. C2 Tingkatan Tertinggi	C1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Tingkatan Biasa	B3
(iv) PPP Kat. C1 Tingkatan Khas	B4	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Tingkatan Kanan	B1
(v) PPP Kat. C1 Tingkatan B Tertinggi	B2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Tingkatan Tertinggi	B1

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori B1, (kelulusan SRP) dan B2 (kelulusan lebih rendah dari SRP) yang menyandang jawatan Guru Besar dan

Penolong Kanan di sekolah-sekolah rendah tidak ditawarkan opsyen kerana mereka tidak mempunyai kelayakan SPM yang disyaratkan sebagai kelayakan minimum skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah.

Guru-guru ini walau bagaimanapun boleh dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah Tingkatan Biasa apabila telah memenuhi salah satu syarat berikut:

- (i) mempunyai kepujian Bahasa Malaysia termasuk lulus ujian lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, atau
- (ii) telah lulus dengan jayanya kursus khas 12 minggu yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.
- (c) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menawarkan gaji Tingkatan Khas atau Tingkatan Tertinggi secara khas untuk penyandang kepada guru-guru yang memegang jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah rendah. Guru Besar berkenaan yang berpindah ke gred Tingkatan Biasa skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah yang dikekalkan menyandang jawatan tersebut akan dibayar Elaun Khas (khas untuk Penyandang) sebanyak \$60.00 sebulan.

HOSPITAL DAERAH DILENGKAPKAN LIFE— SUPPORT SYSTEM

19. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian merancang untuk melengkap Hospital Daerah di seluruh negara kita

dengan alat 'Life-Support System' untuk menyelamatkan nyawa pesakit dari serangan pertama penyakit jantung; dan

- (b) adakah Kementerian bercadang akan menyiarkan melalui RTM tentang penggunaan minyak masakan sawit yang mengandungi 'tocopherol' dan 'tocotrienol' yang boleh mengurangkan kolestrol dalam darah tubuh manusia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Sukacita dinyatakan bahawa apa yang penting dalam menyelamatkan nyawa dari serangan penyakit jantung ialah kecekapan seseorang dalam memberi rawatan kecemasan kepada pesakit berkenaan. Oleh itu, di antara program yang diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan ialah memberi latihan mengenai pemulihan kardiopulmonari (cardiopulmonary resuscitation atau CPR) kepada kakitangan hospital di seluruh negara supaya mereka cukup mahir dan bertindak cekap dalam memberi rawatan kecemasan.

Sekiranya nyawa pesakit berjaya diselamatkan, beliau seterusnya akan diberi rawatan lanjut dan sekiranya perlu, pesakit akan menggunakan alat 'life support system'. Alat ini disediakan di semua hospital termasuk hospital daerah dan ianya disediakan mengikut taraf perkhidmatan dan kepakaran yang disediakan di hospital berkenaan.

- (b) Untuk menyebarkan maklumat mengenai khasiat minyak sawit khususnya vitamin E yang boleh mengurangkan paras kolesterol dalam darah tubuh manusia, Kementerian Perusahaan Utama

melalui PORLA telah menyediakan menerbitkan perkara-perkara berikut:

- (i) Filem pendek yang diiringi lagu minyak sawit;
- (ii) Filem bertajuk Frutis of Excellence mengenai perusahaan minyak sawit Malaysia yang dibuat dengan kerjasama Filem Negara;
- (iii) Filem iklan ringkas 60 saat mengenai khasiat minyak sawit;
- (iv) Rancangan masakan di TV3 yang menggunakan bahan minyak sawit.

PELAJAR-PELAJAR DI TINGKATAN ENAM

20. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Pendidikan menyatakan cara pelajar-pelajar dipilih masuk Tingkatan Enam Rendah Sastera atau Sains di Sekolah-sekolah Kerajaan. Juga diminta Menteri Pendidikan memberi statistik pelajar Tingkatan Enam Rendah dan Atas mengikut negeri bagi tahun 1990.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) lulus peperiksaan SPM/SPM(V) 1989 dengan memperolehi pangkat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan 2 kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran yang lain.
- (ii) Memperolehi agregat yang tidak melebihi 10 unit untuk tiga mata pelajaran sastera terbaik di mana tiap-tiap satunya hendaklah dalam kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

- (a) Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris/Kesusasteraan Melayu;

- (b) Sejarah;
- (c) Geografi;
- (d) Matematik Moden/
Matematik Tambahan/
Rampaian Sains/Pengetahuan Agama Islam/
Pengetahuan Islam Tinggi/
Biologi Manusia dan
Kemasyarakatan;
- (e) Perdagangan/Prinsip
Akaun/Prinsip Perniagaan/
Asas Perakaunan.

ATAU

Memperolehi agregat yang tidak melebihi 18 unit untuk tiga mata pelajaran Sains terbaik di mana tiap-tiap satunya hendaklah dalam kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

- (a) Matematik Moden/Matematik Tambahan;
- (b) Fizik;
- (c) Kimia;
- (d) Biologi;
- (e) Lukisan Geometri dan Bangunan/Lukisan Geometri dan Kejenteraan/Binaan Bangunan/amalan Bengkel Kejuruteraan/Ilmu Ukur/Sains Kejuruteraan/Teknologi Elektrik/Teknologi Bengkel Mesin/Lukisan Geometri dan Mesin/Teknologi Binaan Bangunan/Lukisan Geometri dan Binaan Bangunan/Teknologi Automatif/Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam/Lukisan Geometri dan Fabrikasi Logam/Teknologi Penyejukan dan Penyamanan/Lukisan Geometri dan Penyamanan Udara.

Umur yang tidak melebihi 20 tahun pada 1hb Januari, 1990. Dapat menunjukkan ciri-ciri kecergasan, kepimpinan dan kecemerlangan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum semasa di Tingkatan Empat/Lima. Masih terdapat

kekosongan tempat belajar dalam jurusan yang dipohon di mana-mana sekolah Tingkatan Enam Bawah dalam negeri berkenaan.

Statistik kemasukan pelajar ke Tingkatan Enam Rendah dan Atas mengikut negeri bagi tahun 1990 adalah seperti berikut:

	<i>Tingkatan Enam Rendah</i>	<i>Tingkatan Enam Atas</i>
Perlis	626	587
Kedah	4,110	3,533
Pulau Pinang	3,522	2,970
Perak	5,724	5,137
Selangor	4,299	4,365
W. Persekutuan	3,680	3,394
N. Sembilan	2,454	2,147
Melaka	2,039	1,941
Johor	5,472	4,723
Pahang	2,564	2,329
Terengganu	1,900	1,675
Kelantan	3,121	3,249

GAJI DUA SKIM DILAKSANAKAN

21. Tuan Haji Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah gaji dua skim akan dilaksanakan;
- (b) apakah faedah yang didapati oleh guru-guru dari skim ini;
- (c) apakah benar ada kalangan guru-guru yang masih ragu-ragu dengan skim ini, kalau benar, apakah sebabnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dua skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan telah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1989. Semua guru yang memenuhi syarat yang ditetapkan telahpun diberi borang pilihan

sendiri mulai 15hb Februari, 1990 sama ada memilih atau menolak skim perkhidmatan yang baru.

- (b) Di antara faedah yang didapati oleh guru-guru dari skim ini ialah ia menyediakan tanggagaji yang lebih baik, lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan gaji maksimum yang lebih tinggi.
- (c) Setakat ini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan guru-guru masih ragu-ragu dengan skim ini, malah dua skim ini telah diterima oleh guru-guru dengan perasaan gembira kerana ia memberi peluang-peluang kerjaya yang lebih baik khususnya kepada guru-guru bukan siswazah.

SEPAK TAKRAW DI BEIJING— LATIHAN

22. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian merancang latihan 'intensif' bagi skuad Sepaktakraw, permainan wau dan sebagainya seperti yang telah dilakukan kepada skuad Badminton Piala Thomas agar ahli-ahli sukan negara kita juga dapat menunjukkan kekuatan dan bakat mereka dalam arena sukan.

Cik Teng Gaik Kwan: Adalah menjadi matlamat Kementerian Belia dan Sukan untuk meraih 1 pingat emas dalam sukan Sepaktakraw di Sukan Asia di Beijing pada bulan September, 1990.

Bagi mencapai matlamat ini, satu projek khas telah dilaksanakan bagi sukan Sepaktakraw. Program khas ini menumpukan kepada pendekatan-pendekatan seperti berikut:

- (a) Seramai 15 atlit telah dikenalpasti melalui satu pemilihan khas yang diadakan pada bulan Mac, 1990.

- (b) Atlet-atlet berkenaan diserapkan di bawah Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan dan diberi gaji di samping mendapat \$200 sebulan di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan.
- (c) Mereka kini menjalani latihan pusat sepenuhmasa di bawah pengurus dan jurulatih yang juga berkhidmat sepenuhmasa.
- (d) Latihan ini dijalankan di Pusat Latihan Bank Pertanian, Bangi di mana pengawalan terhadap pemakanan, intensity latihan, mental, bebanan dan sebagainya ditekankan di sepanjang latihan menjelang Sukan Asia.

Permainan wau, walaupun telah juga dikelolakan dalam bentuk pertandingan, tidaklah sama coraknya dengan sukan prestasi tinggi dan latihan intensif tidak perlu disediakan.

RACUN SERANGGA— PENYALAHGUNAAN

23. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar seramai 1,156 orang membunuh diri dengan menggunakan racun serangga dari 1986 hingga Mac, 1990. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghalang ia daripada berleluasa. Jika tidak, apakah langkah yang akan diambil supaya kes ini dapat dikurangkan.

Dato' S. Subramaniam: Kementerian Pertanian memang sentiasa mengesan kes-kes yang berkaitan dengan penyalahgunaan racun makhluk perosak, termasuk percubaan membunuh diri dengan meminum racun serangga.

Kementerian Kesihatan sentiasa memaklumkan Jabatan Pertanian mengenai kes-kes keracunan akibat racun perosak yang dirawat di hospital-hospital Kerajaan. Semenjak aktiviti ini

dimulakan pada akhir tahun 1985 dan sehingga bulan Mac, 1990 ini, Jabatan Pertanian telah menerima lebih kurang 1,180 laporan keracunan akibat racun perosak yang melibatkan racun-racun serangga, rumpai, kulan, tikus, fumigan dan lain-lain. Punca keracunan termasuk percubaan membunuh diri, kemalangan sewaktu bekerja, cuai dan sebagainya, namun tidak semua kes berakhir dengan kematian.

Semua racun perosak yang digunakan di negara ini dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Racun yang sangat merbahaya tidak akan didaftar dan racun yang didaftar pula boleh dikenakan syarat-syarat khas bagi melindungi pengguna. Jabatan Pertanian juga sering mengadakan ceramah bagi pengguna racun perosak di seluruh negara, untuk menasihatkan mereka tentang cara-cara yang betul semasa menggunakan racun perosak. Ceramah diadakan di tempat-tempat seperti kawasan petani dan estet.

Peraturan-peraturan dirumus di bawah Akta bagi mengawal penggunaan dan penjualan racun perosak. Tujuannya ialah untuk memastikan bahawa racun perosak hanya diperolehi dan digunakan oleh mereka yang bertanggungjawab.

Penggunaan racun perosak secara selamat dan wajar menjadi tanggungjawab semua yang terlibat, termasuk pengilang dan pengguna racun sendiri. Racun perosak hendaklah digunakan dengan berhati-hati dan disimpan dengan selamat agar tidak diperolehi oleh mereka yang tidak ada kenamengena dengannya ataupun yang berniat serang, seperti hendak membunuh diri dan sebagainya.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

24. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah akan diselaraskan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Mulai 1hb Jun, 1990 semua prosiding di Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia hendaklah dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan akan diselaraskan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak apabila Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Disember 1971) (Akta 32) diterima pakai oleh Badan Perundangan Negeri masing-masing selaras dengan peruntukan Seksyen 1(2) Akta berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya bangga kerana banyak Mahkamah di Sabah dan Sarawak telah pun menggunakan Bahasa Malaysia dalam prosiding mahkamah secara sukarela.

ANGGOTA PERSATUAN BELIA

25. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah belia yang menyertai Persatuan-persatuan Belia sekarang. Bagaimanakah prosidur Kementerian terhadap pemilihan belia untuk sesuatu program, misalnya lawatan belia ke luar negara.

Cik Teng Gaik Kwan: Setakat ini seramai 1.8 juta belia telah menganggotai Persatuan-persatuan Belia yang ada di negara ini sekarang.

Kementerian Belia dan Sukan memang telah menetapkan prosidur terhadap pemilihan belia untuk mengikuti sesuatu program. Misalnya bagi program lawatan belia ke luar negeri, syarat utamanya ialah peserta berkenaan mestilah menjadi ahli pertubuhan belia dan pemilihan dibuat melalui proses temuduga.

REKACIPTA BIDANG PERTANIAN

26. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan apakah alat-alat atau

rekacipta oleh rakyat Malaysia yang boleh diguna untuk membantu memudahkan kerja atau memberi teknik-teknik baru dalam bidang pertanian.

Dato' S. Subramaniam: Alat-alat atau rekacipta rakyat Malaysia yang boleh diguna bagi memudahkan kerja dalam bidang pertanian adalah:

- (i) Traktor pengangkutan untuk kawasan tanah gambut dan lembut yang dicipta oleh MARDI. Jentera ini juga dapat digunakan untuk pengangkutan kelapa sawit. Dijual atas nama 'Serbatrek'.
- (ii) MARDI telah mencipta alat pengopek kelapa 'pneumatic'.
- (iii) MARDI telah mencipta alat menanam bijirin yang boleh dioperasikan dengan tenaga manusia dan jentera-jentera trektor pejalan dan trektor 4 roda.
- (iv) Sebuah alat tambahan telah dicipta untuk dilengkapkan kepada roda trektor 4 roda dan trektor pejalan dinamakan 'starwheel' dan 'paddle strake' untuk membolehkan jentera-jentera di atas beroperasi dalam keadaan tanah lembut dan berlumpur.
- (v) MARDI telah mencipta dan kini digunakan oleh petani-petani alat rotovator dan pembuat batas yang ditarik oleh trektor 4 roda untuk tanaman tembakau.
- (vi) Sebuah alat untuk meleraai padi yang telah dipotong, telah dicipta dan digunakan di beberapa tempat.

Di samping itu, terdapat juga beberapa alat-alat kecil lain yang secara tidak langsung dapat membantu petani.

KEJORA MEMAJUKAN BIDANG PERIKANAN

27. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah KEJORA bercadang untuk memajukan bidang perikanan bagi nelayan yang ada di persisiran pantai di Wilayah KEJORA;
- (b) adakah KEJORA akan menambah jumlah rumah di perkampungan nelayan di Tanjong Balau, memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

- (a) KEJORA ada cadangan untuk memajukan nelayan di persisiran pantai KEJORA dalam bidang akuakultur seperti ternak ikan dalam sangkar dan ternakan kupang. KEJORA akan merancang projek-projek ini bersama-sama dengan Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- (b) KEJORA ada rancangan untuk menambahkan jumlah rumah di perkampungan nelayan Tanjong Balau di fasa berikutnya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan fasa ini adalah bergantung kepada kejayaan projek peringkat pertama, keperluan pembinaan rumah tambahan khususnya untuk mengekal generasi kedua dan permohonan-permohonan daripada nelayan tulin yang berminat dari semasa ke semasa.

PUSAT TUITION

28. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah kelas-kelas bimbingan atau tuisyen yang tidak didaftar atau mendapat kebenaran Kerajaan yang

telah diambil tindakan dan apakah tindakan-tindakan dikenakan kepada penganjur kelas-kelas tuisyen itu; dan apakah kesalahan-kesalahan lain yang telah berlaku di kelas-kelas itu yang boleh merosakkan generasi muda akan datang.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Akta Pelajaran 1961, beberapa jenis tindakan telah diambil oleh Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri terhadap pusat-pusat 'tuition' yang tidak berdaftar. Antaranya adalah melakukan lawatan pemeriksaan ke pusat-pusat tuition tersebut serta memberi nasihat dan amaran sama ada secara lisan ataupun bertulis supaya aktiviti-aktiviti pengajaran dihentikan dan pusat-pusat tuition berkenaan ditutup. Walau bagaimanapun, oleh kerana banyak daripada jenis tindakan yang dibuat itu adalah berupa nasihat sahaja, maka jumlah tindakan yang diambil semenjak berkuatkuasanya Akta tersebut tidak dapat dihitung.

Setakat ini Kementerian Pendidikan tidak pernah mendapat sebarang maklumat mengenai berlakunya aktiviti-aktiviti bersifat negatif yang boleh merosakkan pelajar-pelajar di pusat-pusat tuition. Walaupun begitu, Kementerian ini sentiasa berwaspada terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat-pusat tersebut dan akan mengambil tindakan serta-merta jika maklumat yang negatif mengenainya diterima.

MAS—CANCELLATION FEE DIKENAKAN

29. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapakah pihak MAS mengenakan denda 25% untuk penumpang yang terlewat dan penumpang yang ingin terbang terdahulu daripada tempoh tempahan; dan

- (b) apakah 'cancellation fee' yang dikenakan untuk cancellation dalam tempoh 3 hari (72 jam) ini munasabah. Bukankah setiap hari pun MAS dapat faedah daripada 'waiting list passengers'.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik):

- (a) Langkah yang diambil oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengenakan denda (penalti) kerana kegagalan penumpang-penumpang membuat perjalanan atau membuat perubahan masa perjalanan dalam masa 72 jam, adalah bertujuan untuk mengurangkan pembatalan penerbangan oleh penumpang-penumpang, pada masa-masa akhir dan bagi mengatasi masalah terdapatnya tempat-tempat duduk yang kosong, apabila pesawat berlepas.
- (b) Bayaran denda (penalti) yang dikenakan adalah munasabah, oleh sebab ianya bertujuan untuk mengatasi masalah, kerap terdapatnya tempat-empat duduk yang kosong apabila pesawat berlepas. Memanglah benar sepertimana yang terdapat melalui peraturan sebelumnya, MAS boleh mendapatkan faedah daripada senarai penumpang-penumpang yang menunggu. Bagaimanapun, amalan untuk memberi peluang kepada penumpang-penumpang membuat perjalanan melalui 'senarai menunggu', dalam masa yang pendek dan terhad, tidaklah seharusnya diamalkan, kerana ianya boleh menimbulkan pelbagai masalah bukan sahaja kepada MAS tetapi juga kepada orang ramai. Sebaliknya, di bawah peraturan baru ini, penumpang-penumpang yang berada dalam senarai menunggu

akan dapat disahkan penerbangan mereka lebih awal, oleh sebab kekosongan tempat duduk dapat dikesan sebelum pesawat berlepas.

KOMPUTER—CUKAI DIKENAKAN

30. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Komputer telah menjadi barangan biasa, adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan cukai ke atas bahan-bahan komputer.

Dato' Loke Yuen Yow: Cukai-cukai yang dikenakan ke atas komputer dan softwarentya pada masa ini ialah 50% duti import dan 10% cukai jualan. Cukai-cukai ini adalah dianggap sebagai munasabah dan Kementerian tidak bercadang mengurangkannya buat masa sekarang.

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGERI

31. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kedudukan Majlis Perundingan Belia Negara di negeri-negeri dan berapa negerikah yang telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara. Jika tidak ditubuhkan, apakah alasannya.

Cik Teng Gaik Kwan: Majlis Perundingan Belia Negeri sedang berjalan dan berfungsi mengikut perlembagaannya. Banyak isu-isu dan permasalahan belia dan program pembangunan belia dalam pelbagai bidang telah dibincangkan dalam persidangan majlis-majlis berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 9 buah Negeri yang telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri dan hanya 5 buah Negeri sahaja yang masih belum menubuhkan Majlis berkenaan. Negeri-negeri tersebut belum menubuhkan

Majlis Perundingan Belia kerana mereka telah mempunyai Jawatankuasa Khas yang sama fungsinya untuk menyelaraskan program pembangunan belia di negeri.

PERSIDANGAN G-15— PENCAPAIAN

32. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pencapaian Persidangan G-15 dari segi ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Ingin saya maklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam Dewan yang mulia ini pada 25hb Jun yang lalu.

TANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

33. Tuan Haji Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah pencapaian hingga masa ini usaha-usaha Kerajaan bagi memajukan tangkapan ikan laut dalam;
- (b) jumlah lesen dan bot yang diluluskan;
- (c) jumlah tangkapan hingga sekarang;
- (d) program lanjutan bagi menyediakan nelayan yang gigih dan penuh minat.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Pencapaian hingga masa kini terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan tangkapan ikan laut dalam ialah:
 - (i) Pengeluaran permit (kelulusan) menangkap ikan di perairan laut dalam. Sejak

pelancaran perikanan laut dalam dilaksanakan, permohonan yang diterima untuk mendapatkan lesen berkenaan adalah sangat mengalakkan. Setakat ini sejumlah 771 unit kelulusan telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, 359 bot sedang beroperasi, 78 bot sedang dibina, 80 bot belum dibina dan 254 unit kelulusan telah ditarik balik oleh kerana pemohon tidak dapat mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikenakan.

- (ii) Peningkatan pendaratan ikan di dalam negeri. Pendaratan ikan di Semenanjung Malaysia oleh bot-bot laut dalam mengikut tahun adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Pendaratan Ikan (tan metrik)</i>
1986	32,785
1987	35,126
1988	58,313
1989	53,000

- (b) Bilangan bot laut dalam tambahan yang telah dilesenkan di Malaysia setakat ini ialah 359 unit (290 unit di Semenanjung Malaysia dan 69 unit di Malaysia Timur).
- (c) Jumlah tangkapan ikan oleh bot-bot laut dalam di Semenanjung Malaysia dari tahun 1986 hingga 1989 adalah seperti tersebut di atas (perenggan (ii)).
- (d) Untuk menyediakan nelayan laut dalam yang gigih, Kerajaan melalui Jabatan Perikanan telah mengadakan latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD) di Institut Latihan Perikanan Malaysia (ILPM), Batu Maung, Pulau Pinang. Setakat ini sejumlah 514 peserta telah tamat latihan tersebut.

KTM—KHIDMAT SERAH TIKET KE RUMAH PENUMPANG

34. Tuan P. Balaram minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah kejayaan sistem Khidmat Serah Tiket ke rumah penumpang yang diadakan oleh KTM. Bilakah KTM merancang mengembangkan Khidmat Serah Tiket ke rumah penumpang ke stesyen-stesyen lain.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Keretapi Tanah Melayu (KTM) sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para penumpang. Khidmat Serah Tiket ke Rumah telah diperkenalkan pada 15hb April, 1990. Orang ramai di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang boleh menempah tiket-tiket perjalanan keretapi melalui telefon dan tiket-tiket akan diserahkan ke rumah atau pejabat penumpang.

Semenjak diperkenalkan sehingga 31hb Mei, 1990 sambutan adalah menggalakkan dan seramai 439 penumpang telah menggunakan perkhidmatan ini.

KTM akan memperkenalkan perkhidmatan ini ke stesyen-stesyen lain seperti Butterworth, Ipoh dan Johor Bahru secara berperingkat-peringkat. Pada bulan Ogos 1990, sistem ini akan mula beroperasi di Pulau Pinang dan diikuti pula di Melaka pada bulan Oktober tahun ini.

PROGRAM BERSIH DAN INDAH

35. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang peruntukan sebanyak \$70 juta untuk mengindahkan Malaysia dalam Program Bersih dan Indah yang diumumkan oleh beliau:

- (a) bagaimana kemajuan Program tersebut; dan
- (b) selain daripada penanaman pokok-pokok yang rendah,

kemudahan tong sampah awam, lampu jalan, pembinaan perhentian bas dan jejambat dan zon-zon industri ringan, apakah tindakan Kementerian untuk memperbaiki jalan raya di Ibu Kota bandar-bandar dan kampung-kampung.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Program Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 24.6.1990 jam 9.30 pagi di Padang Majlis Bandaraya Ipoh, Perak Majlis pelancaran akan juga diadakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat selepas pelancaran rasmi Peringkat Kebangsaan di Majlis Bandaraya Ipoh, Perak.

Pelaksanaan Program Bersih dan Indah tahun ini melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak \$4,647,000.00. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai projek seperti tandas awam, tong sampah, tempat menunggu bas dan menanam pokok bunga di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dalam program ini.

Kesemua 21 Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan/Jawatankuasa Kecil masing-masing bagi menguruskan pelaksanaan projek-projek yang telah ditetapkan dan memastikan kejayaan Program Bersih dan Indah ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Penerangan menyediakan lagu tema "Bersih dan Indah", filem treler dan lain-lain lagi untuk disiarkan dan ditayangkan dalam Radio dan Televisyen Malaysia mulai bulan Jun, 1990. Ini adalah untuk memberitahu dan menyedarkan orang ramai tentang pentingnya kebersihan dan keindahan

dalam kehidupan seharian. Pameran Bersih dan Indah juga diadakan di Majlis Bandaraya Ipoh sempena Hari Pelancaran Rasmi dan dibuka kepada orang ramai.

Pameran seperti ini akan diadakan di seluruh negara dengan kerjasama Jabatan Penerangan dan pihak swasta. Mulai tahun ini juga pihak swasta akan menaja beberapa projek promosi dan kesedaran seperti membina "billboards" pondok menunggu bas, jejantas, film strip, poster, sticker dan lain-lain lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyenggaraan jalan tidak termasuk dalam aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti di bawah program Bersih dan Indah. Dalam konteks ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memastikan bahawa pemberian peruntukan di bawah program lain kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk penyenggaraan jalan adalah mencukupi. Dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang ke-34 pada tahun lalu, keputusan telah diambil supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menyalurkan terus peruntukan gerangan jalan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyenggara jalan-jalan yang menjadi tanggungjawab mereka. Di samping itu, pihak Kementerian ada juga memberi peruntukan setiap tahun kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan boleh memastikan jalan-jalan dalam kawasan mereka berada dalam keadaan yang sempurna dan selamat.

ZAKAT—FATWA WANG SIMPANAN DALAM KWSP

36. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada benar laporan yang mengatakan bahawa penentuan zakat berkenaan dengan EPF

akan diputuskan mengikut fatwa yang didapati dari negeri-negeri:

(b) jika benar:

- (i) siapakah pemberi fatwa berkenaan;
- (ii) sama ada pendapat-pendapat ulama dalam negeri sudah diperolehi dan apakah pendapat itu; dan
- (iii) sama ada keputusan muktamad dalam masalah-masalah umumnya adalah berasaskan fatwa-fatwa yang didapati dari luar negeri, dan namakan punca-punca fatwa pemutus yang diiktiraf sekarang.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Fatwa dalam negara ini adalah dalam bidangkuasa Jawatankuasa Fatwa di Negeri-negeri. Jawatankuasa itu dibentuk oleh pihak yang berkuasa agama di negeri yang berkenaan. Soal sama ada wang simpanan dalam KWSP diwajibkan zakat atau tidak perlulah mendapat keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa itu selalunya menimbang pendapat-pendapat daripada ulamak-ulamak tempatan. Pendapat-pendapat dari luar negeri adalah menjadi bahan rujukan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri.

PENGGUNA JALANRAYA— ADUAN DAN DENDA

37. Tuan Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah aduan dan jumlah denda yang telah dikenakan kepada pengguna jalanraya hasil dari laporan dan aduan yang dibuat oleh kakitangan Kerajaan dari Kumpulan 'A'; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan diambil oleh Kementerian hasil dari kajian yang telah dibuat oleh Radin Umar Radin/Suhadi dan

Dr. Aminuddin Adnan dari Universiti Pertanian Malaysia mengenai tabie/perangai dan sikap pengguna jalanraya di negara ini.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:

- (a) jumlah aduan yang telah diterima daripada kakitangan Kerajaan dari Kumpulan A sejak program ini diperkenalkan pada Oktober 1986 hingga bulan Mei 1990 ialah sebanyak 3,261 laporan. Manakala dalam tempoh tersebut jumlah kutipan yang dipungut ialah sebanyak \$11,915.00.
- (b) Hasil daripada kajian yang dibuat oleh Encik Radin Umar Radin Suhadi dan Dr. Aminuddin Adnan, Kementerian Pengangkutan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah mengambil tindakan bagi melaksanakan beberapa langkah bertujuan untuk mengubah perangai dan sikap pengguna jalanraya di negara ini seperti di bawah:
- (i) meningkatkan usaha-usaha penguatkuasaan dan mengenakan hukuman yang lebih deteren agar pengguna jalanraya lebih mematuhi tanda amaran dan peraturan jalanraya.
 - (ii) mengadakan kempen keselamatan jalanraya dan meningkatkan publisiti melalui semua saluran media massa agar menambah lagi kesedaran keselamatan jalanraya, khasnya menitikberatkan perangai atau sikap buruk pengguna jalanraya seperti yang rumuskan oleh kumpulan kajian Encik Radin Umar Radin Suhadi.
 - (iii) melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Memandu di mana prinsip-prinsip

memandu secara berhemat (defensive driving) akan disampaikan. Ini termasuk pengetahuan tentang mengelakkan keadaan konflik dan mengadakan jarak yang selamat apabila mengekori kenderaan di depan.

- (iv) menjalankan kajian mengenai sikap pemandu dengan bantuan para penganalisa psikologi.
- (v) memajukan pendidikan keselamatan jalanraya di kalangan kanak-kanak sekolah agar mewujudkan sekumpulan pengguna jalanraya yang berdisiplin dan bersopan santun.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

38. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) anggaran bilangan pelancong yang telah melawat negara kita sejak pelancaran "Tahun Melawat Malaysia 1990".
- (b) jumlah pembelanjaan yang telah digunakan untuk tujuan promosi dan lain-lain;
- (c) anggaran pendapatan yang telah diperolehi sejak pelancaran "Tahun Melawat Malaysia 1990"; dan
- (d) apakah program-program promosi pelancongan yang telah dirancang selepas 1990.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Jumlah pelancong yang telah melawat negara ini bagi tempoh 5 bulan pertama (Januari-Mei) 1990 adalah dianggarkan

sebanyak 3.26 juta orang berbanding dengan 1.95 juta orang bagi tempoh yang sama tahun 1989.

- (b) Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan berjumlah \$92 juta untuk program Tahun Melawat Malaysia 1990. Peruntukan ini termasuklah program-program pengiklanan, promosi dalam dan luar negeri, penyediaan bahan-bahan promosi dan bantuan pelaksanaan acara-acara dan kemudahan-kemudahan pelancongan untuk tahun 1989, 1990 dan 1991.
- (c) Purata perbelanjaan yang dibelanjakan oleh setiap pelancong pada tahun 1990 adalah dianggarkan sebanyak \$596.00. Berdasarkan kepada angka ini, jumlah tukaran wang asing yang dapat dihasilkan bagi tempoh lima bulan pertama tahun 1990 adalah dianggarkan berjumlah \$1.95 billion berbanding dengan \$1.13 billion bagi tempoh yang sama tahun 1989 iaitu pertambahan sebanyak 73%.
- (d) Untuk tahun-tahun selepas 1990, Kerajaan akan terus meningkatkan program-program promosi yang telah dilaksanakan dalam tahun 1990 secara lebih berkesan dan agresif. Pengalaman kita dalam tahun 1990 ini akan dijadikan asas kepada program-program untuk tahun-tahun berikutnya untuk memastikan Malaysia akan menjadi destinasi pelancongan yang lebih menarik kepada pelancong-pelancong.

PENDAKWAH AGAMA YANG MENYELEWENG

39. Tuan Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan pernahkah pihak Kerajaan membuat kajian mengenai strategi-strategi pendakwah-pendakwah yang terlalu

banyak berkeliaran di dalam berbagai corak, bentuk dan platform. Bukankah jelas usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka ini ke arah merobah pandangan, sikap dan pemikiran serta kecenderungan masyarakat Islam negara ini kepada ideologi asing seperti Syiah dan seumpamanya. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini daripada menular dan berleluasa.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan sentiasa mengikuti dan mengawasi gerakan kumpulan dan individu pendakwah-pendakwah di negara ini. Tidak benar bahawa semua pendakwah itu menyebarkan ajaran Syiah dan ajaran yang menyeleweng. Negara ini mempunyai undang-undang dan jentera pentadbiran yang Pentadbiran Agama Islam Negeri mempunyai peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi mencegah dan membasmikan kegiatan dakwah dan penyebaran ajaran agama Islam yang bertentangan dengan Hukum Syarak. Majlis-majlis agama Islam Negeri sepanjang masa melaksanakan tugas mereka di bawah undang-undang tersebut. Di samping tindakan berdasarkan undang-undang, pihak-pihak berkuasa agama Islam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri menjalankan program-program dakwah. Oleh sebab usaha-usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan itulah maka penyebaran Agama Islam yang bertentangan dengan Hukum Syarak dapat dibendung di negara ini dan keadaan masalah ini pada masa ini tidaklah membimbangkan.

PERSIDANGAN G-15

40. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan Mesyuarat G-15 di negara kita baru-baru ini.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Soalan ini juga telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada 25hb Jun yang lalu.

PELARIAN BUDAK-BUDAK DARI RUMAH

41. Tuan P. Balaram minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak budak-budak di bawah umur 16 melarikan diri dari rumah dalam lima tahun lepas;
- (b) berapa orang budakkah yang dapat dikesan dan balik ke keluarga masing-masing;
- (c) jika kadar pelarian itu tinggi maka apakah sebab-sebab berlakunya demikian; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menghindar berlakunya pelarian itu.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Mustaffa bin Mohammad):

- (a) Mengikut perangkaan Polis Di Raja, budak-budak di bawah umur 16 yang melarikan diri dari rumah dalam lima tahun lepas ialah 7,635.
- (b) Budak-budak yang dapat dikesan dan balik ke keluarga masing-masing dalam tempoh yang sama adalah 1,905.
- (c) Di antara sebab-sebab yang diketahui dari hasil penyiasatan, punca kehilangan itu adalah seperti berikut;
 - (i) Terpengaruh atau mengikut teman lelaki;
 - (ii) Berselisih faham dengan keluarga;
 - (iii) Kurang mendapat perhatian atau kawalan dari ibubapa;
 - (iv) Kes tidak siuman;
 - (v) Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran kerana inginkan kepada kemewahan hidup;

- (vi) Faktor kemiskinan;
 - (vii) Menerima layanan buruk dari keluarga tiri;
 - (viii) Mengikut orang yang telah menjanjikan pekerjaan;
 - (ix) Cubaan melakukan perkosaan oleh bapa, bapa tiri, penjaga;
 - (x) Pengaruh golongan-golongan subversif;
 - (xi) Terlibat dengan kegiatan dadah;
 - (xii) Meninggalkan rumah buat sementara waktu bertujuan untuk menziarahi saudara, kawan atau mencari pekerjaan tanpa pengetahuan keluarga;
 - (xiii) Tidak tahan 'exam fever' atau bimbang tidak dapat memuaskan hati ibubapa dalam bidang pelajaran;
 - (xiv) Tergelincir ke dalam sungai; dan
 - (xv) Kes dilarikan orang—colek.
- (d) Selain daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan ada juga menjalankan aktiviti-aktiviti untuk golongan kanak-kanak remaja. Di antara langkah yang diambil oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menghindar berlakunya pelarian tersebut ialah:
- (i) Mengadakan kempen seperti 'Gerakan Keluarga Bahagia' yang sedang dijalankan untuk menggalakkan keluarga mengeratkan hubungan

kekeluargaan sebagai usaha mengukuh dan menentukan kesejahteraan hidup berkeluarga;

- (ii) Perkhidmatan kaunseling kepada keluarga-keluarga yang menghadapi masalah iaitu yang memerlukan bimbingan, nasihat dan panduan berkaitan dengan penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak;
- (iii) Mengadakan kempen melalui media massa untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dalam menentukan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak bagi sesebuah keluarga; dan
- (iv) Kementerian Kebajikan Masyarakat juga memberi perkhidmatan kebajikan kepada murid-murid yang mempunyai masalah peribadi, akademik dan sosial agar mereka berfungsi sepenuhnya sebagai seorang murid yang sempurna.

KAMPUCHEA—PERANAN MALAYSIA

42. Tuan G. Rajoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) peranan yang dimainkan oleh Malaysia menerusi ASEAN dalam penyelesaian isu Kampuchea baru-baru ini berikutan dengan Jakarta Informal Meeting (JIM); dan

- (b) apakah isu yang menghalang pendamaian di antara puak-puak yang bersengketa di Kampuchea dan nyatakan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Semenjak Informal Meeting on Cambodia (IMC), telah terdapat beberapa inisiatif untuk memperolehi penyelesaian politik yang menyeluruh terhadap masalah Kemboja. Selain dari usaha Kelima-lima Ahli Tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Australia dan Jepun, Thailand telah bertemu dengan puak-puak Kemboja dan juga mengatur pertemuan di antara puak-puak Kemboja dalam usaha mencari penyelesaian. Malaysia terus menyokong semua usaha yang bertujuan untuk mencari penyelesaian politik yang menyeluruh.
- (b) Penyelesaian politik yang menyeluruh belum dapat dicapai oleh kerana ada jurang perbezaan di antara puak-puak Kemboja, khususnya di antara pendirian puak Khmer Rouge dan puak Hun Sen. Perbezaan utama berkaitan dengan bentuk dan peranan pentadbiran sementara di Kemboja sebelum pilihanraya diadakan, peranan Bangsa-bangsa Bersatu di Kemboja dalam tempoh waktu sementara sebelum pilihanraya, aspek-aspek ketenteraan termasuk aturan gencatan senjata. Seperti disebutkan sebentar tadi, Malaysia terus menyokong semua usaha ke arah mencapai penyelesaian politik yang komprehensif dan berkekalan untuk Kemboja.

Negara-negara ASEAN juga akan menimbangkan isu ini di mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri yang akan berlangsung di Jakarta pada penghujung bulan Julai 1990.

43. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah sekarang (1990);

- (a) penuntut-penuntut tajaan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, PETRONAS, STM dan LLN; dan
- (b) anggaran penuntut-penuntut persendirian di peringkat persediaan di pusat-pusat pengajian di seberang laut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penuntut-penuntut tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan luar negeri sekarang berjumlah 22,889 orang iaitu 29.5% daripadanya penuntut di luar negeri, manakala 70.5% daripadanya penuntut dalam negeri. Manakala penuntut anjuran Kementerian Pendidikan yang masih berada di universiti-universiti di dalam dan di luar negeri adalah berjumlah 3,414 orang. Seramai 665 orang daripadanya sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam bidang pendidikan di luar negeri.

Oleh kerana terdapat berbagai-bagai cara pelajar-pelajar persendirian mendaftar di institusi pengajian tinggi luar negeri maka Kerajaan tidak dapat mengesan secara terperinci bilangan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri dianggarkan seramai lebih kurang 52,000 orang. Daripada jumlah tersebut kira-kira 74.0% (38,500 orang) adalah penuntut-penuntut persendirian.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

44. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak kes-kes penganiayaan kanak-kanak yang telah dapat dikesan sehingga 30hb Mei 1990
- (b) apakah puncanya di waktu akhir-akhir ini kes penganiayaan kanak-kanak ini banyak berlaku; dan
- (c) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi membanteras penganiayaan kanak-kanak dari berleluasa.

Dato Mustaffa bin Mohammad: Soalan yang sama telah dijawab dalam Mesyuarat Dewan pada 26hb Jun, 1990 semasa menjawab Pertanyaan Mulut daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan tersebut.

PEMBELI RUMAH YANG TERTIPU

Dr. Tan Chong Peng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menolong pembeli-pembeli rumah yang tertipu oleh pemaju-pemaju perumahan yang menggadaikan rumah-rumah kepada bank-bank walaupun bayaran kos pembelian rumah sudah dibuat oleh pembeli-pembeli.

Tuan Ng Cheng Kiat: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pembelian rumah adalah merupakan hal kontrak di antara pembeli rumah dengan syarikat pemaju perumahan. Oleh itu, sekiranya terdapat mana-mana butir dalam perjanjian tidak dipatuhi oleh

salah satu pihak yang terlibat maka pihak yang terkilang itu bolehlah bertindak mengikut saluran undang-undang yang telah ditentukan dalam perjanjian itu. Dalam hal ini, mana-mana pembeli rumah yang tertipu oleh pemaju perumahan yang menggadaikan rumah-rumah berkenaan kepada bank, bolehlah mengambil tindakan undang-undang ke atas pemaju berkenaan. Sekiranya tindakan undang-undang tidak diambil oleh pembeli berkenaan, maka Kementerian jika diminta oleh pembeli akan memainkan peranan sebagai 'facilitator' atau orang tengah dengan membawa mereka yang terlibat ke meja perundingan agar masalah yang dihadapi oleh pembeli yang seumpama itu dapat diatasi.

HARGA RUMAH—KENAIKAN

46. Dr Ng Khek Kiung minta Menteri Perumahan menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kementerian untuk bertindak dan mengawal kenaikan harga rumah yang keterlaluan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan di dalam Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Plesenan) 1966 dan juga peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bagi mengawal harga jualan rumah-rumah yang dipasarkan oleh pemaju-pemaju swasta yang berlesen. Ini bermakna harga jualan rumah-rumah adalah ditetapkan berdasarkan kepada unsur-unsur pasaran terutamanya permintaan dan bekalan. Walau bagaimanapun, bagi rumah-rumah harga murah yang ditujukan kepada golongan berpendapatan rendah, pihak Kerajaan ada menetapkan harganya tidak melebihi \$25,000.00.

Walaupun tidak ada peruntukan undang-undang mengawal harga rumah, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi dan badan-badan swasta khasnya pihak Persatuan Pemaju

Perumahan untuk mencari langkah-langkah bagi mengatasi kenaikan harga rumah. Adalah difahamkan bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga ada mengambil beberapa tindakan seperti menentukan bahawa bekalan bahan-bahan binaan adalah mencukupi untuk keperluan di seluruh negara, dengan tujuan mencegah kenaikan harga rumah-rumah.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

47. Tuan Azman Attar bin Othman minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada peruntukan undang-undang untuk melindungi penganiayaan kanak-kanak dan isteri-isteri mencukupi; dan
- (b) apakah kejayaan-kejayaan dari segi penguatkuasaan terhadap kanak-kanak dan isteri-isteri yang telah dianiayakan.

HUKUMAN MATI KE ATAS PENGEDAR DADAH

48. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah hukuman mati pun tidak boleh menyekat pengedar dadah dari kegiatan mereka;
- (b) berapa ramaikah pengedar dadah yang telah dihukum dan menjalani hukuman; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang apa-apa langkah lain untuk memberi keberkesanan terhadap pencegahan pengedaran dadah selain dari rampasan harta pengedar.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Walaupun hukuman mati telah dikenakan ke atas pengedar-pengedar dadah, tetapi didapati masih terdapat juga kes-kes

tangkapan yang baru terhadap pengedar-pengedar dadah. Ini adalah kerana:

- (i) Orang yang bertanggung-jawab menguruskan kemasukan bekalan dadah dan para pembiaya tidak langsung menanggung risiko kerana mereka tidak pernah membawa dadah itu sendiri. Orang-orang yang sebenarnya terpaksa menghadapi risiko tersebut ialah orang-orang upahan mereka. Mereka inilah yang selalu tertangkap dan dikenakan hukuman.
 - (ii) Adalah didapati bukan semua kes-kes yang dituduh berjaya disabitkan kesalahan walaupun mencapai kadar 90% kepastian. Banyak juga kes-kes seperti ini dibuang bicara pada akhir perbincangan kerana sebab-sebab lain.
 - (iii) Dipercayai juga bahawa jangka masa yang terlalu lama di antara tarikh tangkapan dengan tarikh menjalani hukuman gantung boleh mengurangkan kesan 'Deterrent' itu. Pada ketika ini, kes-kes seperti ini memakan masa di antara dua hingga enam tahun sebelum hukuman dijalankan.
 - (iv) Ganjaran besar yang diperolehi hasil dari aktiviti pengedaran dadah, menjadi satu tarikan kepada mereka yang inginkan kekayaan dengan cepat tanpa usaha yang kuat.
- (b) Sejak tahun 1975 hingga kini, jumlah pengedar yang telah dijatuhkan hukuman mati ialah seramai 315 orang manakala yang telah menjalani hukuman ialah seramai 82 orang.

- (c) Langkah-langkah yang ada sekarang adalah memadai. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia membuat kajian dari semasa ke semasa dan mengambil langkah-langkah baru bila dirasakan perlu.

HARI RAYA AIDILFITRI DALAM ASEAN

49. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa dan kenapa tidak wujudnya di antara Negara ASEAN dalam menentukan tarikh persamaan Hari Raya Aidilfitri, sedangkan kerjasama dari segi politik ekonomi boleh diperundingkan; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar atau tidak, adanya penganut Islam yang berhari raya Aidilfitri tidak mengikut tarikh sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Kalau sedar, apakah langkah yang diambil bagi mengatasinya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soal penentuan tarikh Hari Raya dan juga tarikh awal Puasa adalah soal agama yang menyentuh perkara ibadah. Oleh itu, hal ini tidak boleh dibanding atau disamakan dengan soal-soal politik, ekonomi, kebudayaan dan lain-lain yang mana amat perlu diadakan kerjasama antara negara-negara ASEAN dan boleh pula dilaksanakan. Mengenai penentuan tarikh awal Puasa dan Hari Raya Aidilfitri, negara ini berpegang kepada asas 'rukayah dan hisab'. Kerjasama atau penyelarasan dengan negara lain hanya boleh dibuat dengan syarat, pertama negara itu berpegang kepada asas yang sama, dan kedua, negara itu terletak pada matlak yang sama dengan negara ini.

Kerajaan memang mengetahui bahawa pada tiap-tiap tahun ada orang

dan kumpulan orang yang menyambut Hari Raya Aidilfitri, malah juga memulakan puasa Ramadhan pada tarikh tidak sepertimana yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Malaysia. Ini bukanlah suatu perkara baru. Hasil dari usaha-usaha dakwah dan penerangan yang dijalankan oleh pihak berkuasa agama Islam Negeri, kes-kes seperti ini sudah banyak berkurangan pada masa ini. Usaha-usaha dakwah dan penerangan itu akan terus dijalankan.

GAJI BULANAN PEKERJA-PEKERJA LADANG

50. Tuan P. Balaran minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah semua masalah-masalah berkaitan dengan gaji bulanan di antara NUPW dan MAPA diselesaikan; dan
- (b) selaras dengan dasar Kerajaan iaitu kemudahan perumahan untuk tiap-tiap rakyat, adakah Kerajaan bercadang untuk memujuk dan merayu tuan-tuan punya ladang dan lombong untuk membina dan menjual rumah-rumah kepada pekerja-pekerja mereka.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Perjanjian Bersama di antara NUPW dan MAPA telahpun diselesaikan dengan usaha runding damai (conciliation) oleh Kementerian Sumber Manusia. Perjanjian Bersama ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin kedua-dua pihak itu pada 6hb April, 1990 di hadapan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Kini hanya soalan tafsiran tentang Artikel 8 dalam keputusan tersebut berkaitan dengan pelaksanaan Seksyen 16 Akta Pekerjaan tahun 1955 mengenai dengan izin,

“minimum number of days’ work in each month” telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan pada 24hb Mei, 1990 untuk interpretasinya. Mahkamah telah menetapkan 27hb dan 28hb Julai 1990 bagi mendengar hujah kedua-dua pihak.

- (b) Memang benar adalah hasrat Kerajaan supaya rakyat negara ini dapat memiliki rumah sendiri termasuk pekerja-pekerja ladang dan lombong. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan semenjak tahun 1976 lagi telah menggalakkan tuan punya ladang dan lombong melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja. Di bawah skim ini tuan punya ladang dan lombong telah digalakkan memperuntukkan tanah percuma dan mengatur pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka. Sehingga kini sebanyak 14 buah ladang dan 2 buah lombong telah siap membina sebanyak 2,176 unit rumah bagi pekerja-pekerja mereka di bawah skim ini. Tambah lagi 2,849 rumah di 18 estet sedang dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan.

STATUS GSP—MTUC

51. Tuan G. Rajoo minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan status Skim Keutamaan Khas (GSP) yang diberikan kepada Malaysia berikutan dengan audan MUTC kepada Persekutuan Buruh Antarabangsa Industri Amerika (AFL-CIO) baru-baru ini.

Dato' K. Pathmanaban: Pertanyaan ini adalah sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr Ng Khek Kiung telahpun dijawab dengan sepenuhnya di Dewan ini pada 26hb Jun baru lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan itu.

HAWA—RANCANGAN MENDEKATI GENERASI MUDA

52. Puan Aion binti Ariffin minta Perdana Menteri menyatakan adakah HAWA mempunyai rancangan untuk mendekati generasi muda bakal ibubapa dan penjaga, khasnya wanita dalam 'Kesedaran Kemanusiaan', supaya kejadian kekejaman tidak berperi-kemanusiaan terhadap kanak-kanak itu dapat dihapuskan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Buat masa ini HAWA belum mempunyai rancangan yang khusus untuk mendekati generasi muda bakal ibubapa dan penjaga khususnya wanita dalam 'Kesedaran Kemanusiaan', supaya kekejaman terhadap kanak-kanak dapat dihapuskan.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diberi perhatian utama di dalam penyediaan rancangan dan program-program HAWA di masa akan datang.

HAKISAN TANAH AKIBAT PENEANGAN POKOK

53. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada peneangan pokok-pokok di kawasan-kawasan pendalaman khususnya di tepi-tepi sungai akan membawa kepada hakisan tanah.

Tan Law Hieng Ding: Ya, hakisan tanah adalah gejala yang akan berlaku jika pokok-pokok di sesuatu kawasan ditebang secara besar-besaran, tidak kira sama ada ianya di tepi-tepi sungai atau di pendalaman.

PENYAKIT BARAH— PENCEGAHAN

54. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada akan diadakan polisi bagi tapisan barah, memandangkan penyakit ini mempunyai peluang untuk sembuh yang tinggi apabila dikesan lebih awal.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan tinggi kepada semua kegiatan berkaitan dengan pencegahan penyakit. Aktiviti-aktiviti penapisan penyakit adalah salah satu daripada kegiatan yang dijalankan. Khidmat penapisan bagi barah pangkal rahim dan buah dada serta pendidikan mengenai cara-cara untuk memeriksa buah dada secara sendiri diberi kepada kumpulan sasaran melalui klinik-klinik Kerajaan.

Sebelum Kementerian Kesihatan memperluaskan polisi penapisan bagi barah-barah, lain adalah perlu diketahui dengan mendalam maklumat beban, jenis-jenis barah serta golongan yang berisiko tinggi. Maklumat-maklumat ini adalah penting sebagai asas pertimbangan untuk menentukan khidmat tapisan yang diwujudkan bagi sesuatu jenis barah akan benar-benar mendatangkan manfaat. Dalam hal ini, Kementerian telah mewujudkan satu Daftar Barah Kebangsaan semenjak awal 1989. Daftar ini akan dapat memberi maklumat terperinci yang diperlukan.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

55. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pelancongan menyatakan:

- (a) dari Januari 1990 hingga sekarang, jumlah pelancong asing yang telah melawat Malaysia;
- (b) kebanyakan pelancong-pelancong itu datang dari negara apa;
- (c) apakah tempat di Malaysia yang paling popular kepada pelancong-pelancong asing;
- (d) jumlah pertukaran wang asing yang telah diperolehi oleh Malaysia; dan
- (e) apa langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pembangunan industri ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Jumlah pelancong asing yang melawat Malaysia setakat ini bagi tempoh 5 bulan pertama 1990 ialah dianggarkan sebanyak 3.26 juta orang.
- (b) Kebanyakan pelancong-pelancong berkenaan datang dari negara-negara pasaran utama seperti Singapura, Jepun, Australia, United Kingdom, Jerman Barat, USA, Hongkong, Taiwan, Korea Selatan dan dari negara pasaran kedua seperti Perancis, Itali, India, negara-negara Scandinavia, Brunei dan negara-negara Timur Tengah.
- (c) Mengikut rekod Kementerian, tempat-tempat yang paling popular kepada pelancong asing adalah tempat terletak berhampiran dengan pintu masuk utama negara seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching.
- (d) Berdasarkan kepada purata perbelanjaan pelancong sebanyak \$596.00 jumlah tukaran wang asing yang diperolehi oleh negara adalah dianggarkan berjumlah \$1.95 billion bagi tempoh 5 bulan pertama 1990.
- (e) Langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan pembangunan industri pelancongan antaranya ialah menyediakan produk-produk pelancongan sesuai dengan citarasa pelancong, menyediakan kemudahan-kemudahan asas di tempat tarikan pelancong, mengadakan acara-acara khas bagi menarik pelancong seperti program Tahun Melawat Malaysia 1990, meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kebersihan dan keindahan, mengadakan kerjasama pelancongan dengan negara-negara jiran dan lain-lain lagi.

TENAGA SOLAR

56. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan bersedia akan menyerapkan kepakaran teknologi penggunaan tenaga solar dari negeri Selatan-Selatan khususnya India dan Yugoslavia ke bidang perdagangan komoditi utama negara kita seperti minyak sawit dan getah demi untuk meninggikan ekonomi negara kita.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan tenaga suria (solar) telahpun digunakan secara meluas di negara ini sejak dari tahun 1970. Pada mulanya penggunaan adalah untuk sistem 'thermal' sahaja. Bermula pada tahun 1978 sistem 'photovoltaics' telah digunakan untuk meluaskan lagi bidang penggunaan.

Sistem 'Solar Thermal' menitikberatkan dalam penggunaan haba panas yang dapat dimanfaatkan untuk pengeringan dan menyimpan suhu konsisten untuk kegunaan waktu malam. Umpamanya, sistem pemanas air (solar water heater) dan sistem rumah asap (smoke house). Untuk makluman Yang Berhormat, peralatan sistem ini boleh didapati di negara ini dan boleh juga diimport dari negara lain.

Sistem 'Solar Photovoltaics' adalah untuk penjanaan kuasa elektrik terutamanya untuk kawasan luar bandar serta penggunaan industri kecil seperti memproses bahan makanan, perabot dan lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat, peralatan ini perlu diimport dari negara-negara seperti USA, Australia, Jepun, Jerman dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa negara ini mencukupi dengan kepakaran yang ada dalam bidang tenaga suria (solar). Sumber teknologi yang ada dari pihak agensi Kerajaan ataupun institusi pengajian tinggi adalah memadai bagi meningkatkan keperluan teknologi dalam bidang tersebut.

Melalui sumber bahan-bahan mentah terbuang yang terdapat hasil dari proses minyak sawit, getah dan bahan komoditi lain, didapati pihak yang terlibat mampu untuk mengeluarkan tenaga pembakaran bagi menjana kuasa letrik dan juga menyelesaikan masalah pencemaran sekaligus - sistem biomass.

(Soalan No. 57. Sila lihat jawapan No. 5)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ini ialah usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara

tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (28hb Jun, 1990)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk menyambung ucapannya.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada amnya Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuka satu era baru bagi masyarakat pekerja ladang dan lombong. Konsep dan usaha-usaha di bawah Rang Undang-undang ini lebih mirip kepada pembangunan masyarakat daripada perlindungan kehidupan mereka semata-mata. Penglibatan Kerajaan melalui agensi-agensinya ke dalam pembangunan ini akan juga diwujudkan dalam bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan serta perkara-perkara seperti kemudahan asuhan kanak-kanak, rekreasi dan sebagainya. Keadaan di mana masyarakat estet dianggap sebagai terletak di luar

daripada skop pembangunan luar bandar kerana duduk di tanah swasta akan mula bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa negara sudah Merdeka dan Akta 1966 mengenai perumahan pekerja-pekerja dikuatkuasakan, banyaklah kemajuan yang telah tercapai. Pegawai-pegawai serta Kementerian telah dapat menggalakkan majikan-majikan untuk menerima dan mengamalkan standard perumahan dan kemudahan asas secara luas. Dalam tempoh masa 25 tahun ini lebih kurang 80% - saya ulangi 80% daripada 85,000 rumah-rumah pekerja yang ada pada masa ini telah dibina atau diubahsuai untuk memenuhi keperluan Akta 1966 itu dan ini sudah tentunya satu pencapaian yang sungguh memuaskan.

Hampir 88% daripada rumah-rumah yang dibina itu dengan kelulusan Jabatan Buruh di bawah Akta 1966 telah hampir memenuhi standard-standard yang lebih tinggi yang tertera dalam undang-undang ini dengan bilangan 2 bilik tidur, dengan ruang bilik-bilik yang sempurna dan sebagainya. Adalah juga lebih kurang 8% atau 4,000 rumah yang dibina dengan 3 buah bilik tidur dan kemudahan-kemudahan lain yang lebih menarik daripada piawai-piawai minimum di bawah Akta 1966 ataupun pada Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Kemajuan telah juga dicapai dalam menggalakkan kemudahan-kemudahan kehidupan seperti bekalan elektrik dan air walaupun keadaan dalam bidang ini masih kurang memuaskan. Sebanyak 40% daripada semua rumah pekerja sedia mempunyai tandas jenis flush atau curah yang terletak di dalam rumah. Lebih kurang 800 daripada 1,570 estet telah membekalkan elektrik melalui sambungan kepada bekalan LLN. Ini merupakan pencapaian 51%. Lagi 543 estet daripada estet yang lain sedang memberi perkhidmatan elektrik kepada pekerja dan tanggungan mereka melalui generator sendiri.

Kementerian telah juga memujuk pihak majikan untuk mengadakan atau membantu dalam usaha kemudahan Tadika di ladang-ladang mereka. Kemajuan dalam perkara ini juga menggalakkan, kerana kemudahan Tadika ini adalah satu usaha sukarela dan tidak diperlukan di bawah undang-undang pada masa ini. Sebanyak 248 ladang sedang mengadakan Tadika ini untuk lebih daripada 10,000 kanak-kanak di estet-estet ini.

Dalam bidang kesihatan juga kemajuan dapat dilaporkan walaupun kelemahan-kelemahan dalamnya sedang lagi diperbaiki dengan tindakan berasingan di bawah Akta Hospital Swasta, 1971. 65 buah ladang mempunyai hospital tersendiri atau secara kumpulan. 328 dispensari sedang bergerak sepenuh masa dan 292 dispensari lagi dibuka separuh masa. Selain daripada itu Klinik-klinik Bidan dan Pusat-pusat Kesihatan yang dibina oleh Kementerian Kesihatan telah wujud di merata negara dan ada banyak daripadanya yang terletak berhampiran ladang-ladang dan sedang memberi perkhidmatan kepada masyarakat pekerja ladang secara langsung melalui klinik-klinik bergerak atau pun dengan pekerja dan keluarga mereka, melawatinya untuk dapat perkhidmatan.

Kemajuan dalam bidang ini adalah pesat. Adalah juga diharapkan bahawa dengan pendaftaran hospital-hospital estet di bawah Akta Hospital Swasta, 1971 tidak lama lagi dan pengawasan di bawah Bahagian III dalam Rang Undang-undang ini, dispensari-dispensari atau klinik-klinik dalam estet akan menikmati kemajuan yang lebih berkesan.

Ada juga perkembangan dalam beberapa aspek lain dalam kehidupan masyarakat pekerja ladang, seumpamanya 220 estet atau 14% sedang menikmati kemudahan telefon awam. 30% estet ada mempunyai lampu jalan serta banyak lagi kanak-kanak di estet yang juga dapat menikmati kemudahan

persekolahan yang lebih baik dengan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang baru berhampiran dengan estet-estet. Ada juga banyak majikan estet yang telah digalakkan membantu keluarga-keluarga pekerja dengan memberi subsidi dalam kos pengangkutan bagi anak-anak mereka pergi balik ke sekolah-sekolah ini. Segalanya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah hasil usaha Kerajaan dengan kerjasama daripada pihak majikan dan pihak Kesatuan NUPW di beberapa tempat.

Keperluan undang-undang serta pedesakan dan tindakan pegawai-pegawai buruh yang melawati ke ladang-ladang telah membantu banyak lagi mencapai kemajuan ini bersama-sama dengan kemajuan pada amnya yang dianjurkan melalui rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Ini tidak boleh dinafikan beberapa kelemahan dan kekurangan yang serius di sektor ladang. Kelemahan-kelemahan ini telahpun ditinjau dan dikenalpasti oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang lain sebagai asas untuk merangka dasar undang-undang, pendekatan dan tindakan yang baru dan lebih berkesan.

Rang Undang-undang ini serta beberapa langkah yang lain yang telahpun diumumkan adalah hasil tinjauan keadaan ini. Lebih kurang 18,000 unit rumah atau 20% yang kebanyakannya dibina sebelum Akta tahun 1966 itu dikuatkuasakan masih didapati berdiri di estet-estet dan tidak langsung mematuhi keperluan Akta tahun 1966 itu.

Kajian Kementerian Kesihatan terhadap bekalan air di estet-estet menunjukkan bahawa 20% estet menikmati air bekalan Kerajaan dan pada amnya hampir 80% daripada bekalan air melalui sumber estet-estet sendiri tidak memuaskan dari segi penapisan dan rawatan klorin.

Tambahan kepada itu sebanyak 41% daripada penduduk-penduduk estet terpaksa menggunakan kemudahan tandas yang tidak memuaskan. Kekurangan-kekurangan dalam bekalan air dan kebersihan alam sekitar iaitu keadaan buruk dalam kemudahan tandas, peraliran air longkang dan sebagainya, memang satu masalah kesihatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja ladang yang masih merung-singkan. Insiden serangan cacing atau worm infestation dan penyakit-penyakit kulit, diarrhoea dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan malnutrition dan sebagainya di kalangan pekerja-pekerja dan anak-anak pekerja ladang adalah berkaitan dengan kekurangan-kekurangan ini. Ini menjejaskan sedikit sebanyak produktiviti pekerja dan perkhidmatan kehidupan dengan sepenuh-penuhnya di kalangan masyarakat pekerja ladang.

Begitu juga dalam bidang bekalan elektrik terlalu banyak iaitu di 773 ladang daripada jumlah 1,570, iaitu lebih kurang setengah masih lagi bergantung kepada sumber elektrik alat generator mereka sendiri dan kerana itu terpaksa memberi perkhidmatan elektrik yang terhad sahaja. Ada banyak yang kita harus buat lagi dari semua segi untuk menjadikan estet-estet sebagai tempat-tempat bekerja dan hidup yang lebih sempurna dan menarik. Untuk menjadikannya pekerjaan estet sebagai satu yang dapat bersaing dalam pasaran buruh kita dan tindakan-tindakan yang segera dan serius adalah perlu.

Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan pada amnya telah bersetuju mengambil beberapa langkah yang baru untuk membaiki keadaan ini. Selain daripada menentukan bahawa masyarakat pekerja ladang dapat menyertai dalam dan menikmati hasil daripada arus pembangunan negara yang utama melalui pendidikan, perkembangan peluang-peluang pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya.

Beberapa tindakan spesifik dan langsung bagi masyarakat pekerja ladang telah dan sedang diatur.

Yang pertama, Rang Undang-undang ini sendiri merupakan satu langkah yang penting dalam meningkatkan keadaan kehidupan masyarakat pekerja ladang.

Yang kedua, suatu jawatankuasa peringkat nasional telah ditubuhkan dan sedang membincangkan pendekatan yang lebih berkesan untuk mewujudkan konsep pemilikan rumah-rumah oleh pekerja-pekerja ladang secara luas.

Rancangan pemilikan rumah oleh pekerja-pekerja ini akan diberi penekanan dan keutamaan yang perlu sebagai satu daripada pendekatan untuk memupuk kehidupan yang lebih sempurna dan selesa di kalangan pekerja-pekerja ladang.

Yang ketiga, satu pendekatan dan strategi yang baru akan dilaksanakan bagi membekalkan air yang bersih di estet-estet. Strategi ini bertujuan menentukan bahawa semua estet dapat dalam tempoh masa 5 tahun membekalkan air yang bersih, selamat dan cukup bagi pekerja-pekerja. Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan telah mengkaji bekalan air di estet-estet dan memberi perakuan kepada estet-estet tentang langkah-langkah yang perlu diambil. Di mana bekalan air paip Kerajaan tidak dapat diberi dalam tempoh masa yang munasabah, estet-estet akan diminta membina kemudahan dan alat-alat yang perlu bagi menentukan penapisan dan rawatan klorin air yang didapati dari sumber-sumber estet sendiri baik sungai, kolam atau lain-lain. Estet-estet akan seterusnya dikehendaki di bawah Fasal 6(3) dalam Rang Undang-undang ini menjalani analisa air yang dibekalkan dari masa ke semasa. Estet-estet yang kecil akan dibantu oleh Kerajaan dalam menganalisa air yang dibekalkan dan diberi nasihat dan

bantuan teknikal dalam mengadakan penapisan dan rawatan klorin kepada air yang dibekalkan itu kepada pekerja-pekerja mereka.

Di ladang-ladang yang dipecah-belahkan atau fragmented, adalah dirancang untuk air masyarakat melalui Program Kementerian Kesihatan dibekalkan bersama-sama dengan kemudahan tandas yang sempurna.

Kerajaan mencadangkan menukar strategi pengamalan dalam bekalan air paip ini dengan meminta ibu pejabat syarikat-syarikat ladang merancang secara menyeluruh bagi estet-estet di bawah kawalan mereka untuk mewujudkan satu Master Plan Lima Tahun untuk membekalkan air bermutu kepada pekerja-pekerja setiap estet di bawah jagaan mereka.

Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian akan dari masa ke semasa meminta diberi taklimat oleh syarikat-syarikat estet itu mengenai Master Plan atau Pelan Induk ini dan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaannya. Lawatan susulan akan dibuat oleh pegawai-pegawai dan Menteri ke estet-estet yang berkenaan.

Yang keempat, Program Lawatan dan Penyiasatan Pegawai-pegawai Buruh ke ladang-ladang akan juga diubahsuai dengan lebih penumpuan kepada estet-estet kecil di mana terdapat kelemahan yang lebih.

Yang kelima, untuk menentukan perhatian yang sewajarnya satu bahagian yang khas dicadang ditubuhkan di Jabatan Buruh bagi mengawasi keadaan dan kemajuan dalam kebajikan pekerja-pekerja ladang ini.

Yang keenam, mengenai kemudahan hospital dan klinik-klinik di estet-estet, Rang Undang-undang ini mengemaskinikan peruntukan yang telah lama wujud di dalam Rump Labour Code

selama lebih 70 tahun dan memerlukan pendaftaran hospital ini di bawah Akta Hospital Swasta 1971. Proses pendaftaran itu sudah pun disediakan dan kedudukan semua 65 hospital telahpun dikaji dan perakuan dibuat sewajarnya. Pendaftaran itu diharapkan akan dilakukan tidak lama lagi.

Rang Undang-undang ini memberi kuasa pada pertama kali di bawah Fasal 19 untuk menubuh dan menyelenggarakan klinik-klinik yang sesuai di estet-estet yang tidak diliputi oleh kemudahan hospital estet. Di sini juga arahan dapat diberikan dengan nasihat Pegawai Kesihatan untuk klinik tersebut dibekalkan dengan kakitangan dan ubat-ubat serta alat-alat yang perlu.

Yang ketujuh, Rang Undang-undang ini pada pertama kalinya memberi kuasa kepada Menteri untuk mewujudkan dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan yang lain di estet-estet untuk menentukan mutu hidup, dengan izin, quality of life yang lebih sempurna bagi masyarakat pekerja-pekerja ladang. Ini termasuk kemudahan-kemudahan rekreasi, perpustakaan, pusat-pusat asuhan kanak-kanak dengan kerjasama daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat selain daripada rancangan pemilikan rumah dan pengamalan yang lebih ketat dalam peruntukan mengenai perumahan dan kemudahan hidup di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini adalah hasil kajian dan perbincangan yang sedalam-dalamnya mengenai pengalaman kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini dalam menguatkuasakan undang-undang dan rancangan-rancangan untuk sektor perladangan. Kita rasa sudah sampai masanya untuk kita mengambil langkah-langkah yang tegas dan lebih teratur untuk memajukan nasib dan kesejahteraan masyarakat pekerja ladang kita yang telah begitu lama dan begitu banyak menyumbang bagi pembangunan ekonomi negara kita.

Kita harap juga bahawa dengan langkah-langkah ini, estet-estet akan bertukar wajah menjadi tempat kerja dan tempat duduk yang lebih sempurna dan lebih menarik bagi pekerja-pekerja muda kita serta keluarga mereka.

Fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini adalah dijelaskan secara terperinci dalam Huraian di belakang Rang Undang-undang ini dan tidak perlu bagi saya menerangkan fasal demi fasal. Peraturan-peraturan atau Regulations yang perlu bagi menguatkuasakan Rang Undang-undang ini kelak telahpun siap dan akan diwartakan dan dikuatkuasakan serentak dengan Akta ibu ini nanti. Sukalah saya nyatakan bahawa Rang Undang-undang ini serta peraturan-peraturannya telahpun dibincangkan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan dipersetujui di peringkat Majlis itu. Saya berharap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan bulat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk menetapkan standard-standard minimum perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja dan tanggungan mereka untuk menghendaki majikan menguntukkan tanah bagi penanaman dan ragut di tempat pekerjaan untuk menghendaki majikan menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, hospital, perubatan dan sosial dan untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

4.25 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil kesempatan dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah merancang satu Akta yang begitu jelas untuk menjaga dan melindungi kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja mahupun di estet-estet juga di lombong atau mana- mana tempat pekerjaan lain yang diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah. Inilah satu contoh betapa baiknya hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk menunaikan slogan dan cogan kata pilihan raya Barisan Nasional iaitu "Membela Rakyat Tradisi Barisan Nasional". Ini juga satu amalan yang besar perbezaannya yang dijalankan di antara parti Kerajaan yang bertanggungjawab bersama parti Pembangkang.

Pemimpin-pemimpin mahupun dari parti DAP juga dari Parti 46 selalu membuat bodoh sahaja mempertahankan, memperjuangkan nasib pekerja-pekerja akan tetapi sebaliknya bersekongkol dengan orang asing yang berusaha menarik balik kemudahan GSP yang dinikmati oleh negara dan rakyat keseluruhannya khasnya pekerja-pekerja ladang dan lombong. Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja seperti V. David, Ahmad Nor, Zainal Rampak telah berkali-kali membuat petition kepada pihak Amerika Syarikat menarik balik kemudahan GSP demi kepentingan diri sendiri. Wajah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Encik Lee Lam Thye selalu dianggap seorang yang sabar, tenang, dan tidak terburu-buru, jarang mencari musuh atau cemas dalam sesuatu keadaan. Perpatah Melayu yang berbunyi, "Sepandai-pandai tupai melompat di atas pokok,

akhirnya jatuh ke tanah juga." Tepatnya masa dan beraninya seorang pemimpin Kerajaan, Yang Berhormat Dato' K. Pathmanaban menjolok sarang tabuan, akibatnya berlaku tikam lidah mahupun di dalam Dewan juga berlaku pergaduhan di luar Dewan.

Dengan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' bak kata perpatah, "Air tenang jangan disangka tidak ada buaya".

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, semua pekerja di estet-estet, lombong memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi negara. Kerajaan sepatutnya dan wajib hendak menjaga kepentingan dan kebajikan mereka serta keluarganya. Satu hakikat yang kita tidak dapat menafikan iaitu dalam tempoh kebelakangan ini sebilangan besar tenaga buruh khususnya orang muda agak gemar mencari peluang untuk bekerja di negeri asing khususnya di Taiwan dan Jepun kerana agaknya mereka akan dapat gaji yang lumayan iaitu diantara \$100 hingga \$150 sehari. Kadar gaji harian ini sememangnya menarik ramai rakyat kita untuk mencuba nasibnya di negara berkenaan meskipun secara buruh harian dan secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu estet-estet di negara kita sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh baik di estet-estet getah mahupun di estet-estet kelapa sawit. Oleh itu kami terpaksa mengimport tenaga buruh daripada negara asing khususnya Indonesia dan Thailand untuk mengisi jawatan buruh kasar untuk memungut hasil.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang luar biasa sedang berlaku di kawasan Keratong, Pahang yang berhampiran Negeri Sembilan, berpuluh-puluh ribu hektar ladang getah, ladang kelapa sawit mahupun estet penswastan termasuk juga rancangan

FELDA selain daripada kakitangan pengurusan hampir satu ratus peratus buruh kasar yang diimport dari Indonesia dan Thailand. Keadaan ini perlu diambil perhatian berat dan Kerajaan perlu merancang satu program untuk mengatasi masalah ini. Kami bimbang sekiranya buruh asing ini meninggalkan negara kita, ekonomi negara kami pasti terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan Kerajaan untuk menggalakkan estet-estet untuk pelaksanaan projek perumahan lengkap dan bekalan air dan api pasti dapat sambutan. Langkah ini perlu dilancarkan secepat mungkin, akan tetapi Akta ini sentiasa dilaksanakan dengan secara flexible, dengan izin, ke atas pemilik mini estet yang di bawah satu ribur ekar. Mereka menanggung segala kemudahan yang diwartakan oleh Kerajaan sedangkan mereka mengalami kesukaran menghadapi kejatuhan harga komoditi pada masa kebelakangan ini. Kementerian sentiasa memberi nasihat dan galakan supaya mereka mencapai matlamat Kerajaan beransur-ansur atau 'step by step', dengan izin, dan menjamin Ketua Pengarah atau mana-mana penguatkuasa tidak melakukan sebarang penyelewengan ataupun sesuatu tidak diingini apabila menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di estet-estet di seluruh negara adalah merupakan bantuan modal. Kemudahan-kemudahan di sekolah itu amatlah berkurangan dan tidak standard, misalnya bangunan kelas-kelas sangat buruk, kelengkapan seperti meja dan kerusi tidak mencukupi, tiada tempat rekreasi dan sebagainya. Kerajaan perlu mengambil perhatian berat terhadap masalah ini kerana pendidikan untuk generasi kami amatlah mustahak untuk negara. Oleh itu saya berharap Kerajaan perlu mengkaji dan jika boleh untuk menggazetkan kesemua tapak sekolah-sekolah berkenaan agar sekolah-sekolah tersebut dapat diubah daripada bantuan modal kepada bantuan penuh.

Selain daripada itu saya ingin mencadangkan supaya pihak estet merancang projek perumahan. Cadangan telah lama didengar dan disiarkan dalam media massa, tetapi setakat ini hanya mendengar batuk di tangga sahaja. Saya harap Kerajaan memainkan peranan yang penting supaya pekerja estet memiliki rumah sendiri agar generasi mereka dapat dijamin demi kepentingan tenaga pekerja terutamanya di dalam estet.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang tersebut di atas, saya menyokong Akta ini dan harap ianya diluluskan kemudian. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Valli Muthusamy.

4.35 *ptg.*

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia baru-baru ini.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memasukkan, dengan izin, 'consolidate' kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Jadual, mengemaskinikan undang-undang sekarang dan menambahkan pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan provision baru. Akta seperti ini telah lama dinanti-nanti dan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia untuk usaha gigih mereka dan memperkenalkan Rang Undang-undang ini. Setelah membaca Mukaddimah dan pelbagai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang, Akta ini keseluruhannya ditujukan kepada pekerja-pekerja ladang dan lombong, tetapi setelah membaca secara kebetulan Fasal 2, didapati bahawa peruntukan-

peruntukan Akta ini juga boleh digunakan ke atas pekerja di industri-industri lain.

Sejak kemerdekaan, banyak ladang-ladang telah dibahagi-bahagikan dan dengan perindustrian, ramai pekerja-pekerja estet telah berhijrah ke kawasan bandar untuk bekerja di kilang-kilang dan industri-industri. Ramai pekerja-pekerja ini di kawasan bandar tidak mempunyai perumahan yang baik dan tinggal di kawasan setinggian tanpa bekalan elektrik dan air dan dalam keadaan kesihatan yang kurang baik. Saya cadangkan bahawa Kerajaan mengkaji semula kesemua Undang-undang yang ada sekarang untuk menyediakan kemudahan seperti yang didapati dalam Rang Undang-undang ini untuk pekerja-pekerja kilang di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, balik ke Rang Undang-undang ini, Fasal 2(1) menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak boleh digunakan di kawasan-kawasan dalam Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Wilayah Persekutuan. Terdapat banyak estet di Seberang Perai dan di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai dan mungkin kelihatan tidak dilindungi, tetapi sejak Menteri telah diberi kuasa untuk memperluaskan Akta ini ke kawasan dalam kawasan Majlis Perbandaran, saya meminta Yang Berhormat Menteri membuat perisytiharan yang diperlukan dengan segera apabila Akta ini dikuatkuasakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, definisi ayat 'estet' dalam Akta ini bermakna sebarang tanah pertanian melebihi 20 hektar. Saya tidak pasti sama ada definisi ini meliputi tanah sawah padi, kebun buah-buahan dan sayur-sayuran yang melebihi 20 hektar atau ia hanya ditujukan untuk ladang-ladang getah, kelapa sawit, kelapa, kopi, koko, teh dan lombong-lombong sahaja. Ini tidak jelas dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkannya?

Bahagian II Akta tersebut ialah peruntukan kepada perumahan dan kemudahan-kemudahan lain dan menghendaki kuatkuasaan Ketua Pengarah bahawa bangunan yang digunakan untuk menempatkan pekerja-pekerja atau yang digunakan untuk taman asuhan mematuhi kehendak-kehendak Akta ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di situ. Pada masa dahulu banyak estet tidak mematuhi kehendak-kehendak undang-undang yang ada sekarang dan pekerja-pekerja tidak dibekalkan dengan perumahan yang sesuai. Keluarga-keluarga besar ditempatkan dalam unit satu bilik dan tiada kebebasan di situ.

Setengah-setengah majikan telah menempatkan pekerja-pekerja mereka di dalam pondok-pondok yang buruk tanpa bekalan air dan elektrik dengan bilik mandi dan tandas yang tidak berasingan dan peraturan kesihatan moden kurang. Ketua Pengarah tersebut harus memastikan bahawa setiap rumah yang dibahagikan kepada pekerja mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik tidur, satu bilik tamu, satu bilik dapur dengan dewan makan, bilik mandi dan tandas yang berasingan. Kementerian harus memperkenalkan satu pelan tetap untuk 'lay-out', dengan izin, bangunan dan sebagainya dan memastikan bahawa semua majikan mematuhi arahan-arahan yang diberi oleh Kementerian. Ketua Pengarah harus mengarahkan pegawai-pegawainya memastikan bahawa semua bangunan-bangunan lama dan yang dalam keadaan bahaya diruntuhkan dengan segera oleh majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik peruntukan-peruntukan berkenaan Taman-taman Asuhan. Dalam kebanyakan estet-estet Taman Asuhan adalah dalam keadaan buruk. Kebanyakan Taman-taman Asuhan mempunyai hanya satu amah atau penjaga untuk menjaga ramai kanak-kanak. Kanak-kanak tersebut tidak dipelihara dengan penuh kasih

sayang, mereka tidak disuap pada masanya atau dimandikan atau ditidurkan. Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk Taman Asuhan tersebut mesti membekalkan satu amah atau penjaga dengan kelayakan sekurang-kurangnya S.R.P. untuk menjaga setiap 10 orang kanak-kanak atau sebahagian darinya, kerana dalam estet penoreh getah keluar awal pagi dan kembali selepas jam 2 petang. Anak-anak mereka ditinggalkan di Tamantaman Asuhan lebih kurang 7 jam, kanak-kanak yang berada di Taman Asuhan ini kebanyakannya masih kecil di antara umur 1 tahun hingga 4 tahun dan memerlukan perhatian rapi. Mereka perlu membesar dalam persekitaran yang bersih dan sempurna, beri pembentukan fizikal dan mental yang baik, yang akan menjadi asas bagi mewujudkan rakyat yang sihat dan berpelajaran.

Saya cadangkan supaya Taman Asuhan Kanak-kanak di ladang-ladang mesti menggaji beberapa orang amah atau penjaga untuk mengawasi Taman Asuhan tersebut. Penjaga ini sekurang-kurang mestilah dari kalangan pemudi tempatan yang telah gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Dengan ini juga kita dapat memberi peluang pekerjaan kepada pemudi-pemudi yang telah tercidir dalam pelajaran di peringkat tersebut dengan tidak secara langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran di ladang-ladang. Begitu juga doktor-doktor perubatan dan jururawat-jururawat haruslah melawat Tamantaman Asuhan ini setiap minggu untuk memastikan bahawa kanak-kanak tersebut berada dalam keadaan kesihatan yang baik dan memberi rawatan kepada mereka yang memerlukan rawatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, pembahagian tanah kepada pekerja-pekerja adalah sangat mustahak kerana ia membolehkan pekerja dan keluarganya menanam sayur-sayuran dan menggembala lembu, kambing dan menternak ayam dan

dengan itu dapat menambahkan pendapatannya. Selanjutnya masa lapangnya dapat digunakan dengan manfaat.

Bahagian III Rang Undang-undang tersebut ialah berhubung dengan kesihatan, rawatan, perubatan hospital dan peraturan kesihatan.

Saya menyambut baik kesemua peruntukan-peruntukan ini, tetapi dengan hanya memperkuatkuasakan undang-undang sahaja tidak mencukupi, ia mesti dilaksanakan dengan tegas dan Ketua Pengarah harus memastikan bahawa pegawai-pegawainya menjalankan tugas-tugas mereka.

Di tahap ini saya juga ingin mengatakan bahawa banyak kedai-kedai di estet menjual samsu haram dan ramai pekerja-pekerja memilih untuk meminum minuman murah ini. Saya meminta Ketua Pengarah membasmi tabiat di ladang-ladang ini dengan bantuan Polis dan Kastam, kerana meminum samsu haram ini telah mengakibatkan banyak kehilangan nyawa dan bahaya kepada kesihatan.

Akhirnya, Penjualan todi dalam setengah-setengah ladang harus ditutup dan majikan harus menghalang kedai-kedai ladang-ladang dari menjual beer dan arak. Penggunaan samsu haram, todi, beer dan arak tidak sahaja mengganggu kesihatan pekerja, tetapi menyebabkan keganasan, memukul isteri, anak-anaknya dan gagal menjaga keluarganya. Jika penjualan barang-barang tersebut di ladang dihapuskan, jadi semua pekerja akan mengerjakan tanah yang diperuntukkan untuknya dan akan menjaga keluarganya. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Sivalingam.

4.46 ptg.

Tuan K. Sivalingam: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ini untuk memberi pendapat-pendapat saya terhadap Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Rang Undang-undang ini adalah istimewa kepada saya, kerana saya telah bekerja di sebuah estet dan mempunyai pengetahuan yang cukup atas keadaan-keadaan yang diperlukan atau yang dikehendaki di dalam sebuah estet.

Saya berasa gembira kerana bahawa Kerajaan kini telah dapat melihat atau memandang dengan tepat untuk membuat pindaan terhadap Undang-undang yang berada pada masa ini untuk memperbaiki standard-standard perumahan dan pusat-pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja dan menguntukkan tanah-tanah bagi tanaman dan padang ragut di tempat pekerjaan mereka. Begitu juga mengadakan kemudahan, kesihatan, hospital, perubatan dan kemudahan-kemudahan sosial di estet-estet.

Sesudah 30 tahun kita merdeka baru difahami bahawa pekerja-pekerja estet adalah juga manusia dan mereka juga berhak untuk mendapat kemudahan dan rawatan yang lebih baik dari kemudahan dan rawatan yang diberi kepada mereka pada masa sekarang. Sesuatu yang tidak harus dinafikan ialah bahawa pekerja-pekerja estet adalah perintis atau pioneers terhadap pembangunan ekonomi di dalam negara ini dan mereka adalah orang-orang yang telah membersihkan hutan-hutan dan menukarkan hutan-hutan ini kepada estet-estet. Kesetiaan mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional juga telah ditunjukkan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, pindaan ini adalah lewat sangat, tetapi saya rasa gembira untuk mengambil perhatian bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil

beberapa langkah bagi kepentingan di atas kebajikan pekerja-pekerja estet. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk membawa pekerja-pekerja estet kepada satu kemajuan yang terutama. Mengemukakan Undang-undang baru adalah suatu perkara, tetapi pelaksanaan dasar undang-undang itu adalah suatu perkara yang lain. Menguatkuasakan peruntukan baru ini adalah sangat mustahak kerana majikan-majikan estet adalah terkenal kerana jahilnya meghindari undang-undang negara ini, satu misalannya ialah tiada pelaksanaan Seksyen 16 Akta Pekerja 1955, yang mana telah berlaku satu pertikaian baru-baru ini di antara NUPW dan MAPA. Satu perkara yang harus menarik perhatian ialah bahawa Akta Pekerjaan 1955 telah memperbuat semula undang-undang oleh Kerajaan British yang mana adalah untuk kepentingan pelabur-pelabur British dan ini adalah suatu yang paling terkenal.

Orang-orang British pun tidak memberi pertimbangan atas Seksyen 16, sebagai boleh merosakkan terhadap kepentingan majikan estet yang mana segala-segalanya adalah dalam tangan orang-orang British. Walau bagaimanapun, ia mengambil lebih kurang 35 tahun selepas pengenalannya dalam tahun 1955 untuk melaksanakan dengan penuh Seksyen 16. Seperti itulah kuasa-kuasa majikan estet kepada mereka ini. Mereka tidak mempedulikan undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dengan kebebasan. Jadi, majikan-majikan estet tidak mempedulikan Seksyen 16, Akta Pekerjaan 1955 selama 30 tahun dan juga telah tidak mempedulikan Akta Perhubungan Perusahaan, dengan izin, Industrial Relations Act yang mana memperuntukkan bahawa syarat-syarat perjanjian bersama (Collective Agreement) tidak boleh kurang menguntungkan dari apa yang diperuntukkan oleh statute. Oleh kerana ini majikan estet tidak mengetahui dua Akta Parlimen sehingga awal tahun ini. Oleh

yang demikian, maka saya berharap peruntukan baru ini tidak akan menghilangkan dan memusnahkan Seksyen 16, Akta Pekerjaan.

Saya berharap bahawa Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan baru ini dengan tidak berlemah-lembut dan menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tanpa 'fear or favour'. Saya mesti mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memperkenalkan pindaan ini dengan kesedaran untuk menaikkan gaji baru-baru ini yang diselesaikan antara NUPW dan MAPA. Kabinet mesti mengucapkan tahniah kerana mengambil langkah pertama dan melantik komiti khas mengandungi 3 orang Menteri untuk menolong parti-parti bagi mencari penyelesaian di luar mahkamah.

Rang Undang-undang baru ini adalah satu langkah tambahan dari Kerajaan Barisan untuk memperbaiki kemudahan kehidupan pekerja-pekerja estet dan lombong dan menghapuskan kemiskinan di dalam sektor estet. Saya pasti bahawa dengan kenaikan gaji dan kemudahan kehidupan yang terbaik, kehidupan di dalam estet akan berbeza dengan sepenuhnya dan akan mengambil satu jalan yang lama untuk memindahkan pekerja-pekerja estet ke bandar dan ke sektor-sektor lain.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengambil satu aspek lain di mana harus diambil perhatian yang serius selain dari kenaikan gaji, kemudahan kehidupan pekerja-pekerja estet mesti juga diberi perhatian yang khas. Pada masa sekarang ini majikan memberi pakaian seragam ataupun pakaian rasmi untuk pekerja mereka. Kebanyakan kilang-kilang baru, khususnya yang mana dijalankan oleh multi-nationals memberi pakaian seragam, kemudahan kantin, sarung tangan, topi kepala dan boot untuk pekerja-pekerja mereka. Saya tidak tahu

mengapa majikan-majikan estet tidak memberi boot getah untuk pekerja-pekerja ladang dan memberi overall atau pakaian yang sesuai yang lain untuk penoreh getah dan pekerja-pekerja lain.

Pekerja-pekerja yang terbaik akan merasa pride di tempat kerja mereka dan daya pengeluaran akan diperbaiki dengan kemudahan pekerjaan yang terlebih baik. Semua majikan estet-estet mesti mengadakan kantin sendiri di mana makanan yang murah dan bersih boleh diberikan kepada pekerja-pekerja mereka.

Majikan-majikan estet boleh memberi nikmat kepada pekerja-pekerja mereka dengan kehormatan dan kemuliaan. Saya tidak ada apa-apa keraguan bahawa perhubungan perusahaan akan diperbaiki dan akan dapat return yang patut sebagai hasil pengeluaran yang berlebihan. Saya berharap perkara ini akan diberi peringatan yang serius. Ini adalah masa untuk sektor estet membaharui aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat beberapa ladang di seluruh negara. Kemudahan di ladang-ladang berbeza. Ada yang menyediakan rumah, tetapi malangnya, kebanyakan ladang tidak menyediakan apa yang sangat perlu untuk manusia yang mengorbankan tenaga untuk menambahkan kekayaan majikan. Di ladang yang terletak jauh dari bandar, pekerja tidak ada peluang menikmati keperluan asas termasuk taraf pendidikan untuk anak-anak mereka. Sekolah adalah jauh dari ladang dan sekiranya ada kemudahan kenderaan adalah sangat mahal.

Ibu-bapa perlu bekerja kuat untuk menyara anak-anak mereka kerana ibu-ibu pun terpaksa keluar awal. Majikan dipaksa menyediakan tempat jagaan untuk kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Di beberapa negeri ini disebut sebagai kandang. Ini sangat benar. Tempat ini seperti kandang binatang, kecil sempit dan kotor. Tidak ada kemudahan untuk kanak-kanak berchat

atau bermain. Dalam satu ayat, 'tidak ada peluang membesar dengan sihat'. Saya pernah melihat penjaga kanak-kanak ini yang terpaksa menjaga 30 sampai 40 orang kanak-kanak seorang diri. Kanak-kanak ini berumur dari 1 bulan hingga 6 tahun. Bolehkah seorang melayan semua kanak-kanak dengan sempurna? Adakah ia akan menjaga bayi atau ia akan menjaga kanak-kanak besar. Ia langsung tidak boleh membuat apa-apa hanya mengugut mereka supaya duduk diam atau memukul mereka sehingga diam.

Kita semua tahu umur pra-sekolah ini adalah penting dan sekiranya warganegara esok, bakal-bakal pemimpin negara ini dijaga dalam situasi ini, bayangkanlah keadaan rakyat dalam 20 tahun nanti. Kanak-kanak di tempat jagaan ini sangat perlukan satu keadaan yang baru dengan unsur-unsur pembelajaran, satu tempat yang bersih dan meriah. Ini hanya akan dicapai sekiranya penjaga kanak-kanak ini faham peranan dan tugasnya sebagai ibu ganti selama 8 jam hingga 9 jam ia menjaga kanak-kanak itu. Ia mesti tahu bagaimana ia perlu menjaga dan mengasuh kanak-kanak ini. Ia akan mencapai ini dengan pengetahuan dan kemahiran dan ini memerlukan latihan yang dirancang khas untuk keadaan di ladang.

Keadaan di ladang adalah khusus, dan latihan ini mestilah sesuai untuk penjaga-penjaga kanak-kanak ini. Saya dapat tahu Kementerian Kebajikan Masyarakat telahpun menjalankan kajian dan juga telah menjalankan kursus untuk penjaga kanak-kanak di ladang di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.

Penjaga kanak-kanak yang telah menerima latihan telahpun membuat beberapa perubahan di tempat-tempat mereka. Saya juga berpendapat kursus ini dirancang khas untuk situasi di ladang. Di dalam Rang Undang-undang ini, seksyen 10(i) hingga (iv) disebut, "Nursery akan dilengkapi dengan

alat permainan." Saya ucapkan syabas, tetapi saya juga sangat berharap nisbah penjaga dan kanak-kanak akan mengelakkan perkembangan kanak-kanak. Saya juga berharap majikan akan meningkatkan keadaan dengan seberapa segera dan Kementerian Sumber Manusia akan memberi satu tempoh kepada majikan untuk ubahsuai keadaan buruh ini dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth.

5.02 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat dan juga Kementerian yang berkenaan kerana telah memberi pandangan yang begitu dalam dan memakan masa yang begitu panjang demi untuk pekerja-pekerja yang saya percaya setakat ini masih lagi merana. Dari itu patut sangat mereka itu diberi perhatian yang sebaik-baiknya.

Apa yang menarik perhatian saya terhadap perkara ini ialah hasrat murni Kerajaan untuk menentukan kebajikan pekerja-pekerja dan keluarganya. Saya harap pihak majikan dan juga pihak union, dengan izin, yang berkenaan akan terima baik hasrat Kerajaan ini.

Namun demikian, dengan izin dan hormat, saya ingin memberi pandangan serba sedikit di atas sebahagian daripada Fasal yang telah dibentangkan itu. Buat keseluruhannya undang-undang itu sangat padat dan saya ingat sangat berguna kepada pekerja-pekerja itu, there is no doubt about it, dengan izin.

Yang keduanya, dan juga nampaknya tanggungjawab yang diberikan kepada Director General itu pada hemat saya, terlalu berat dan sekiranya dia sahajalah

yang akan mengetahui dan dipertanggungjawabkan di atas perkara yang begitu banyak dari segi kebajikan ini, ada kemungkinan beliau, tidak ada masa atau tidak dapat memuaskan kepada pekerja-pekerja itu. Mungkin ada kebajikannya kalaulah dia ini, maaf, saya bukan hendak mengajar—tetapi kalaulah operasinya itu melalui ahli jawatankuasa yang mana mengandungi pekerja-pekerja, wakil Kerajaan dan wakil-wakil yang tertentu untuk menentukan apa jua yang telah dibentangkan di dalam Rang Undang-undang itu dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya. Dengan demikian apa juga yang akan diminta pula nanti oleh pekerja-pekerja itu sepatutlah difikirkan dan tidak dengan sewenang-wenangnya Director General itu meluluskan ataupun menolaknya.

Membuat Rang Undang-undang itu mungkin tidak begitu susah oleh kerana ini adalah 'man-made', dengan izin, tetapi untuk selenggarakannya tidak mudah, selenggara dengan sebaik-baiknya, dengan sepuas-puas hati kepada sipenerima itu. Kalau tidak perkara ini saya percaya akan menelan banyak perbelanjaan. Juga kalau tidak diselenggarakan dengan baik mungkin tidak berjaya dapat cita-cita Kerajaan sepertimana Rang Undang-undang yang dibentangkan itu.

Rang Undang-undang ini juga tidak membayangkan berapakah perbelanjaan yang akan digunakan kemudian. Mungkin Yang Berhormat dapat membayangkan perbelanjaan atas apa-apa perbelanjaannya yang banyak atau sedikit. Saya percaya apa juga yang akan dicadangkan itu semuanya baik dan kita harus membantu ataupun menyokongnya.

Jadi, itulah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya sedar kedudukan pekerja-pekerja di ladang masih lagi di dalam penderitaan dan harus sangat mereka itu diberi pandangan yang sebaik-baiknya dan sewajarnya. Saya juga ingin kalau

pekerjaan yang sebegini dapat juga diberi kepada Persatuan Bekas Perajurit oleh Yang Berhormat, setidak-tidaknya disokongkan. Kalau diterima, saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya hendak sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

5.05 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia baru-baru ini.

Seperti sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan menetapkan Standard-Standard Minimum Perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja di suatu tempat pekerjaan. Ia menghendakkan majikan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan hospital dan perubatan di samping kemudahan-kemudahan sosial. Rang Undang-undang ini dibuat tepat pada waktunya dan amatlah diperlukan sewaktu ini.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah long overdue, dengan izin, dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia ke atas kesanggupannya membentangkan Rang Undang-undang yang cemerlang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang yang mengawal perkara-perkara yang tersebut terkandung dalam Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1966 dan peraturan-peraturannya dan pelbagai Kanun Buruh akan tetapi peraturan-peraturan serta pelbagai Kanun Buruh yang ada

sekarang adalah outdated, dengan izin, dan tidak dipatuhi oleh pihak-pihak tertentu dengan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, penggubalan Rang Undang-undang baru ini adalah amat wajar dan dialu-alukan. Saya sedar pada amnya peruntukan-peruntukan bagi undang-undang yang sedia ada dikekalkan tetapi beberapa peruntukan telah dipinda dan yang baru diperkenalkan bagi kemaskinikan dan memperbaiki kehendak-kehendak Standard Minimum undang-undang yang sedia ada bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja. Saya yakin dan percaya Rang Undang-undang ini akan menguntungkan pekerja-pekerja estet dan lombong di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang pekerja estet atau lombong sangat-sangat mengharapkan perumahan yang selesa, pusat asuhan kanak-kanak yang selamat untuk menjaga anak-anak mereka semasa mereka bekerja, hospital dan kemudahan-kemudahan yang baik serta kemudahan-kemudahan rekreasi untuk berehat sebagai suatu kepuasan hidup di negara ini. Pada lazimnya majikan-majikan dikehendaki memberi kemudahan-kemudahan yang standard, pusat asuhan kanak-kanak yang berprofesional, kemudahan perubatan dan rekreasi bagi pekerja-pekerja mereka. Akan tetapi mereka selalunya tidak menyempurnakan tanggung-jawabnya ini dengan tujuan menjimatkan wang.

Keadaan ini adalah amat ketara semasa zaman penjajahan dan seterusnya dibawa ke zaman sekarang. Majikan mereka pada masa penjajahan memerah darah pekerja dan mencampakkan hampas mereka, seboleh-bolehnya untuk mencari lebih keuntungan. Mereka tidak langsung mempedulikan kebajikan pekerja-pekerja mereka, gejala penjajah ini dibawa turun-temurun ke zaman ini juga.

Keadaan perumahan, kemudahan kesihatan dan pusat asuhan kanak-kanak di estet adalah amat menyedihkan. Selain daripada ini, mereka tidak langsung mempunyai peluang berekreasi. Tempat tinggal mereka digelar sebagai 'Coolie lines' dan tidak mempunyai sebarang bilik, suami-isteri, anak, ibu-bapa semuanya terpaksa berkongsi sebuah rumah tanpa bilik dan tidak ada privacy langsung. Akan tetapi Rang Undang-undang baru ini telah mempunyai peruntukan yang munasabah untuk tinggal dalam sebuah rumah yang standardnya terkawal dengan mempunyai bilik serta berprivacy pula. Ini adalah suatu usaha Kerajaan untuk memberi tempat tinggal yang selesa kepada pekerja estet dengan tujuan menarik lebih banyak lagi pemuda-pemudi kita bekerja di estet atau lombong.

Dalam aspek ini kita juga mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan untuk memastikan majikan membina rumah yang standard seperti yang terdapat dalam projek-projek perumahan swasta dengan mengandungi kemudahan tandas, bilik air, bilik tamu, bilik tidur dan dapur yang sempurna. Selain daripada ini, kawasan dan rumah pekerja estet mestilah mempunyai kemudahan api dan air serta jalanraya dan perparitan yang sempurna. Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan menjualkan rumah tersebut kepada pekerja estet dengan kos harga yang istimewa untuk menarik minat lebih banyak orang bekerja di sektor perladangan. Kerajaan bolehlah memastikan pihak majikan mengkhaskan tempat bagi perumahan setiap ladang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perumahan, suatu masalah besar adalah penjagaan anak-anak kecil pekerja semasa mereka keluar bekerja. Pada masa dahulu penjagaan anak-anak dilakukan oleh orang-orang yang tidak berprofesional dan pusat asuhan kanak-kanak yang terdapat di ladang adalah

amat kotor dan tidak mempunyai ruang yang cukup untuk kanak-kanak berehat dan tidak langsung mempunyai kemudahan rekreasi untuk perkembangan mental kanak-kanak.

Saya amat gembira Rang Undang-undang ini telah memperuntukkan setiap estet mempunyai pusat asuhan kanak-kanak yang standard. Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan supaya memastikan orang-orang yang menjaga kanak-kanak di pusat asuhan itu diberi latihan profesional dan pusat asuhan itu sendiri mempunyai pusat rekreasi untuk perkembangan mental kanak-kanak. Saya pasti jika pekerja-pekerja yakin keselamatan dan keselesaan anak-anak mereka terjamin semasa mereka keluar bekerja, maka produktiviti mereka pasti akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menyentuh adalah berkaitan dengan kemudahan kesihatan kepada pekerja-pekerja estet dan pembinaan hospital untuk merawat pekerja estet. Pada masa ini keadaannya tidaklah terkawal dan kemudahan kesihatan di estet adalah amat menyedihkan. Akan tetapi Rang Undang-undang baru ini telah memperuntukkan supaya majikan hendaklah membina dan menyelenggarakan sebuah hospital di setiap estet. Selanjutnya Rang Undang-undang ini juga kehendaki majikan mengambil kerja seorang doktor perubatan berdaftar untuk tinggal dan bertanggungjawab ke atas hospital itu. Perkara ini amatlah dialu-alukan. Rang Undang-undang ini telah memberi peluang masuk ke hospital Kerajaan atas perbelanjaan majikan serta rawatan bagi keluarganya.

Saya juga mengalu-alukan cadangan rawatan percuma kepada pekerja atau keluarganya selama 30 hari, akan tetapi selepas 30 hari pekerja dikehendaki membayar suatu kadar yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri bagi

rawatan seorang pekerja. Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya tidaklah kenakan kadar yang tinggi ke atas pekerja yang sakit yang tinggal di hospital estet selepas 30 hari. Kadarnya hendaklah amat kurang supaya tidak membebankan pekerja estet semasa beliau sakit. Jika boleh Yang Berhormat Menteri hendaklah mengecualikan bayaran dan memastikan pihak majikan memberi kemudahan kesihatan dengan percuma walaupun tinggal di hospital lebih dari 30 hari. Saya yakin dan percaya dengan adanya Rang Undang-undang yang mengawal kesihatan di estet, rakyat di estet akan hidup dengan lebih sihat lagi demi kemajuan negara. Rakyat sihat, negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menyentuh adalah berkaitan kemudahan-kemudahan rekreasi di estet. Rang Undang-undang baru ini memerintahkan majikan membina dan menyelenggarakan satu dewan komuniti dan menyediakan kemudahan-kemudahan bersukan dan rekreasi di tempat bekerja yang didiami oleh 100 orang pekerja atau lebih. Kegagalan pihak majikan mematuhi perintah ini merupakan satu kesalahan. Saya amat bangga dengan aspek ini dalam Rang Undang-undang tersebut. Saya pasti pekerja-pekerja estet akan diberi peluang untuk berekreasi secara bersukan agar mewujudkan rakyat yang sihat. Perkara ini juga akan menghalang pemuda-pemudi kita melibatkan diri dalam dadah kerana masanya boleh digunakan dalam dewan komuniti atau pusat rekreasi dengan baiknya. Ini adalah satu perkara yang amat dipujikan kerana perkara ini dapat menyelamatkan pemuda dan pemudi kita terlibat dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini mempunyai beberapa proviso yang amat cemerlang, saya khuatir Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang proviso bagi kemudahan komunikasi dan pos, iaitu

telefon dan kemudahan pejabat, pos mini serta jalan tar menuju ke kawasan perumahan pekerja ladang. Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merayu kepada Kerajaan supaya memastikan majikan mengadakan kemudahan telefon dan kemudahan pos di setiap estet serta jalan tar yang kemas. Jika perkara ini dilaksanakan saya yakin dan percaya ladang-ladang akan menjadi satu tempat tinggal yang ideal di negara ini. Jika ianya berlaku Kerajaan tidak payahlah lagi membawa pekerja-pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Rakyat tempatan akan berlumba-lumba bekerja di ladang dengan adanya kemudahan yang sempurna ini. Kerajaan juga dengan ini dapat mengawal pengaliran keluar wang melalui pekerja-pekerja asing.

Satu lagi masalah yang besar dalam ladang-ladang ialah fragmentation yang berlaku sekarang. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam ucapan beliau ada menyebut tentang mewujudkan tempat sekolah dan sebagainya. Masa sekarang ini sekolah-sekolah yang terdapat dalam estet tidak menerima bantuan yang sepatutnya diberi oleh Kerajaan kerana satu alasan yang diberi oleh Menteri Pendidikan sendiri dalam jawapan di Dewan ini, sekolah itu terletak di atas tanah bukan tanah Kerajaan, maka bantuan sepenuhnya tidak dapat diberi. Saya bertanya kenapa Kerajaan tidak boleh mengambilalih (acquire) tanah itu, ia boleh acquire tanah di mana-mana tempat pun untuk public purpose. Mengapa ia tidak boleh? Kenapa sekolah-sekolah itu dalam keadaan yang buruk, teruk, harus diteruskan di dalam ladang-ladang?

Saya pernah soalkan kepada Pengarah Pendidikan Negeri, beliau kata kami tidak boleh buat apa-apa dan Kerajaan belum ada cadangan. Soal pokok ialah kalau kanak-kanak dalam ladang-ladang khususnya banyak mahu melihat maju, cerdik, Kerajaan hendaklah menjamin bahawa tempat pendidikan mereka

di ladang-ladang hendaklah menyempurnakan, bukan seperti keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, but not the least, dengan izin, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang mengambil inisiatif untuk melawat beberapa ladang getah dan kawasan perumahan untuk melihat sendiri keadaan yang amat menyedihkan ladang-ladang getah. Lawatan Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri pastikan akan memberi satu boost kepada pekerja ladang untuk bekerja lebih keras di samping mengalakkan majikan memberi lebih banyak kemudahan lagi kepada pekerja-pekerjanya. Saya berharap lebih banyak lagi lawatan terkejut seperti ini dilakukan oleh Menteri-menteri kita agar keadaan di ladang dan kepentingan pekerja-pekerja ladang selalu dikawal.

Dengan harapan yang murni ini, saya sekali lagi menyokong Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.22 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahas serta menyokong di atas Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Pekerja 1990.

Sepertimana yang telahpun disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, masing-masing ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan. Begitu jugalah saya pun mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana menggubal undang-undang ini untuk kepentingan golongan pekerja. Daripada hasrat yang kita dapati iaitu mengenai

nasib pekerja-pekerja, mengenai pembangunan mereka iaitu daripada segi perumahan, kesihatan, pelajaran, agama, keselesaan dan juga peruntukan untuk services air, elektrik dan telefon dan sebagainya. Dan juga daripada segi matlamat lain iaitu mutu hidup, quality of life, dengan izin, kita dapati di sini bahawa Kerajaan sudah peka dengan kehendak golongan pekerja dan kepentingan dan hak-hak mereka. Ini menunjukkan Kerajaan sayang kepada rakyat terutama kaum pekerja kerana merekalah jentera pembangunan dan kemakmuran negara dan rakyat. Tanpa mereka, tanpa pembangunan. Jadi, inilah sebagai introduksi saya.

Tetapi kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan begitu peka, begitu berminat untuk hendak meninggikan taraf kehidupan manusia, taraf kehidupan pekerja dan rakyat jelata, ada juga golongan-golongan yang tertentu yang begitu iri hati, begitu tidak seronok dengan Kerajaan dalam usahanya untuk meninggikan taraf kehidupan, terutama sekali pekerja-pekerja. Jadi, kini kita telahpun mengalami masalah berkenaan dengan rungutan-rungutan, berkenaan dengan petition dan sebagainya. Saya tidak tahulah sama ada Rang Undang-undang ini sebagai coincidence, iaitu untuk hendak berkempen supaya kempen anti Malaysia dalam GSP status ini untuk hendak menguatkan hujah-hujah kita. Saya tidak tahu secara coincidence, tetapi bagaimanapun Kerajaan telah terbukti peka dengan kehendak-kehendak rakyat. Ini bukanlah perasaan sekarang, daripada dahulu pun memang Kerajaan sudah peka.

Jadi, berbalik kepada kempen-kempen anti Malaysia dalam GSP status ini, kita dapati mereka ini begitu sampai hati untuk memecahkan periok nasi pekerja-pekerja kita. Jadi, dalam hal ini kita dapati banyak pekerja-pekerja, terutama sekali di bidang elektronik yang akan terjejas. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri sendiri, sekurang-kurangnya 125,000 pekerja akan terjejas kehidupan ataupun periok nasi mereka sekiranya Amerika Syarikat menarik balik GSP status daripada kita. Dan selain daripada 150 orang pekerja itu, mereka juga menanggung lebih kurang 1.5 juta keluarga. Jadi, inilah akibat sekiranya GSP status ini ditarik balik daripada Malaysia. Tetapi bagaimanapun golongan ini kita dapati tidak begitu merasai apa-apa silu untuk hendak meneruskan usaha-usaha mereka sama ada secara direct ataupun tidak direct. Dengan usaha mereka ini terbayang sekali ataupun ternyata bahawa negara-negara lain yang membangun ataupun kurang membangun akan mengambil faedah daripada kempen ini. Sekiranya status ini ditarik daripada Malaysia, maka pihak-pihak tertentu, terutama Kerajaan Amerika besar kemungkinan akan meletakkan kilang-kilang mereka di negara yang tidak ada masalah seperti ini.

Saya menganggap golongan-golongan ini sebagai pengkhianat negara dan bangsa. Bila saya sebut bangsa, kita dapati di sini di dalam group ataupun kumpulan mereka itu ada bangsa India, ada bangsa Melayu. Jadi, bermakna kata bangsa India sendiri yang hendak memusnahkan bangsa India. Begitu juga bangsa Melayu sendiri yang hendak memusnahkan bangsa Melayu. Oleh sebab golongan pekerja ini besarnya adalah terdiri dari golongan India dan Melayu, jadi saya merasai begitu kesal di atas tindakan mereka ini. Kita tahu bahawa mereka menggunakan isu ini sebagai political tool untuk menaikkan imej mereka di negara ini, tetapi akhir-akhir ini dalam akhbar hari ini saya dapati V. David pun telah menarik balik, kalau dia tidak menarik balik pun, dia tidak mengakui yang dia sebenarnya ada di belakang ataupun di hadapan usaha untuk menarik balik status ini iaitu kalau tidak silap saya

seperti Yang Berhormat Dato' K. Pathmanaban telahpun sebut mereka ini baling batu menyembunyi tangan. Ini bukanlah secara gentleman.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati usaha mereka ini adalah begitu berkonflik dengan interest ataupun kepentingan pekerja dan juga dengan persatuan di mana yang mereka menjadi wakil untuk meninggikan taraf kehidupan pekerja-pekerja itu. Mereka ini memang mendapat hasil daripada menjadi pegawai-pegawai di dalam persatuan-persatuan itu, sedangkan tempat yang memberi mereka periuk nasi itu pun mereka hendak pecahkan, saya tidak faham apakah jenis orang sebagai ini. Jadi, mereka tidak nampak yang mereka itu bukan setakat hendak memecah periuk nasi orang, hinggakan tidak nampak yang periuk nasi mereka sendiri pun akan pecah.

Saya faham sekiranya status ini ditarik balik, rakyat Amerika pun tidak suka, oleh sebab bila status ini ditarik balik, harga-harga barang di Amerika akan naik oleh sebab Kerajaan Amerika akan mengenakan cukai. Jadi, saya rasa usaha-usaha mereka ini akan sia-sia sahajalah. Sekiranya barang-barang jenis elektronik ini dipasarkan di Amerika dengan harga yang lebih tinggi, jadi pasaran di Amerika pun akan menurun. Jadi, usaha mereka ini rasa saya akan sia-sia sahaja begitu. Daripada usaha mereka ini kita dapati juga bahawa kalaulah tercapai, memang ada kehilangan kerja, sedangkan sekarang pun kita ada masalah unemployment. Jadi, mereka ini sekarang ini hendak create unemployment lebih besar lagi. Jadi, saya suka menyeru kepada kaum pekerja ini yang masih ada pendapatan, yang boleh hendak hidup, boleh sedikit pakai, boleh sedikit ada bumbung, boleh sedikit makanan, bersabarlah. Lebih baik ada sedikit pakai, sedikit tudung, sedikit makan, daripada tidak ada makanan, tidak ada pakai dan tidak ada tudung langsung. Jadi, itu sebagai seruan sahaja.

Kalau juga usaha mereka ini betul-betul berhasil, saya gesalah kepada Kerajaan janganlah begitu mengharap-kan sangat kepada pasaran Amerika kerana dunia ini masih besar lagi. Jadi sebagai alternatif, saya mintalah pihak Kerajaan supaya berusaha mencari pasaran lain, develop, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pasaran yang baru. Tidak perlulah kita penetrate, dengan izin sekali lagi pasaran yang mungkin telahpun saturated. Lebih baik kita mencari pasaran baru dan develop pasaran yang baru itu untuk dapat kita menghantar atau mengeksport barang-barang kita sekiranya tidak dapat kita eksport ke Amerika lagi.

Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada empat golongan yang terlibat. Pihak Kerajaan Malaysia, pihak Kesatuan Sekerja, pihak Kerajaan Amerika dan pihak pekerja-pekerja sendiri. Opposing forces - di sebelah pihak kita ada Kerajaan Amerika dengan pertubuhan-pertubuhan mereka; di sebelah sini kita ada Kerajaan Malaysia dengan pertubuhan-pertubuhan kita, dan pertubuhan-pertubuhan kita yang menyokong di sebelah sana. Di tengah-tengah kita ada pekerja-pekerja. Jadi, usaha untuk hendak menentang kempen anti-Malaysia ini adalah Kerajaan sendiri, usaha daripada Kerajaan. Tidak banyak saya dapati daripada pekerja-pekerja sendiri. Apakah ini bermakna bahawa pekerja-pekerja menyokong di atas sikap pemimpin-pemimpin mereka itu hinggakan mereka berdiam diri? Jadi, rasa saya ini satu paksaan atau satu cengkaman daripada pihak kesatuan sendiri supaya pihak pekerja-pekerja ini tidak bertindak untuk hendak membela diri mereka, untuk hendak mengekalkan periuk nasi mereka. Kita sendiri pun tidak tahu. Saya ingat Kerajaan sendiri pun tidak tahu bagaimanakah perasaan mereka sebenarnya.

Jadi, inilah saya menyeru dan meminta Kerajaan berusaha supaya pergi direct kepada grass-root ini,

kepada pekerja-pekerja sendiri, minta pendapat mereka sendiri ataupun kita membuat satu survey, satu bancian yang tepat sekurang-kurangnya secara statistical iaitu mengambil random survey. Tetapi ini tidak perlu rasa saya oleh sebab kalau yang terlibat tadi mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 125,000 orang dapatlah kita cetakkan borang dengan "Yes" or "No", mahu atau tidak mahu GSP lagi. Kalau tak mahu, tulis "No" Kalau "Yes" bermakna kata kita bersetuju lagi supaya GSP dikekalkan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan menganjurkan survey ini secepat mungkin. Tidak banyak borang, 125,000 orang sahaja dan borang tidak banyak. Hari ini pun boleh dikeluarkan, hantar ke kilang-kilang minta pendapat, "Yes" or "No" itu sahaja, tidak susah. Mungkin sedikit sebanyak dalam borang itu kita masuk latar belakang faedah GSP. Kita pergi direct. Tetapi kalau pekerja jawab balik mereka pun kata "No", itu memang malanglah. Tetapi rasa saya periuk nasi ini lebih penting daripada apa-apa lain lagi. Rasa saya majoriti, kalau tidak semua pun pekerja-pekerja akan menjawab secara positif iaitu mereka hendak mengekalkan status GSP Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lagi tetapi bagaimanapun inilah sedikit sebanyak seruan saya dan cadangan saya agar dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini pihak Kerajaan akan mendapat faedah daripada segi penyokongan rakyat dan pihak rakyat akan berfaedah daripada apa yang mereka akan dapat daripada Kerajaan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.34 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam satu perbahasan atas Rang Undang-undang Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini menggantikan dan membaiki lagi piawaian-piawaian dalam Akta Minimum Perumahan Pekerja 1966 serta memperkemas dan menyatukan undang-undang yang sedia ada. Rang Undang-undang ini mengandungi beberapa bahagian dan seksyen yang baru untuk memberi perlindungan dan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna kepada masyarakat pekerja kita di ladang-ladang dan lombong-lombong.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita, di Semenanjung Malaysia ada 1,570 ladang, penduduknya seramai 343,000 dan unit rumah-rumahnya 85,000. Daripada ini 29%, atau 462 daripada 1,570 ladang, mendapat bekalan air dari sumber Kerajaan iaitu dari Jabatan Bekalan Air, 1,108 ladang menerima bekalan air dari perigi, sungai dan kolam, 262 ladang mendapat bekalan air tidak ditapis dan 307 ladang lagi mendapat bekalan air tidak dirawat untuk penggunaan pekerja-pekerja mereka.

Kalau kita pandang kepada bekalan elektrik di ladang-ladang, 770 ladang bergantung bekalan elektrik kepada generator, 50% ladang-ladang terima bekalan elektrik 24 jam dan 23% tidak mendapat bekalan elektrik langsung.

Kalau kita banding hospital-hospital di estet, daripada 1570 ladang-ladang di Semenanjung Malaysia yang kita ada hospitalnya 65.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah angka-angka daripada bancian yang dibuat oleh Universiti Malaya dengan

kerjasama Kementerian Sumber Manusia. Kita ucap syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau dapat membentangkan satu Rang Undang-undang untuk membaiki Akta yang sedia ada iaitu Akta tahun 1966. Saya cuma merayu kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya dapat melihat dan melaksanakan hasrat suci murni ini dan kalau ini tidak dapat dilaksanakan maka sia-sia sahajalah dan ianya akan jadi satu Akta sahaja sekiranya pegawai-pegawai Buruh atau Kerajaan sendiri tidak berwaspada tentang pelaksanaan Akta ini.

Saya difahamkan Akta tahun 1966 itu yang telahpun diwujudkan 24 tahun dahulu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini kerana keengganan majikan-majikannya. Saya amat keliru dengan majikan-majikan kita.

Kalau pekerja-pekerja sihat, kalau pekerja-pekerja duduk dalam kehidupan yang sempurna, mungkin ekonomi kita akan bertambah, pengeluaran kita bertambah jika majikan mengambil peduli untuk memberi kemudahan-kemudahan asas kepada mereka.

Oleh sebab itu dari kajian saya tiap-tiap tahun, 100 belia akan keluar dari estet mencari pekerjaan di bandar-bandar. Kita menghadapi satu masalah yang sangat besar - kekurangan pekerja-pekerja estet. Kalau ini tidak dikawal, satu hari nanti kita akan bergantung kepada pekerja-pekerja asing dari Bangladesh, dari Indonesia dan dari negeri-negeri yang lain.

Saya difahamkan bukan sahaja di estet-estet bahkan di lain-lain sektor lebih kurang 300,000 pekerja-pekerja asing bekerja dalam negara kita, sebahagiannya dengan persetujuan Kerajaan dan yang sebahagian lagi adalah secara haram. Mereka yang datang secara haram ini akan menjadi masalah sosial dan politik di negara kita. Kita sering kali terbaca dalam akhbar, di sana rompak, di sini rompak.

Jenayah-jenayah kecil ini dilakukan oleh pekerja-pekerja asing kerana mereka menghadapi masalah sosial di negara mereka dan terpaksa datang ke sini untuk mencari pekerjaan. Apa sebab? Jangan anggap pekerja-pekerja ladang ini cuma orang India sahaja. 40% daripadanya adalah kaum bumiputera dan lebih kurang 5% dari kaum Cina. Kita kena cari punca apakah sebabnya mereka ini mencari pekerjaan di luar daripada estet. Ini adalah oleh kerana majikan sangat kedekut. Apabila hendak memberi gaji bulanan kepada pekerja pekerja ladang, banyak pertikaian berlaku, mereka ini tidak boleh, itu tidak boleh dan terpaksa Kabinet campur tangan. Mereka kata ada undang-undang yang menetapkan bayaran gaji maksimum untuk 26 hari sebulan. Apa sebab mereka tidak boleh beri gaji bulanan? Saya sendiri tidak faham. Kalau mereka boleh beri gaji yang sempurna serta kemudahan asas dan rumah tidak ada masalah. Tuan Yang di-Pertua, saya berasal dari estet. Sekarang kita minta diadakan rumah dua bilik. Semasa saya dahulu iaitu tahun 1946, rumah itu tidak ada bilik. Tidak tahulah, bapa saya mempunyai 7 orang anak, tetapi tidak ada bilik di rumah itu dan semuanya terbuka. Kemudahan asas ini adalah satu tuntutan daripada pekerja ini, dan kita harus terima ini. Kalau sekiranya kita tidak terima ini, kita akan hilang tenaga buruh dan kita terpaksa bergantung kepada pekerja-pekerja asing yang tidak mahir.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sebuah estet bernama Boh Estate di Cameron Highlands terpaksa membawa pekerja dari Bangladesh, tetapi pekerja-pekerja itu tidak tahu macam mana hendak petik daun teh dan akhirnya terpaksa estet ini dijual. Ini bukan hanya satu contoh bahkan ada beberapa contoh yang saya boleh berikan. Saya merayu kepada majikan itu bahawa masanya sudah sampai untuk perhubungan pokok dalam sistem pembayaran gaji itu dipertimbangkan. Kalau kita beri gaji bulanan dan kalau

kita beri rumah dengan sempurna, kita tidak akan kehilangan pekerja. Saya merayu kepada pihak majikan itu supaya jangan abaikan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat, pada tahun 1976, Perdana Menteri dahulu, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, telah mengumumkan satu skim perumahan bagi pekerja-pekerja ladang. Sudah berapa tahun lalu, Tuan Yang di-Pertua? Sudah 14 tahun, tetapi cuma kita dapat melaksanakan sebanyak 2,176 rumah sahaja di 14 estet dan 2 lombong. Kalau siap setahun 10 buah rumah pun, sudah sampai 140 buah, tetapi mereka enggan hendak membuat skim itu.

Tujuan Kerajaan sangat baik, sangat suci dan sangat murni, tetapi gedung-gedung seperti Guthrie, Harrisons & Crossfield, Golden Hope semua mahu mencari keuntungan banyak, mahu bayar tax banyak, tetapi apabila pekerja minta perumahan persendirian, itu tidak dapat dijalankan. Cuma 14 estet sahaja yang dapat menjalankan skim ini dan saya difahamkan ada 18 estet dan 2,840 buah rumah dicadangkan. Cadangan itu saya tidak percaya. Kalau boleh kita wajibkan mereka supaya memberi rumah persendirian untuk pekerja-pekerja ladang. Kalau tidak, mereka akan mencari 'loophole' - ini pun untuk mereka membuat yang minimum. Tetapi saya mengucapkan terima kasih kepada majikan-majikan yang berjumlah 8% yang telahpun mendirikan 4,000 buah rumah dengan 3 bilik tiap-tiap satu. Ada juga majikan yang baik. Yang baik ini kita pujilah dan yang tidak mahu buat itu kita patut mendesak dan merayu kepada mereka supaya berbuat demikian.

Kita berada dalam tahun 1990an dan sudah sampai masanya bagi Kerajaan untuk campur tangan. Kerajaan mengatakan ini tuannya estet, tidak boleh diadakan balairaya, jururawat tidak boleh masuk, doktor Kerajaan tidak boleh masuk, sebab estet ini kepunyaan sendiri. Tuannya estet ini

lebih besar daripada Perdana Menteri, lebih besar dan semua ini tidak boleh masuk. Estet adalah satu 'vote bank', pekerja-pekerja ladang adalah pengundi, mereka adalah warganegara dan akan menentukan Kerajaan. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa sebab Kerajaan tidak boleh menghantar seorang Pembantu Hospital ke estet-estet ini di mana klinik atau dispensari sudahpun sedia ada. Apa salahnya seorang doktor tidak boleh melawat klinik ini? Apa kesalahan mereka sudah lakukan? Ada dikatakan semua estet ini dahulu tuannya ialah "Mat Salleh", tetapi "Mat Salleh" ini sekarang sudahpun balik ke negeri mereka. Yang ada sekarang mereka ini adalah berkulit macam saya, kulit abang saya Ahmad dan kulit Ah Chong. Mereka ini harus mengurangkan beban Kerajaan, jangan mereka pula memberi segala masalah kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak beri cadangan-cadangan supaya cadangan-cadangan ini janganlah seperti cadangan sahaja. Saya sedia maklum Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia itu apabila jumpa majikan, tolong beritahu, masanya sudah sampai.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Tamán Asuhan Kanak-kanak sudah hendak wujudkan satu undang-undang. Kementerian sudah ada tanggungjawabnya, ia boleh melaksanakan undang-undang itu dan katanya ia akan beri minuman dan pegawai buruh akan tentukan minuman ini. Apa salahnya Kerajaan beri subsidi seorang kanak-kanak itu sepuluh ringgit apa salahnya? Kalau kita kira-kira tiga puluh hari, saya ingat berapa sen sahaja. Kanak-kanak itu boleh dapat sebiji telur dan susu untuk menjadikan dia kuat, baru dia boleh belajar, dia akan jadi satu tunas harapan bangsa dan negara.

Haruslah kita beri perlindungan dan haruslah kita berikan segala subsidi itu - sampailah masanya Kerajaan campurtangan. Ini mungkin kita ingat

sebiju telur, kalau kita boleh beri beberapa subsidi kepada beberapa bahagian, apa salahnya Kerajaan tidak boleh beri subsidi untuk seorang kanak-kanak sebanyak sepuluh ringgit. Kalau kita kira pun tidak sampai berjuta ringgit, itu Kerajaan boleh beri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong beritahu kepada pihak yang berkenaan supaya Taman Asuhan Kanak-kanak ini dapat kemudahan yang sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Kementerian dan Kerajaan dengan adanya Akta ini. Akta ini sekiranya dilaksanakan dengan sebaiknya akan menubuhkan satu era baru. Saya sedia maklum, mungkin Ahli Parlimen dari Ipoh, Yang Berhormat P. Patto kata ini pancing undi, mana ada pancing undi? Dia sendiri pancing undi, dia kata ini adalah pancing undi. Biar mereka kata apa pun, kalau tujuan kita itu baik, kita laksanakan tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi menitikberatkan dengan perumahan pekerja-pekerja ladang. Golden Hope Plantation adalah satu plantation yang dimiliki oleh orang-orang kita. Saya difahamkan ada satu cadangan untuk menubuhkan perumahan di ladang Sepang ini, tanah sudah identified, tetapi oleh sebab Harison and Crossfield pada masa itu, pada masa sekarang Golden Hope Plantation, dengan Menteri sendiri melawat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' K. Pathmanaban sendiri melawat dengan tiada bunga manggar dan tiada bunyi-bunyian, paper sudah siarkan, "... kita akan melaksanakan satu perumahan di ladang Sepang...". Sudah 14 tahun, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, kalau saya salah, dia boleh mengkritik saya pada masa dia jawab nanti. Rancangan ini sudah terbengkalai. Pegawai Daerah sendiri datang dan semua pegawai datang, tanah sudah sedia ada, rancangan pun hendak dilaksanakan. Oleh sebab perangai majikan itu, rancangan ini tidak dijalankan. Hancurlah mimpi mereka - hancur, Tuan Yang di-Pertua.

Saya kurang faham, mereka mahu memperabdikan pekerja-pekerja di berek estet - tidak boleh. Kalau kita buat seperti ini, kita akan menghadapi beberapa masalah - masalah kekurangan pekerja dan masalah-masalah yang lain. Sebab itulah saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan ingin memberitahu Dewan yang mulia ini supaya kita haruslah dengan hati yang baik menjalankan kerja-kerja supaya pekerja-pekerja ladang tidak ditinggalkan. Jangan mereka anggap mereka ini adalah satu golongan yang tertinggal, dengan izinnnya, 'from the main stream of development'.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini berlaku, mungkin pihak-pihak anti nasional akan ambil kesempatan dan memutarbelitkan mereka, inilah keraguan saya. Saya sungguh-sungguh berharap supaya pihak Kerajaan mengambil berat tentang hal ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia baru-baru ini mengumumkan satu Jawatankuasa Tetap peringkat kebangsaan di Kementerian Sumber Manusia walaupun ditubuhkan untuk mencari cara pelaksanaan yang lebih mudah, licin dan untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan perumahan pekerja-pekerja ladang. Rancangan pemilikan rumah oleh pekerja-pekerja ini akan diberi penekanan dan keutamaan yang perlu sebagai satu daripada pendekatan untuk memupuk kehidupan yang lebih sempurna dan selesa dengan pekerja-pekerjanya. Saya sungguh-sungguh berharap Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memberi perhitungan dan pandangan yang lebih jauh untuk menyelesaikan masalah-masalah pekerja-pekerja ladang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan yang telah pun membawa satu Rang Undang-undang yang harus kita berterima kasih dan mengalu-alukan. Kita sedia maklum

satu golongan yang telah datang ke negara ini satu ratus tahun dahulu. Satu ratus tahun dahulu bukan mereka suka hendak datang ke sini, British yang membawanya. Mereka memutarbelitkan bahawa golongan itu yang hendak balik sudah balik dan golongan yang ada sekarang ingin menjadi seorang warganegara yang berguna. Oleh sebab itu, saya sungguh-sungguh merayu kepada Kementerian Sumber manusia supaya benar-benar melaksanakan undang-undang ini dan kalau boleh memaksakannya.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pegawai-pegawai buruh pergi ke estet dan dia memberitahu manager bahawa pekerja-pekerja tidak tahu. Kalau kita tanya di sini, Yang Berhormat Menteri kata tidak, dia pun jumpa pekerja. Saya sendiri sudah dapat aduan ini. Aduan ini kalau boleh bila pegawai-pegawai buruh pergi ke estet, harap beritahu kepada NUPW dan juga majikan supaya mereka boleh memberi apa-apa aduan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya, menyokong Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

5.59 ptg.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk menyokong Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Seperti juga saudara saya Yang Berhormat C. Krishnan, saya juga dilahirkan di dalam sebuah estet dan tinggal beberapa tahun, berpuluh-puluh tahun dalam rumah-rumah estet yang mana kita bincangkan sekarang dan saya juga tahu Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini semalam dan pada hari ini juga dilahirkan dalam sebuah estet dan biasa tinggal dalam rumah-rumah yang mula-mula dibina oleh penjajah. Penjajah membuat pondok-pondok kecil untuk pekerja-pekerjanya, tetapi dia membuat banglo-banglo di atas bukit-bukit, begitulah kehidupan pekerja-pekerja di estet-estet sejak sektor perladangan bermula dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali apabila kita kata pekerja-pekerja ladang, pada umumnya ramai penduduk-penduduk negara kita dan juga pegawai-pegawai di sini menganggap pekerja-pekerja ladang ini semuanya adalah terdiri daripada kaum India. Sebenarnya bilangan pekerja-pekerja ladang sepertimana angka-angka yang saya perolehi ada 52% terdiri daripada orang-orang India, 38% terdiri daripada kaum Bumiputera dan yang lain terdiri daripada kaum Cina dan sebagainya. Jadi inilah satu banciaan atau angka yang penting untuk semua orang khususnya pegawai-pegawai yang menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Kita tidak guna membuat berpuluh-puluh undang-undang kalau penguatkuasaannya tidak rapi, tidak adil dan tidak baik.

Pada tahun sudah kita ada membuat satu undang-undang mengenai samsu haram. Penguatkuasaannya tidak begitu baik, tidak begitu rapi maka sehingga hari ini masih terdapat beberapa buah kedai-kedai di ladang-ladang getah dan lain-lain tempat menjual samsu. Malangnya pegawai-pegawai yang diharapkan menguatkuasa undang-undang kita kadang-kadang mereka sendiri terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini itu. Itulah sebabnya beberapa undang-undang yang kita buat dan sudah diluluskan tetapi oleh kerana tidak dikuatkuasakan dengan penuhnya, dengan baiknya, dengan adilnya dan dengan sempurnanya, maka keburukan-keburukan itu, kelemahan-kelemahan itu masih lagi terdapat.

Negara kita ialah negara membangun, dan sektor peladangan mendapat satu keuntungan yang besar kepada negara kita. Negara kita adalah salah sebuah negara atau pengeluar utama getah. Siapakah sebab-sebab maka kita dapat keuntungan yang besar daripada pengeluaran getah dan lain-lain hasil pertanian? Pekerja-pekerja juga ladang dan lombong-lombong. Jadi, adakah sebagai membalas jasa mereka, budi mereka, kita memberi hadiah yang setimpal dengan sumbangan mereka. Setakat ini layanan yang mereka dapat daripada Kerajaan saya rasa tidak begitu adil.

Baru-baru ini Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk meninggikan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi penduduk-penduduk di estet-estet. Sebagai contohnya Kementerian sendiri sudah mengubah nama Kementerianya yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Buruh, dirasai tidak sesuai lagi pada zaman pembangunan ini, "Buruh" sudah ditukar namanya menjadi 'Kementerian Sumber Manusia'. Itu menunjukkan kepentingan sumber manusia terhadap pembangunan ekonomi dan negara kita.

Baru-baru ini satu pertikaian telah berlaku di antara NUPW, Persatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan, dengan MAPA di mana pekerja-pekerja mahukan tuntutan gaji bulanan, manakala pihak MAPA pula enggan melayani mereka sepenuhnya. Peranan Kementerian Sumber Manusia, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam pertikaian ini adalah bukti untuk kita menyelesaikan masalah gaji ini supaya melalui masalah gaji itu, apabila gaji bulanan diberi maka taraf hidup pekerja-pekerja pun bolehlah dinaikkan.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia terutamanya Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Lim

Ah Lek dan Timbalannya Yang Berhormat Dato' K. Pathmanaban kerana usaha-usaha mereka dalam hal-hal pekerja ladang.

Dalam undang-undang ini, saya rasa ada satu hal yang penting. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di sini kalau biasa melawat ke estet-estet boleh memahami apakah kedudukan yang sebenarnya di estet-estet.

Sebagai contoh saya berasal dari negeri Kedah. Ada sebuah estet lebih kurang 15,000 ekar di Kedah dipunyai oleh Guthrie, tetapi Guthrie baharu sahaja memperolehi estet itu, sebelum itu Orang Putih yang menjadi tuannya. Estet itu mempunyai 12 divisions atau bahagian, dari division 1 sampai division 12. Dahulunya dikenali sebagai Dublin Estate, sekarang ini menjadi Ladang Sungai Dingin. Estet itu terletak 20 batu jauhnya dari pekan Kulim. Division 1, 16 batu, division 2 itu 18 batu, begitulah sampai division 12. Tuannya estet itu dahulunya Orang Putih dan seperti saya kata tadi estet itu 20 batu jauhnya dari pekan Kulim di mana kita boleh mendapat kemudahan-kemudahan seperti sekolah dan lain-lain. Tetapi rumah-rumah di division-division itu, bahagian-bahagian estet itu bukan di tepi jalan, tetapi 3 atau 4 batu jauhnya daripada jalan raya. Ini menunjukkan penjajah dahulu ingin mengurungkan pekerja semuanya itu jauh daripada pekan-pekan dan jauh daripada jalanraya-jalanraya.

Jadi, begitulah kehidupan pekerja-pekerja di ladang-ladang yang jauh dari pekan-pekan di mana kemudahan-kemudahan rekreasi dan lain-lain terdapat. Saya merayu kepada Kementerian Sumber Manusia supaya memberi arahan kepada tuannya-tuannya estet atau ladang, apabila mereka membuat atau membina rumah-rumah ini, tolonglah bina di tepi pekan kalau estet-estet itu berhampiran dengan bandar-bandar atau pekan-pekan, atau di tepi jalanraya supaya penduduk-

penduduk di situ bolehlah menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah dengan senang.

Sepertimana kita maklum, penduduk-penduduk di estet ini adalah terdiri daripada kumpulan miskin. Gaji mereka kurang, tidak ada lain-lain pendapatan, maka tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah yang mana biasanya terdapat jauh dari estet-estet iaitu 20 batu, 15 batu dan 10 batu. Jadi, saya merayu kepada Kementerian Sumber Manusia supaya beri arahan kepada tuanpunya-tuanpunya estet dan ladang, apabila mereka membina rumah, seboleh-bolehnya binalah rumah-rumah itu di tepi bandar kalau estet itu berhampiran dengan bandar; kalau tidak, jangan bina dalam sekali, buat di tepi jalan supaya senang ibu bapa itu menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Sepertimana yang kita tahu kadar keciciran pelajar-pelajar adalah tertinggi sekali di kalangan penduduk-penduduk estet. Apabila sampai Darjah 6 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di ladang itu, di mana cuma kadang-kadang di sesuatu division, didapati 20 orang atau 30 orang sahaja pelajar, maka kita tahu bagaimana kemudahan-kemudahan itu. Selepas Darjah 6, mereka dikehendaki pergi sejauh 20 batu, 10 batu dan sebagainya untuk menghadiri sekolah menengah, tidak mampu hantar anak-anak, maka berlakulah keciciran. Jadi, itu satu perkara yang penting.

Kemudian pula mengenai sekolah-sekolah Tamil di estet-estet. Di dalam Rang Undang-undang ini tidak terdapat apa jua pun tentang sekolah-sekolah. Saya rasa elok, walaupun tidak termasuk dalam bidang Kementerian Sumber Manusia, kalau dalam Akta ini kita buat juga sedikit sebanyak tentang sekolah-sekolah. Dalam sekolah-sekolah ini, sebagaimana yang kita tahu, sekolah-sekolah Tamil ini dianaktirikan di estet-estet. Bagaimana pula ini berlaku. Kalau

Kerajaan mahu tanah untuk sesebuah sekolah ataupun lain-lain bangunan, kita tahu banyak bomba dan pusat-pusat kesihatan dan lain-lain yang Kerajaan "acquire", dengan izin, ambil tanah dari swasta dan lain-lain, tetapi bagi sekolah-sekolah Tamil yang ada sebanyak 600 buah sekolah di seluruh tanahair, tadi saya kata sesetengah sekolah ini dianaktirikan kerana sekolah-sekolah ini di bawah kumpulan sekolah-sekolah bantuan modal. Dia kata ini tanah swasta punya dan tidak boleh dimajukan, Kerajaan tidak boleh beri bantuan kewangan untuk membina bangunan.

Beberapa kali kami telah buat soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, mengapakah Kerajaan tidak boleh ambil tanah itu untuk menjadikan ataupun menukarkan dari sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh. Kalau bantuan modal, tidak dapat apa-apa bantuan daripada Kerajaan, cuma menempatkan guru-guru untuk mengajar kanak-kanak di situ. Kalau bantuan penuh, dia buat satu bangunan yang baru dan lain-lain kemudahan sampai komputer pun diberi. Inilah satu hal yang merisaukan penduduk-penduduk di estet. Jadi, kalaulah Kementerian Sumber Manusia boleh berbuat sesuatu untuk merayu kepada tuanpunya-tuanpunya ladang supaya memberi 5 atau 6 ekar tanah untuk membina sekolah, maka semua sekolah-sekolah Tamil di estet-estet bolehlah menjadi sekolah-sekolah bantuan penuh yang mana Kerajaan boleh beri semua jenis bantuan yang boleh dan melalui itu kita bolehlah meninggikan taraf kehidupan pekerja-pekerja di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut tentang tempat-tempat asuhan, hospital-hospital, dispensari-dispensari, tempat rekreasi dan sebagainya amatlah baik, tetapi sepertimana yang saya katakan tadi, penguatkuasaan itu yang penting. Pengarah-pengarah Kementerian Sumber Manusia ini yang melawat estet-

estet ini biasanya dia pergi jumpa Tuan Pengurus Ladang. Pengurus Ladang itu tahu taktik bagaimana melayan pegawai-pegawai yang datang dari bandar, maka selepas dia balik dari lawatan itu, laporan yang diberi cukup baik. Jadi, itu berlaku tiap-tiap kali pegawai melawat ke estet-estet dan sebagainya. Tempat-tempat asuhan hendaklah diawasi oleh orang-orang yang bertauliah. Kalau tidak, maka tujuan tempat-tempat asuhan itu tidak akan berjaya. Cadangan tempat-tempat rekreasi, perpustakaan dan sebagainya amatlah baik. Melalui tempat-tempat rekreasi ini, kanak-kanak atau belia-belua di sesuatu ladang akan mengisi masa lapang mereka dengan baik dan mereka tidak akan terjerumus di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini, saya merayu kepada Kementerian Sumber Manusia, janganlah abaikan dasar Kerajaan kita iaitu pemilikan rumah oleh tiap-tiap orang penduduk di negara kita ini. Kita buat rumah di estet-estet supaya mereka duduk di sana selama-lamanya dan bekerja di estet-estet itu sahaja. Akhirnya, apabila mereka bersara, tidak ada rumah sendiri untuk diduduki. Itu tidak adil dan itu bukan satu praktis yang baik. Jadi, kita janganlah tekankan sangat untuk rumah-rumah bagi pekerja-pekerja itu.

Jadi, kita janganlah tekankan sangat mengenai rumah-rumah untuk pekerja itu. Apa yang saya maksudkan itu binalah rumah dan jual kepada pekerja-pekerja itu supaya rumah itu akan dipunyai, akan dimiliki olehnya dan apabila pekerja-pekerja itu bersara maka senang bagi mereka untuk menduduki, tidak perlu cari tempat penginapan yang lain apabila mereka bersara nanti. Jadi, apa yang saya takut majikan-majikan bina rumah-rumah ini beri kepada pekerja-pekerja menduduki sahaja. Apa yang saya mahu, saya rayu kepada Kementerian ini beri tekanan, ketegasan

untuk pemilikan rumah sendiri yang mana setahu saya ini pada tahun 1973 satu Task Force, dengan izin, dibentuk oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa beliau jadi Perdana Menteri, tetapi malangnya Task Force ini tidak berjaya, gagal dalam tugas-tugasnya. Saya harap cadangan-cadangan dalam Rang Undang-undang ini tidak akan jadi macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kelulusan Rang Undang-undang ini saya harap, melalui Rang Undang-undang ini pekerja-pekerja di ladang-ladang akan dapat satu rahmat yang baik dan melalui ini apabila kita laksanakan Rang Undang-undang ini dapatlah mereka meninggikan taraf hidup mereka dan apabila taraf hidup mereka ini ditinggikan maka produktiviti estet-estet ini pun bolehlah dapat ditinggikan dan seterusnya negara kita pun akan untung.

Dengan kata-kata itu sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia untuk memberikan jawapan.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan serentak menyokong Rang Undang-undang ini. Saya bagi pihak Kerajaan dan Kementerian mengucapkan terima kasih bagi sokongan dan pandangan-pandangan mereka.

Beberapa aspek yang dibangkitkan itu adalah satu ulangan tentang keadaan yang begitu lemah dan buruk di

setengah-setengah ladang dan keadaan itu saya sendiri telah dapat menghuraikan dalam ucapan saya sendiri dan itu menunjukkan bahawa Kementerian dan Kerajaan pada amnya telah mengenalpasti kedudukan masyarakat pekerja ladang yang terdiri, seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan P. Balaram tadi, adalah satu masyarakat yang majmuk pada masa ini, bukan dari satu keturunan sahaja. Jadi, adalah penting tambah lagi mereka ini adalah golongan miskin dan Kerajaan memang memandang berat tentang kehidupan dan kesejahteraan mereka. Rang Undang-undang ini seperti saya kata dahulu adalah satu sahaja daripada pendekatan dan penekanan yang baru yang Kerajaan sedang mengamalkan untuk mempertingkatkan kedudukan pekerja-pekerja ini. Jadi, saya dapat memberi keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita akan bersungguh-sungguh dalam mengamalkan Rang Undang-undang ini dan beberapa aspek dasar dan pendekatan yang baru yang saya menghuraikan dalam ucapan.

Kelemahan-kelemahan dahulu bolehlah dikatakan adalah kerana cara kita mengamalkan Akta dahulu dengan tertakluk kepada pegawai-pegawai buruh di merata tanahair kita pergi ke ladang-ladang satu persatu, meninjau keadaan di situ dan menghuraikan apakah yang perlu dibuat, membuat perakuan kepada majikan, majikan rujuk balik kepada ibu pejabat dan kadang kala harga getah turun, harga kelapa sawit turun dan budget tidak ada, ibu pejabat pun tidak buat apa-apa. Jadi, laporan dan perakuan pegawai-pegawai kadangkala tidak dapat dikuatkuasakan dan kerana itulah kelemahan yang disebut-sebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi saya ingin juga menegaskan bahawa sejak kita sudah merdeka dan Akta tahun 1966 dibuat banyak kemajuan telah juga kita dapat menikmati dan dibuktikan dengan angka-angka yang saya beri tadi iaitu lebih daripada 80% rumah-rumah yang terdapat di estet-estet pada masa ini

adalah sejajar dengan standard yang ada di dalam Akta Piawaian Perumahan 1966 itu.

Kemajuan yang tercapai dalam beberapa aspek yang lain juga menggalakkan walaupun banyak lagi kita harus buat, saya setuju bahawa bekalan air dan elektrik, khasnya bekalan air adalah satu bidang yang harus diberi tumpuan yang kuat, tumpuan yang sedalam-dalamnya dan kerana itulah saya telah mengatakan bahawa satu pendekatan yang baru telah dapat dirangkakan oleh Kerajaan selepas satu kajian telah dibuat di merata estet tentang kualiti air itu, sampelnya dikaji, dianalisiskan, di laboratory tentang penapisannya, air jernih atau sihat, bersih dan sebagainya. Kita pada masa ini dapat memberi perakuan yang spesifik kepada ladang-ladang dan kita akan menggunakan seperti yang saya kata tadi, satu approach yang baru dalam menguatkuasakan pengamalan atau mengimplementasikan peruntukan kemudahan-kemudahan yang kita mencadangkan dalam Rang Undang-undang ini iaitu satu pendekatan master planning di peringkat ibu pejabat dan pegawai-pegawai melawat ke ladang-ladang secara susulan untuk melihat dan menentukan bahawa apa yang disetujui di peringkat ibu pejabat, syarikat-syarikat ladang adalah dijalankan dan untuk memberi apa jua bantuan yang perlu secara teknik dan sebagainya di peringkat ladang-ladang. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dalam perkara yang begitu pokok dalam kehidupan zaman moden kita untuk membekalkan air yang bersih dan sebagainya.

Dalam bidang LLN dan sebagainya kita haruslah tertakluk kepada memperluaskan liputan atau network LLN sendiri di mana kawasan-kawasan biasanya terpencil, di estet-estet ini dapat diberi bekalan oleh LLN. Sementara itu kita akan cuba untuk membincangkan seberapa jauh yang

boleh untuk satu approach yang lebih senang daripada pihak LLN juga. Dalam perkara rumah-rumah boleh saya katakan pada amnya bahawa selain daripada 20% rumah yang terdiri, yang buruk sekali, yang perlu digantikan serta merta ada lebih kurang 20% daripada rumah-rumah yang dibina mengikut standard yang memerlukan pengubahsuaian.

Jadi kita sudah tahu apakah kita harus buat, jangkaannya dan jumlahnya dan di mana letaknya kelemahan-kelemahan ini sudah pun dikenalpasti kerana kita telah dengan serius meninjau keadaan ini untuk mendapat tahu apakah kita harus buat dan beberapa rumusan yang kita buat untuk membawa kepada Rang Undang-undang ini dan beberapa cara pendekatan yang kita akan cuba mengamalkan. Jadi beberapa hujah dan cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat Tuan Rajoo, Tuan Sivalingam, Tuan Krishnan, Tuan Balaram, Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali, Tuan Dahalan, Tuan Chong Chi Siong dan sebagainya bolehlah saya jawab secara am dengan jawapan itu.

Mengenai dua, tiga aspek yang spesifik, satu mengenai liputan (coverage) undang-undang ini. Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy telah membangkitkan perkara Fasal 2 dan Fasal 5 dalam Akta ini dan bertanya adakah tanah sawah, dusun dan sebagainya termasuk dalam definisi estet. Sukalah saya mengatakan beberapa perkara dalam aspek ini. Pertama, perkataan estet itu ditakrifkan di seksyen 2 itu untuk beberapa Fasal yang spesifik sahaja dalam Rang Undang-undang ini, iaitu untuk peruntukan tanah untuk cucuk tanam atau padang ragut dan untuk mewujudkan hospital dan klinik. Dua Fasal sahaja dalam Rang Undang-undang ini yang ada berkaitan dengan sebutan estet dan definisi estet yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini. Semua peruntukan yang lain dalam Rang Undang-undang ini dapat

dikuatkuasakan di semua tempat di mana majikan berdiri atau menggunakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka atau pekerja-pekerja yang digajikan secara kontrak oleh mereka selain daripada pengecualian di dalam Seksyen 2, iaitu Akta ini tidak dipakai di kawasan-kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Bandaran atau Wilayah Persekutuan walaupun di Bahagian 2 (2) itu Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mempunyai kuasa untuk memperkuatkuasakan melalui pengisytiharan undang-undang ini di kawasan-kawasan Majlis Perbandaran. Jadi Akta ini boleh digunakan jika diisytiharkan oleh Menteri juga di semua kawasan melainkan Majlis Bandaraya dan Wilayah Persekutuan di mana majikan memperuntukkan rumah-rumah bagi pekerja-pekerjanya. Jadi dalam pekan-pekan kecil juga jika termasuk dalam definisi atau liputan Fasal 2 itu jika di kilang-kilang majikan menggunakan atau di luar kilang-kilang tetapi di kawasan-kawasan Majlis Daerah atau Town Council atau Majlis Bandaran jika diisytiharkan, ada majikan yang menggunakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka, Akta ini boleh dikenakan. Jadi, bukan hanya dipakai di estet-estet atau lombong-lombong tetapi di mana juga majikan menggunakan rumah-rumah bagi menempatkan pekerja-pekerja mereka, Akta ini boleh dipakai. Jadi luasnya skop Rang Undang-undang ini.

Di dusun dan tanah sawah, Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy yang sebutkannya, memang undang-undang ini akan dipakai di tempat di mana majikan menyediakan rumah-rumah. Jika di sawah atau di dusun atau di kawasan yang lain majikan tidak menyediakan, tidak memperuntukkan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja, tempat itu tidaklah masuk dalam bidang kuasa undang-undang ini. Itu kita mesti jelaskan, undang-undang ini tidak memaksakan sesiapa pun untuk membina rumah, tidak boleh dipakai di tempat-tempat di mana majikan tidak

membina rumah atau tidak menggunakan rumah-rumah. Itu kita mesti jelaskan.

Yang kedua, mengenai perkara taman asuhan kanak-kanak. Yang Berhormat Puan Valli, Tuan Rajoo, Tuan Krishnan dan juga Tuan Balaram telah menyebutkan mengenai penjaga-penjaga anak-anak, kemudahan di taman asuhan kanak-kanak ini. Konsep taman asuhan kanak-kanak ini adalah baru, berlainan daripada tempat menjaga kanak-kanak dahulu. Kita melalui beberapa syarat dalam Peraturan yang akan diwujudkan nanti akan mensyaratkan beberapa aspek mengenai taman asuhan kanak-kanak ini. Satu, ratio child-minder atau penjaga atau pengasuh kanak-kanak ini kepada kanak-kanak yang ada di pusat-pusat asuhan kanak-kanak dan Peraturan akan berkehendakkan bahawa seorang penjaga digajikan untuk sekurang-kurangnya tidak lebih daripada 10 orang kanak-kanak. Jadi tidak ada keadaan macam dahulu di mana seorang tua menjaga 50 kanak-kanak dan sebagainya. Peraturan akan mensyaratkan seorang penjaga akan menjaga tidak lebih daripada 10 orang kanak-kanak.

Tentang kelayakan child-minder atau penjaga atau pengasuh kanak-kanak ini, beberapa syarat pun akan dikeluarkan dalam peraturan nanti yang mensyaratkan bahawa penjaga ini adalah orang yang sihat tubuh badannya, bukan berusia tua seperti setengah tempat pada masa ini, bahawa beberapa rekod mesti disimpan, bahawa orang yang digajikan itu adalah orang yang mempunyai latihan atau pengalaman yang cukup dalam asuhan mengasuhkan kanak-kanak dan sihat dari segi kesihatan dan sebagainya. Syarat pelajaran atau pendidikan tidak diletakkan pada masa ini kerana ini adalah diharapkan satu yang kita dapat meningkatkan secara berperingkat kerana ada ramai pengasuh kanak-kanak pada masa ini yang kita kena mengambil

kira. Tetapi adalah diharapkan bahawa kita akan dapat mensyaratkan dan mengarahkan kepada majikan-majikan untuk mengambil mereka yang mempunyai latihan secara formal dan mempunyai pelajaran yang sekurang-kurangnya SRP seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Valli tadi.

Mengenai lawatan doktor ke taman asuhan kanak-kanak ini, memang kita akan mensyaratkan kerapnya lawatan doktor itu dan apa doktor itu harus membuat dan merekod kekal mengenai apa yang dibuat oleh doktor itu akan disimpan di taman asuhan kanak-kanak.

Perkara yang lain, dua sahaja. Satu mengenai perumahan, rancangan rumah-rumah miliki pekerja sendiri. Dalam perkara ini saya memang ambil ingatan apa yang dikatakan oleh semua Yang Berhormat rakan saya, khasnya daripada MIC yang telah mengeluarkan rasa kurang puas hati mengenai pelaksanaan rancangan pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja, satu rancangan yang telah diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1975 dan sejauh ini ada beberapa halangan dan rintangan yang telah menjejaskan pelaksanaan rancangan ini sehingga beberapa ribu sahaja rumah-rumah dapat dihasilkan. Pada masa ini kita telah mengenalpasti melalui Jawatankuasa Kebangsaan yang telah pun ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini, mengenalpasti beberapa sebab yang membawa kepada kelambatan dalam pelaksanaan skim ini dan perkara ini akan dibincangkan. Kita harap melalui menjadualkan rintangan, halangan dan masalah, kita akan dapat membincangkan dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan, dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan, dan juga menasihatkan kepada majikan-majikan tentang cara-cara kita boleh mengamalkan rancangan ini secara lebih licin dan berkesan.

Dan kita akan menumpukan masa dan tenaga yang banyak kepada merancang dan melaksanakan rancangan perumahan bagi pemilikan pekerja-pekerja ini kerana seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan Embong selepas mereka ini bersara tidak ada tempat penginapan bagi mereka dan mereka diletakkan di tepi jalan. Jadi, satu rancangan yang mustahak dan kita sedang memberi tumpuan dan perhatian yang sedalam-sedalamnya kepada perkara ini. Kita harap semua kumpulan ladang-ladang akan mengambil ingatan dan bekerjasama dalam melaksanakan rancangan ini, khususnya Syarikat Golden Hope Bhd. yang dahulunya dikenali sebagai HIPB yang sejauh ini sebuah syarikat yang tunggal yang tampil hadapan untuk melaksanakan sebuah rancangan di syarikat mereka. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan C. Krishnan. Saya sendiri sempat pergi melancar tapak perumahan bagi ladang Sepang beberapa tahun dahulu semasa saya Timbalan Menteri di Kementerian ini dahulu dan tapak itu dikenalpasti, rancangan itu dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan sebagainya, 25 ekar berhampiran dengan Pekan Sepang, tetapi apabila ownership kepunyaan Syarikat HIPB ini beralih kepada tangan orang tempatan atau badan-badan tempatan, dasar pun bertukar 25 ekar itu ditanam dengan sawit, tidak dibina dengan rumah-rumah pekerja. Malang sekali dan saya sendiri harap melalui Jawatankuasa Kebangsaan yang ada pada masa ini, kita akan dapat melihat semua syarikat besar di ladang ini menyertai dalam rancangan yang begitu mustahak pada masa ini.

Saya rasa cukup untuk saya menyebut secara am beberapa hujah yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perumahan itu. Pada amnya, saya memang setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Dahalan Embong dan Tuan Chong Chi Siong dan beberapa Ahli Yang Berhormat bahawa penyelenggaraan pekerja-pekerja dan

kemudahan mereka oleh estet-estet hendaklah ditingkatkan. Jika tidak, kita akan menghadapi masalah yang besar dalam menarik dan menempatkan pekerja-pekerja dan keluarga mereka di ladang-ladang dan sektor ladang yang menjadi begitu penting dalam ekonomi negara akan mengalami kerumitan yang besar.

Tidaklah sesuai, tidaklah wajar bagi kita bergantung selama-selamanya ataupun secara begitu luas yang ada pada masa ini kepada buruh yang diimport dari negara jiran, dari Bangladesh, dari Indonesia, dari Thailand dan sebagainya. Kita tidak boleh menjalankan satu industri yang viable yang terpenting seperti industri perladangan dengan buruh yang dipinjam dari negara-negara lain. Perkembangan sektor ladang ini mestilah untuk rakyat kita dan mesti oleh rakyat kita seboleh-bolehnya dan penarikan yang diberi oleh majikan akan menjadi satu penentuan yang besar dalam perkara ini. Jadi, sambutan majikan kepada dasar-dasar ini, pendekatan yang baru kepada peruntukan Rang Undang-undang ini dan kepada beberapa perkara yang lain yang dirundingkan dengan Persatuan Sekerja dan sebagainya akan menjadi perkara-perkara yang penting sekali, bukan seperti tersendiri ataupun satu yang tidak begitu penting. Semuanya menjadikan suasana hidup, suasana kerja di ladang sebagai satu yang lebih menarik, lebih memuaskan bagi pekerja-pekerja dan keluarga pemuda-pemudi di negara kita untuk menjadikan tempat itu sebagai tempat yang attractive pada masyarakat.

Itulah harapan kita, itu sebab kita membawa segala peruntukan di alam Rang Undang-undang ini. Kita harap sama juga mengenai sekolah-sekolah, tumpuan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan pada masa ini suasana hidup dan kerja di sektor ladang dapat ditingkatkan untuk menjadikan lebih menarik.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bhagian dan telah berucap menyokong dan memberi cadangan dan sebagainya. Kementerian akan memberi perhatian, khususnya dalam pelaksanaan undang-undang ini dengan kerjasama semua pihak.

Dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang banyak. GSP tidak payah saya jawab lagi. Saya ingat memang betul, tepat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan Embong dan Tuan Chong Chi Siong itu bahawa pekerja-pekerja kita atau pemimpin mereka, setengah mereka, tidak begitu jujur menerima kepentingan negara sedang saya rasa main-main dengan perkara ini dan mereka mesti jelas, tidak boleh belit dalam perkara ini, mereka mesti sokong. Jika ada masalah yang lain kita bincangkan di sini, bukan di Washington DC, bukan melalui orang Putih yang datang ke sini, bukan merai mereka di sisi barisan mogok dan sebagainya, tetapi kita membincangkan sejauh yang boleh. Tak usahlah kita bersekutu dengan mereka yang berhasrat menjatuhkan imej negara kita, menjejaskan kemajuan dan kepentingan kita sendiri. Kerajaan sentiasa akan terus dengan dasar terbuka untuk menyokong kaum pekerja kita untuk membawa kemajuan yang seberapa yang boleh kepada mereka kerana mereka juga adalah rakyat negara kita. Sebenarnya, mereka menjadi tulang

belakang negara kita yang kita sayangi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.